



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI PAHANG TAHUN 2004



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI PAHANG
TAHUN 2004

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	<u>iii</u>
<u>INTI SARI LAPORAN</u>	<u>vii</u>
<u>BAHAGIAN I</u> : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR <u>31 DISEMBER 2004</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan</u> Penyata Akaun Awam	<u>2</u>
<u>Analisis</u> Terhadap Penyata Akaun Awam	<u>2</u>
<u>Kemajuan</u> Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8	<u>13</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>15</u>
<u>BAHAGIAN II</u> : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI	
<u>Pendahuluan</u>	<u>16</u>
<u>Pejabat</u> Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<u>16</u>
<u>Pengurusan</u> Kewangan Di Peringkat Jabatan	<u>34</u>
<u>Program</u> Penampilan Audit	<u>41</u>
<u>Program</u> Anak Angkat	<u>42</u>
<u>BAHAGIAN III</u> : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS	
<u>Pendahuluan</u>	<u>46</u>
<u>Jabatan</u> Bekalan Air Negeri Pahang	<u>46</u>
Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh	
<u>Jabatan</u> Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang	<u>67</u>
Pengurusan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai	
<u>BAHAGIAN IV</u> : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN	
<u>Pendahuluan</u>	<u>94</u>
<u>Pengauditan</u> Penyata Kewangan	<u>94</u>
<u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan	<u>95</u>
<u>Pensijilan</u> Penyata Kewangan	<u>96</u>
<u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan	<u>96</u>
<u>Prestasi</u> Kewangan	<u>97</u>

<u>Majlis Sukan Pahang</u>	<u>102</u>
Pengurusan Kewangan	
<u>Majlis Daerah Bentong</u>	<u>113</u>
Pengurusan Kewangan	
<u>Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang</u>	<u>122</u>
Pengurusan Ladang Sungai Rasau	
<u>Majlis Daerah Negeri Pahang</u>	<u>145</u>
Sistem Integrasi Majlis	

BAHAGIAN V : PERKARA AM

Pendahuluan	164
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003	164
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	171

PENUTUP	174
----------------	------------

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	175
II	Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum Dan Penyata Ringkas Hasil Dan Perbelanjaan	176
III	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2005	179
IV	Pensijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2005	180
V	Pembentangan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2005	181

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3 Pengauditan Prestasi - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2004 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2004 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2004, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 815 baucar bayaran bernilai RM31.62 juta dan sebanyak 173 penyata pemungut bernilai RM1.35 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri dan 4 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh,

Pengurusan Program Kawalan Hakisan Tebing Sungai, Pengurusan Ladang Sungai Rasau dan Pelaksanaan Sistem Integrasi Majlis.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2003 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembedahan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Pada pandangan saya, prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **KASIH** iaitu:

- a) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- b) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **SKILL** - Kebolehan, kepandaian, pengalaman dan kecekapan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas tertentu. Aspek pengetahuan dan kemahiran ini merupakan pra syarat kepada pelaksanaan tugas dan penghasilan kerja.
- d) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi.
- e) **HONESTY** - Sifat jujur dan amanah, tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan serta berakhlak mulia.

6. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

6.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Pada tahun 2004, program ini masih lagi diteruskan terhadap Majlis Daerah Rompin dan Jabatan Agama Islam Pahang. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

6.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke tahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada pertengahan bulan November 2003.

6.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

7. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun
Berakhir 31 Disember 2004

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa
Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

8. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

14 Julai 2005

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang tahun 2004 telah dapat disahkan. Butiran di Lembaran Imbangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.
2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan Lembaran Imbangan kurang kukuh memandangkan aset berjumlah RM291.61 juta tidak dapat menampung tanggungan yang berjumlah RM377.22 juta. Manakala mengikut Penyata Akaun Memorandum aset berjumlah RM314.73 juta tidak dapat menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.52 bilion.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

3. Beberapa langkah proaktif yang diambil oleh Pejabat telah meningkatkan tahap pematuhan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, pemantauan berterusan masih diperlukan terhadap beberapa aspek seperti penyediaan flimsi, tunggakan hasil yang semakin meningkat, kawalan terhadap pembayaran tunai, cek terbatal dan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a), kelewatan penyerahan penyata pemungut oleh bank kepada Perbendaharaan Negeri untuk diproses, penyediaan penyata penyesuaian, kawalan cek tidak laku dan SPEKS.

Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan

4. Pada keseluruhannya kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan akaun amanah/deposit adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan aset Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan pegawai mereka mematuhi peraturan kewangan. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat melaksanakan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

Program Penampilan Audit

5. Program Penampilan Audit diperkenalkan sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Pada tahun 2004, sebanyak 18 Pejabat telah dipilih bagi tujuan Program Penampilan Audit. Pemeriksaan

Audit mendapati rekod perakaunan seperti Buku Tunai, Buku Vot dan Daftar Bil perlu diselenggarakan dengan kemas kini dan disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Program Anak Angkat

6. Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk memantapkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Pada tahun 2004, Jabatan Audit Negara masih lagi meneruskan Program Anak Angkat melibatkan Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Pihak Audit akan membuat pemantauan untuk menilai kedudukan terkini Jabatan dan Agensi terbabit dan merancang program selanjutnya.

BAHAGIAN III – AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang – Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh

7. Pada keseluruhannya, pelaksanaan Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh adalah berjalan seperti yang dirancang walaupun berlaku sedikit kelewatan dari segi penyiapan projek. Dari segi pencapaian matlamat kajian menunjukkan Empangan tersebut berupaya memenuhi penggunaan air bagi Daerah Kuantan sehingga tahun 2050.

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang – Pengurusan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai

8. Secara keseluruhannya, Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai telah dirancang dengan memuaskan. Garis panduan dan prosedur pelaksanaan telah disediakan dengan lengkap. Dari segi pelaksanaannya, kaedah yang digunakan bagi mengawal hakisan adalah sesuai dengan mengambil kira keadaan tebing. Pelaksanaan kerja dibuat mengikut jadual tanpa kelewatan. Jabatan juga telah melaksanakan fungsinya sebagai Jabatan Teknikal dengan memuaskan. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan projek adalah didapati banyak melibatkan projek kecemasan berbanding yang dirancang. Selain itu, inventori hakisan tebing sungai tidak diselenggarakan di peringkat daerah dan Ibu Pejabat bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan projek. Aspek pemantauan adalah baik kecuali pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran pasir sungai perlu dipertingkatkan melalui kerjasama dengan Pentadbir Tanah Daerah berkaitan.

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis Sukan Pahang – Pengurusan Kewangan

9. Majlis Sukan Pahang perlu mempertingkatkan pengurusan kewangannya terutamanya penyelenggaraan Buku Vot untuk kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset. Kursus yang berkaitan dengan pengurusan kewangan perlu diberikan kepada kakitangan agar dapat memantapkan pengetahuan mereka bagi mengendalikan urusan kewangan Majlis.

Majlis Daerah Bentong – Pengurusan Kewangan

10. Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Majlis Daerah Bentong menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Kelemahan tersebut melibatkan kawalan hasil, akaun amanah, deposit dan pengurusan aset. Tunggakan cukai taksiran dan sewa perlu diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Penyesuaian akaun deposit perlu dilakukan pada setiap bulan. Sementara deposit yang masih belum dikembalikan perlu diambil tindakan segera. Majlis juga hendaklah mengadakan pemeriksaan tahunan terhadap aset seperti yang ditetapkan.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang – Pengurusan Ladang Sungai Rasau

11. Pada keseluruhannya, pengurusan ladang kelapa sawit di Sungai Rasau adalah kurang memuaskan. Ekoran daripada kesan pengurusan di peringkat awal yang kurang berkesan menyebabkan pulangan hasil agak rendah daripada jangkaan walaupun masih mampu memperolehi keuntungan. Bagaimanapun, Agen Pengurusan yang dilantik dijangka dapat mengatasi masalah tersebut dengan menggunakan kepakaran yang ada.

Majlis Daerah Negeri Pahang – Sistem Integrasi Majlis

12. Pada keseluruhannya, pemasangan Sistem Integrasi di 8 buah Majlis Daerah tidak mencapai objektifnya. Kegagalan modul sistem yang dipasang beroperasi seperti yang dikehendaki iaitu sistem Cukai Taksiran dan Perakaunan Majlis menyebabkan operasi Majlis berjalan secara manual dan telah membebankan pengurusan Majlis.

BAHAGIAN I

***PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI***

BAHAGIAN I
PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

1. PENDAHULUAN

1.1 Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004.

1.2 Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 7 bulan tahun berikut untuk diaudit. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 kepada Jabatan Audit Negara pada 22 April 2005.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatan serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Untuk menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah material, faktor yang diambil kira adalah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.

1.4 Pada tahun 2004, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi transaksi perakaunan Jabatan Negeri. Dengan pelaksanaan sistem perakaunan yang baru ini, beberapa usaha dan langkah untuk mempercepat dan meningkatkan mutu penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri dijalankan. Antara tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pemantauan berterusan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dengan mengeluarkan pekeliling kepada Pegawai Pengawal berhubung dengan penutupan akaun tahunan.
- b) Mengadakan latihan, khidmat nasihat dan perbincangan dengan kakitangan di Jabatan mengenai masalah yang timbul mengenai urusan SPEKS.
- c) Mengeluarkan arahan kepada Jabatan berkenaan pelaksanaan penyesuaian Buku Vot secara automatik.
- d) Bermesyuarat dengan Pegawai Pengawal berkaitan masalah menyelenggara akaun deposit dan akaun amanah. Selain itu, tindakan diambil dengan menutup akaun amanah yang tidak aktif.

1.5 Bagaimanapun, usaha ini masih belum menunjukkan kesan sebenar terhadap mutu Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri kerana pada tahun 2004 penyediaan penyata masih dilakukan secara manual.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

2.1 Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi pada persembahan Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2004.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

2.2 Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan kerajaan Negeri terus ditingkatkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

3.1 Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2004 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2003. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, manakala Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang.

3.2 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

3.2.1 Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang mengikut 3 akaun tersebut pada akhir bulan Disember 2004 adalah seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut
Lembaran Imbangan

Bil.	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	0.14	95.76	95.62
2.	Akaun Amanah Disatukan	193.54	195.85	2.31
	Terdiri daripada:			
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(281.47)</i>	<i>(221.18)</i>	<i>60.29</i>
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>208.28</i>	<i>183.89</i>	<i>(24.39)</i>
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>83.73</i>	<i>101.36</i>	<i>17.63</i>
	<i>iv) Deposit</i>	<i>110.91</i>	<i>121.70</i>	<i>10.79</i>
	<i>v) Akaun Kena Bayar</i>	<i>72.09</i>	<i>10.08</i>	<i>(62.01)</i>
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	1.50	0.00	(1.50)
	Jumlah	195.18	291.61	96.43

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

3.2.2 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2004 adalah RM291.61 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM164.92 juta dan pelaburan berjumlah RM126.69 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM96.43 juta daripada RM195.18 juta pada tahun 2003 menjadi RM291.61 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini disumbangkan oleh Akaun Hasil Disatukan yang meningkat sejumlah RM95.62 juta. Sementara itu, Akaun Amanah Disatukan mengalami peningkatan berjumlah RM2.31 juta berbanding Akaun Pinjaman Disatukan berkurangan sejumlah RM1.50 juta. Dari segi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, jumlah aset yang dimiliki berjumlah RM291.61 juta tidak dapat menampung keseluruhan tanggungan yang berjumlah RM377.22 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar berjumlah RM10.08 juta, deposit berjumlah RM121.70 juta dan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM245.44 juta.

3.2.3 Mengikut Penyata Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Aset Dan Tanggungan
Mengikut Penyata Akaun Memorandum

Bil.	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u>			
	Tunggakan Hasil	58.83	67.31	8.48
	Pinjaman Boleh Tuntut	247.35	247.04	(0.31)
	Pelaburan	0.38	0.38	0.00
	Jumlah Aset	306.56	314.73	8.17
2.	<u>Tanggungan</u>			
	Hutang Kerajaan Negeri	1,352.90	1,522.01	169.11
	Jumlah Tanggungan	1,352.90	1,522.01	169.11

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

3.2.4 Jumlah aset mengikut Penyata Akaun Memorandum meningkat sejumlah RM8.17 juta menjadi RM314.73 juta pada akhir tahun 2004 berbanding RM306.56 juta pada akhir tahun 2003. Peningkatan ini berpunca daripada Tunggakan Hasil yang bertambah sejumlah RM8.48 juta. Selain itu, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan yang berjumlah RM247.04 juta dan RM376,912. Bagi tempoh jangka panjang, jumlah keseluruhan aset ini tidak mampu untuk menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.52 bilion.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan Lembaran Imbangan kurang kukuh memandangkan aset berjumlah RM291.61 juta tidak dapat menampung tanggungan yang berjumlah RM377.22 juta. Manakala mengikut Penyata Akaun Memorandum aset berjumlah RM314.73 juta tidak dapat menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.52 bilion.

LEMBARAN IMBANGAN

3.3 AKAUN HASIL DISATUKAN

3.3.1 Kerajaan Negeri mengutip hasil yang terdiri daripada 3 kategori iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai merupakan hasil yang dikutip berdasarkan perundangan, hasil bukan cukai ialah hasil yang diterima berdasarkan perkhidmatan yang diberi manakala Terimaan Bukan Hasil pula merupakan terimaan bagi semua pulangan balik perbelanjaan. Pada tahun 2004, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM95.62 juta berbanding RM79.49 juta pada tahun 2003. Lebihan ini berpunca daripada kutipan hasil yang diperolehi berjumlah RM486.04 juta berbanding perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM390.42 juta pada tahun 2004.

3.3.2 Hasil

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri terus mencatatkan peningkatan sejumlah RM65.42 juta iaitu daripada RM420.62 juta pada tahun 2003 menjadi RM486.04 juta pada tahun 2004. Jumlah hasil Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Pungutan Hasil Negeri Tahun 2003 Dan 2004

Bil.	Kategori	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	89.55	98.63	9.08
2.	Hasil Bukan Cukai	246.69	297.29	50.60
3.	Terimaan Bukan Hasil	84.38	90.12	5.74
Jumlah		420.62	486.04	65.42

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

Analisis Audit mendapati pada tahun 2004, hasil Kerajaan Negeri telah diklasifikasikan kepada 188 jenis butiran hasil. Daripada jumlah tersebut sebanyak 110 butiran hasil telah mengalami peningkatan berjumlah RM98.42 juta manakala 72 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM33 juta dan 6 butiran hasil tidak mengalami sebarang perubahan. Berikut adalah butiran hasil yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara.

a) Peningkatan Hasil Yang Ketara

i) Keuntungan Jualan Saham Syarikat Tak Tersiar Harga

Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan saham ke atas 4 syarikat yang nilai pasaran sahamnya tidak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah bersetuju menukarkan 23,333,331 unit saham yang dipegang oleh sebuah syarikat berhad dengan 12,266,665 unit saham yang dimiliki oleh sebuah syarikat berhad yang lain berjumlah RM45.99 juta. Hasil daripada urus niaga pertukaran ini telah memberikan keuntungan kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM22.70 juta. Ini menyebabkan hasil pelaburan meningkat dengan ketaranya berbanding tahun sebelumnya.

ii) Premium Tanah Biasa Borang 5A

Semakan Audit mendapati butiran hasil premium tanah merupakan antara hasil yang menunjukkan peningkatan ketara yang berjumlah RM12.85 juta atau 59.1% menjadi RM21.73 juta berbanding kutipan hasil pada tahun 2003 iaitu sejumlah RM8.88 juta. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin dan Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands adalah antara pejabat yang telah mencatatkan kutipan hasil premium tanah yang tertinggi. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh

peningkatan pungutan hasil tanah kerana kelulusan pemberian milik tanah dan juga notis tuntutan bayaran dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan.

iii) Lebihan Dari Penutupan Kumpulan Wang Amanah

Terimaan hasil ini meningkat sejumlah RM9.45 juta menjadi RM11.26 juta pada tahun 2004 berbanding hanya RM1.81 juta pada tahun 2003. Faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan pada tahun 2004, sebanyak 8 akaun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditutup dan kesemua bakinya berjumlah RM11.22 juta dilaraskan ke akaun hasil ini.

iv) Pemberian Pertambahan Hasil

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian pertambahan hasil sejumlah RM7.38 juta daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tahun sebelumnya tidak ada pemberian pertambahan hasil diterima. Bagaimanapun, adalah didapati pemberian ini merupakan hasil yang sepatutnya diterima pada tahun 2003 tetapi hanya diperolehi pada bulan Januari 2004.

v) Cukai Tanah Semasa

Cukai tanah semasa ini meningkat sejumlah RM3.91 juta iaitu daripada RM53.41 juta pada tahun 2003 menjadi RM57.32 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan ramai pemilik tanah menjelaskan hasil tanah kesan daripada kempen dan operasi mengutip hasil tanah yang telah dijalankan oleh Pejabat Tanah.

vi) Permit Pengalihan Batu Batan Yang Lain

Kutipan hasil di bawah permit pengalihan batu batan yang lain ini meningkat sejumlah RM2.55 juta iaitu daripada RM613,249 pada tahun 2003 menjadi RM3.16 juta pada tahun 2004. Punca utama peningkatan ini adalah disebabkan kadar pengiraan permit pengalihan, pertambahan projek Persekutuan, Negeri, swasta dan juga rondaan dijalankan dengan lebih teratur dan sempurna.

b) Penurunan Hasil Yang Ketara

i) Pemberian 5% Perkhidmatan Projek Persekutuan

Hasil Pemberian 5% Perkhidmatan Projek Persekutuan telah berkurangan menjadi RM33.70 juta berbanding pemberian yang diterima pada tahun 2003 sejumlah RM44.46 juta. Penurunan sejumlah RM10.76 juta ini adalah disebabkan terimaan pemberian pada tahun 2003 termasuk tunggakan pemberian hasil bagi tahun 2001 dan 2002, manakala pemberian yang diterima pada tahun 2004 adalah pemberian tahun semasa sahaja.

ii) Keuntungan Jualan Saham Syarikat Tersiar Harga

Keuntungan jualan saham mencatatkan penurunan daripada sejumlah RM14.68 juta pada tahun 2003 menjadi RM6.54 juta pada tahun 2004. Penurunan ini

disebabkan pada tahun 2004, Kerajaan Negeri hanya membuat jualan saham bagi 775,500 unit daripada 2 syarikat sahaja.

iii) Permit Tanah Dan Galian

Kutipan hasil ini pada tahun 2004 adalah berjumlah RM2.11 juta berbanding RM4.42 juta pada tahun 2003. Punca penurunan hasil sejumlah RM2.31 juta adalah disebabkan berlaku kesilapan penjenisan kod yang dikenakan pada tahun 2003 yang telah diperbetulkan ke kod sebenar pada tahun 2004.

iv) Cukai Tanah Yang Lain

Pada tahun 2004, tidak ada kutipan untuk hasil ini berbanding RM1.41 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan mulai tahun 2004, kutipan hasil dimasukkan ke butiran hasil yang sebenarnya.

3.3.3 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM49.30 juta iaitu daripada RM341.12 juta pada tahun 2003 menjadi RM390.42 juta pada tahun 2004. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2003 Dan 2004

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	158.80	164.32	5.52
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	76.29	77.43	1.14
3.	Aset	5.90	5.77	(0.13)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	98.92	141.31	42.39
5.	Perbelanjaan Lain	1.21	1.59	0.38
Jumlah		341.12	390.42	49.30

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

Analisis Audit seterusnya menunjukkan butiran perbelanjaan mengurus yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara.

a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara

i) Emolumen

Perbelanjaan emolumen Kerajaan Negeri pada tahun 2004 secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM5.52 juta menjadi RM164.32 juta berbanding RM158.80 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini berlaku terutamanya disebabkan pertambahan kakitangan di Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan dan Jabatan Bekalan Air Negeri dan seterusnya melibatkan kenaikan emolumen berjumlah RM3.60 juta.

ii) Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap

Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap meningkat sejumlah RM42.39 juta menjadi RM141.31 juta pada tahun 2004 berbanding RM98.92 juta pada tahun 2003. Antara punca utama peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan pertambahan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM26.26 juta pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 yang mana tidak ada sebarang caruman dilakukan.

b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara

Aset

Pada tahun 2004, perbelanjaan ini menunjukkan sedikit penurunan sejumlah RM131,597 menjadi RM5.77 juta berbanding RM5.90 juta pada tahun 2003. Semakan Audit mendapati punca utama penurunan ini adalah disebabkan segala urusan pembelian aset oleh Jabatan telah dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri.

3.4 AKAUN AMANAH DISATUKAN

3.4.1 Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Awam, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM195.85 juta meningkat sejumlah RM2.31 juta berbanding sejumlah RM193.54 juta pada akhir tahun 2003. Baki awal tahun 2004 bagi Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit berbeza berbanding baki akhir tahun 2003. Ini adalah disebabkan berlakunya beberapa pindahan akaun daripada Akaun Deposit berjumlah RM3.61 juta ke Akaun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam yang berjumlah RM0.17 juta dan RM3.43 juta masing-masing.

3.4.2 Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bertujuan untuk membiayai projek pembangunan negeri. Pada akhir tahun 2004, Kerajaan Negeri telah berbelanja sejumlah RM82.99 juta berbanding peruntukannya yang berjumlah RM101.74 juta. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, sejumlah RM80.91 juta adalah dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan sejumlah RM2.08 juta daripada pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Adalah didapati pada tahun 2004, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat lebihan semasa sejumlah RM533,967 berbanding defisit sejumlah RM15.41 juta pada tahun 2003. Dengan lebihan ini, defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2004 telah berkurangan menjadi RM158.65 juta. Penurunan defisit terkumpul ini adalah disebabkan pada tahun 2004, sejumlah RM26.26 juta pemberian pertambahan hasil diterima dan peningkatan hasil jualan rumah kos rendah sejumlah RM14.49 juta. Daripada 10 Pejabat yang terlibat dengan perbelanjaan

pembangunan ini, empat Pejabat telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM19.66 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM22.49 juta, Pejabat Pembangunan Negeri berjumlah RM12.66 juta dan Jabatan Agama Islam berjumlah RM9.61 juta. Ini bermakna perbelanjaan oleh Pejabat tersebut berjumlah RM64.42 juta atau 78% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan.

3.4.3 Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ini ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air) dan Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Pahang Bil. 83 Tahun 1958. Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan penyelenggaraan bekalan air yang berulang dan tidak berulang. Perbelanjaan berulang ialah perbelanjaan yang dilakukan pada setiap tahun yang melibatkan perbelanjaan penyelenggaraan dan perbelanjaan tidak berulang merupakan perbelanjaan yang dilakukan mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2004, perbelanjaan bekalan air adalah berjumlah RM188.08 juta iaitu menurun sejumlah RM33.41 juta berbanding RM221.49 juta pada tahun 2003. Peruntukan perbelanjaan bekalan air bagi perbelanjaan berulang yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sejumlah RM65.20 juta dan perbelanjaan tidak berulang diterima daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan sejumlah RM147.20 juta dan peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM5.52 juta. Selain itu, baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2004 mengalami lebihan semasa sejumlah RM59.75 juta menjadikan defisit terkumpul sejumlah RM62.52 juta berbanding sejumlah RM122.28 juta pada tahun 2003. Pengurangan defisit semasa sejumlah RM59.75 juta adalah disebabkan oleh caruman diterima daripada akaun hasil sejumlah RM61.56 juta pada tahun 2004.

3.4.4 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2004, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah menurun menjadi RM183.89 juta berbanding RM208.11 juta pada akhir tahun 2003. Penurunan baki ini adalah disebabkan pada tahun 2004, ada penutupan akaun, hapus kira dan bayaran balik pendahuluan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM24.22 juta.

3.4.5 Kumpulan Wang Amanah Awam

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat daripada RM83.73 juta pada tahun 2003 menjadi RM101.36 juta pada akhir tahun 2004. Antara faktor peningkatan tersebut adalah berpunca daripada peningkatan baki akaun Kumpulan Wang Amanah Pelbagai Perbadanan Setiausaha Kerajaan. Peningkatan tersebut disebabkan pada tahun 2004, Kumpulan Wang Amanah Pelbagai Perbadanan Setiausaha Kerajaan menerima lebihan pendapatan sejumlah RM30.80 juta. Manakala 3 Kumpulan Wang Amanah yang lain, perbelanjaan melebihi pendapatan yang diterima berjumlah RM13.40 juta.

3.4.6 Deposit

Pada akhir tahun 2004, baki 84 akaun deposit berjumlah RM121.70 juta berbanding tahun 2003 berjumlah RM110.91 juta. Antara faktor peningkatan disebabkan pertambahan ke atas kutipan deposit tanah, deposit royalti kayu kayan, deposit cagaran bekalan air dan deposit wang jaminan pelaksanaan berjumlah RM9.52 juta.

3.4.7 Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun 2004 yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2004 perbelanjaan yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar telah menurun sejumlah RM62.01 juta menjadi RM10.08 juta berbanding tahun 2003 berjumlah RM72.09 juta. Analisis Audit menunjukkan penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2004, tidak ada Akaun Kena Bayar untuk perbelanjaan pembangunan. Kebanyakan perbelanjaan yang dibayar di bawah akaun ini melibatkan perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan. Manakala Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri merupakan Jabatan yang mempunyai jumlah Akaun Kena Bayar yang tinggi. Selain itu, sejumlah RM1.75 juta adalah merupakan perbelanjaan pada bulan Januari hingga Oktober yang sepatutnya dibayar lebih awal tanpa menggunakan peruntukan Akaun Kena Bayar.

3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Akaun ini terdiri daripada akaun pinjaman bagi Projek Bekalan Air, Projek Badan Berkanun dan Projek Lain. Pada akhir tahun 2004, Akaun Pinjaman Disatukan tidak berbaki. Ini adalah disebabkan kesemua baki akaun tahun 2003 sejumlah RM1.50 juta telah dipindahkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.02 juta telah dipindahkan ke Akaun Pinjaman Projek Badan Berkanun bagi Projek Pembangunan Sempadan Pahang/Terengganu dan baki sejumlah RM479,144 bagi Pinjaman Y2K yang telah dilaraskan ke akaun hasil kerana pinjaman tersebut tidak digunakan oleh 3 Pihak Berkuasa Tempatan sejak pinjaman itu diterima pada akhir tahun 1999. Selain itu, kesemua terimaan pinjaman pada tahun 2004 berjumlah RM186.27 juta telah dikeluarkan untuk pembiayaan Projek Bekalan Air.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.6 PINJAMAN BOLEH TUNTUT

Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun

2004, baki Pinjaman Boleh Dituntut yang diperolehi daripada 2 sumber ini menurun daripada RM247.35 juta pada tahun 2003 menjadi RM247.04 juta. Penurunan Pinjaman Boleh Dituntut ini disebabkan pada tahun 2004, dua Agensi telah membayar balik pinjaman sejumlah RM1.75 juta. Analisis Audit mendapati pada tahun 2004 Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM192.92 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM44.38 juta dan tunggakan tahun lalu sejumlah RM148.54 juta. Bagaimanapun, Agensi hanya menjelaskan ansuran pinjaman sejumlah RM1.75 juta atau 0.91% sahaja menyebabkan baki ansuran pinjaman pada akhir tahun 2004 tertunggak sejumlah RM191.17 juta. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran sebenar yang dibuat pada tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Ansuran Pinjaman Pada Tahun 2004

Bil.	Butiran Pinjaman	Ansuran Pinjaman	
		Sepatut Dijelaskan (RM Juta)	Bayaran Sebenar (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	129.84	0.00
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	15.30	0.00
3.	Yayasan Pahang	0.82	0.10
4.	Amanah Saham Pahang	44.67	1.65
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.17	0.00
6.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.91	0.00
7.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1.21	0.00
Jumlah		192.92	1.75

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

3.7 PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada simpanan tetap dan saham. Pada tahun 2004, baki pelaburan menunjukkan pengurangan daripada RM160.95 juta pada tahun 2003 menjadi RM126.69 juta pada tahun 2004. Pengurangan sejumlah RM34.26 juta adalah disebabkan sejumlah RM99 juta deposit simpanan dipindah ke akaun wang tunai. Bagaimanapun, angka pelaburan ini tidak termasuk pelaburan dengan sebuah syarikat berhad sejumlah RM376,912 atau 9% pegangan ekuiti. Pelaburan ini dibuat melalui Akaun Kumpulan Wang Amanah Pelbagai Setiausaha Kerajaan dan tidak ditunjukkan sebagai Pelaburan di Lembaran Imbangan sebaliknya ditunjukkan di dalam Penyata Memorandum. Baki pelaburan ini tidak berubah sejak ia dilaburkan pada tahun 1999. Pelaburan ini menerima dividen pada setiap tahun dan satu penyata akaun ada disediakan.

3.8 TUNGGAKAN HASIL

Berdasarkan penyata yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, baki tunggakan hasil pada 31 Disember 2004 menunjukkan peningkatan daripada RM58.83 juta tahun 2003 menjadi RM67.31 juta pada akhir tahun 2004. Tunggakan ini tidak termasuk faedah pinjaman Kerajaan Negeri dan Agensi yang turut meningkat daripada RM5.29 juta pada tahun 2003 menjadi RM5.53 juta pada tahun 2004. Adalah didapati semua jenis hasil mencatatkan peningkatan tunggakan kecuali hasil air menunjukkan pengurangan manakala hasil hutan tidak berubah. Peningkatan tunggakan hasil adalah disebabkan ramai pemilik tanah gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah dan cukai tanah semasa yang dikenakan. Manakala peningkatan tunggakan faedah pinjaman adalah berpunca daripada kegagalan Agensi Negeri membayar balik ansuran pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Kedudukan tunggakan hasil tahun 2004 berbanding 2003 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Tunggakan Hasil Negeri

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	30.61	37.64	7.03
2.	Bayaran Air	13.26	12.98	(0.28)
3.	Faedah Pinjaman	5.29	5.53	0.24
4.	Hasil Lain	14.89	16.69	1.80
Jumlah		64.05	72.84	8.79

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

3.9 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2004, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.52 bilion berbanding RM1.35 bilion pada tahun 2003. Peningkatan hutang ini sejumlah RM169.11 juta adalah disebabkan pinjaman baru bagi Projek Bekalan Air yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik hutang termasuk faedah berjumlah RM245.45 juta berbanding RM312.29 juta pada tahun 2003. Pengurangan ketara tunggakan bayaran balik sejumlah RM66.84 juta pada tahun 2004 ini disebabkan penjadualan semula 32 pinjaman lama menjadi 8 perjanjian baru yang jadual bayaran baliknya berkuat kuasa pada bulan Jun 2004. Pada tahun 2004, hanya RM14.45 juta atau 29% sahaja bayaran balik yang dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan daripada sejumlah RM50.04 juta yang diperuntukkan. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2004 berbanding 2003 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Hutang Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2003 Dan 2004

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Hutang	
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	148.81	123.46
2.	Bekalan Air	895.35	1,056.37
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	246.16	251.05
4.	Pelbagai Projek	22.34	58.89
5.	Ladang Hutan Kompenstori	40.23	32.24
Jumlah		1,352.89	1,522.01

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

4.1 Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) Negeri Pahang untuk tempoh 5 tahun (2001-2005) merupakan perancangan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi Negeri Pahang. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan negeri. Tujuannya yang lain adalah ke arah menggerakkan Negeri Pahang mencapai status negeri maju dan makmur berlandaskan sektor produktif menjelang tahun 2020 berbanding Rancangan Malaysia Ketujuh yang lebih menjurus kepada pemulihan ekonomi.

4.2 Bagi tempoh RMK8, sejumlah RM2.21 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada 11 Jabatan bagi melaksanakan 419 projek pembangunan dan bekalan air. Pada tahun 2004, beberapa projek telah diperincikan butiran projek menjadikan bilangan projek keseluruhan untuk dilaksanakan adalah sebanyak 530 projek. Bagaimanapun, jumlah peruntukan tersebut telah dikurangkan menjadi RM1.52 bilion bagi melaksana 413 projek. Daripada jumlah itu, sejumlah RM976.68 juta adalah untuk projek bekalan air sementara bakinya sejumlah RM546.60 juta untuk projek pembangunan. Pengurangan peruntukan asal adalah disebabkan semakan semula terhadap peruntukan projek yang dirancang dan 117 projek telah ditangguh pelaksanaannya semasa Kajian Separuh Penggal RMK8 dibuat.

4.3 Sehingga akhir tahun 2004, sejumlah RM1.09 bilion atau 72% telah dibelanjakan daripada peruntukannya RM1.52 bilion. Dari segi pelaksanaan peringkat Jabatan adalah didapati Jabatan Bekalan Air mencatatkan prestasi perbelanjaan tertinggi iaitu 78% manakala Mahkamah Syariah mencatatkan prestasi perbelanjaan yang terendah iaitu 0.6%. Bagi Jabatan lain, prestasi perbelanjaannya adalah antara 31% hingga 71%. Kedudukan prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMK8 adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8

Bil.	Jabatan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2004 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	137.99	99.23	72
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	10.00	3.06	31
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	158.80	92.18	58
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	10.50	5.21	50
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	19.45	12.73	65
6.	Jabatan Pertanian Negeri	28.06	19.34	69
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	32.23	20.76	64
8.	Jabatan Agama Islam Pahang	68.55	33.28	49
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	71.00	44.15	62
10.	Mahkamah Syariah	10.02	0.06	0.6
11.	Jabatan Bekalan Air Negeri	976.68	757.01	78
Jumlah		1,523.28	1,087.01	71

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pahang

4.4 Mengikut Laporan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Pelaksana, prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2004 menunjukkan daripada 413 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 126 projek telah siap dilaksanakan manakala 204 projek sedang dilaksanakan dan 83 projek lagi belum dimulakan. Antara projek terbesar yang sedang dilaksanakan selepas Kajian Separuh Penggal RMK8 adalah projek Bekalan Air Greater Kuantan Fasa II yang dibiayai daripada sumber pinjaman Persekutuan dengan anggaran kos berjumlah RM255 juta dan projek Menjalankan Dan Menyelenggarakan Bekalan Air yang anggaran kosnya berjumlah RM265 juta yang dibiayai daripada sumber negeri. Bagi projek yang belum dimulakan, projek terbesar adalah pembinaan dan melebarkan Jalan Haji Ahmad, Kuantan dan pembinaan Kompleks Islam Pahang di Pekan dengan anggaran kos berjumlah RM20 juta. Pelaksanaan sebahagian projek yang belum mula dan sedang dilaksanakan bergantung pada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun. Status pelaksanaan projek RMK8 adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Status Pelaksanaan Projek RMK8

Bil.	Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan Sehingga 31 Disember 2004		
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	91	51	22	18
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	6	0	5	1
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	93	33	21	39
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	3	0	3	0
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	10	3	7	0
6.	Jabatan Pertanian Negeri	25	0	25	0
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	78	8	70	0
8.	Jabatan Agama Islam	54	26	10	18
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	13	0	13	0
10.	Mahkamah Syariah	2	0	1	1
11.	Jabatan Bekalan Air	38	5	27	6
Jumlah		413	126	204	83

Sumber: Laporan Jabatan Pelaksana

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat penyediaan Penyata Akaun Awam tahun 2004 adalah bertambah baik dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Butiran yang ditunjukkan di Penyata telah dapat disahkan kerana disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum masih tidak kukuh. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang lebih tegas untuk memungut tunggakan hasil yang semakin meningkat terutama cukai tanah di samping terus mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan Program Penampilan Audit. Program Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk Program Penampilan Audit dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Daripada pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan mendapati ada antaranya mempunyai pelbagai masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan. Jabatan ini perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

7.1 Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (Pejabat) adalah Jabatan yang bertanggungjawab mengurus dan menyelia hal ehwal kewangan Negeri dengan cekap dan berkesan. Ini meliputi tugas mengawal selia dan memastikan semua Pegawai Pengawal mematuhi peraturan dan perundangan mengenai pengurusan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/kumpulan wang amanah dan menentukan rekod kewangan Jabatan diselenggarakan dengan betul dan sempurna. Ini untuk memastikan pengurusan kewangan Negeri dapat dilaksanakan dengan kemas dan teratur. Objektif Pejabat adalah mengurus, merancang dan melaksanakan dasar kewangan dan belanjawan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian pendapatan yang lebih seimbang selari dengan dasar Kerajaan. Pada tahun 2004, bajet asal yang diluluskan adalah berjumlah RM759.56 juta terdiri daripada RM446.59 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM312.97 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah itu, sejumlah RM661.49 juta telah dibelanjakan meliputi RM390.42 juta untuk belanja mengurus dan RM271.07 juta untuk belanja pembangunan. Selain itu, pada akhir bulan Disember 2004 sejumlah RM486.04 juta hasil telah diterima.

7.2 Pejabat diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Pengiraan. Bahagian

Pentadbiran Dan Kewangan yang diketuai oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri mengandungi Unit Perkhidmatan Dan Kewangan, Unit Pengurusan Bajet Dan Pinjaman dan Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan. Bahagian Pengiraan pula diketuai oleh Akauntan Negeri dan Bahagian ini mengandungi Unit Akaun, Unit Audit Tunai, Unit Bayaran, Unit Gaji, Unit Semak dan Unit Prosesan Data. Setiap pegawai yang menjalankan tugas kewangan telah diberi perwakilan kuasa secara bertulis oleh Pegawai Kewangan Negeri. Sementara itu, Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja telah disediakan dan dikemas kini selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

7.3 Daripada senarai perjawatan yang telah diluluskan, Pegawai Kewangan Negeri dibantu oleh 6 kakitangan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 69 kakitangan Kumpulan Sokongan. Selain itu, Pejabat telah melantik 11 kakitangan sambil Kumpulan Sokongan. Senarai perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berkuat kuasa pada 1 November 2002, adalah sebanyak 83 perjawatan. Sehingga akhir tahun 2004, sebanyak 68 perjawatan telah diisi, manakala 15 kekosongan jawatan melibatkan 3 jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 12 jawatan Kumpulan Sokongan.

7.4 Pada tahun 2004, kursus utama yang didedahkan kepada kakitangan adalah kursus berkaitan dengan pelaksanaan SPEKS di peringkat Jabatan. Pada tahun 2004, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah mengadakan 5 kali mesyuarat bagi memantau aspek kewangan Pejabat termasuk sekali mesyuarat bersama Pegawai Pengawal. Bagi memantapkan lagi kawalan dan pemantauan urusan kewangan Kerajaan Negeri, sebanyak 11 Jawatankuasa lain telah ditubuhkan termasuk 2 Jawatankuasa SPEKS.

7.5 Pada tahun 2004, beberapa usaha telah diambil oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ke arah meningkatkan tahap akauntabiliti dan memperkemas lagi tahap pengurusan kewangan Negeri. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- a) Mengadakan mesyuarat, perbincangan dan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak bank terlibat bagi mengatasi masalah kelewatan penyerahan penyata pemungut ke Perbendaharaan Negeri.
- b) Menghantar pasukan naziran melawat 37 Pejabat Pemungut Hasil melibatkan 10 daerah bagi memantau tahap kawalan pengurusan hasil di peringkat Jabatan.
- c) Mengadakan perbincangan dengan setiap kakitangan di Jabatan yang melaksanakan SPEKS mengenai masalah yang timbul semasa mengendalikan sistem baru ini.
- d) Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dengan Pegawai Pengawal.

7.6 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menganjur beberapa siri kursus mengenai pengurusan kewangan seperti berikut:

- a) Kursus Kesedaran dan Bengkel Pelaksanaan MS ISO 9001:2000 kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
- b) Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2000 kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
- c) Kursus komputer seperti aplikasi perisian, penyelenggaraan, penggunaan internet dan e-mail kepada pegawai dan kakitangan Kumpulan Sokongan.
- d) Bengkel *Workshop On Islamic Banking and Finance* dan *Research Workshop And Doctorial Colloquium* kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.
- e) Kursus sistem baru SPEKS kepada kakitangan Kumpulan Sokongan.

7.7 Pada tahun 2004, Jabatan Audit Negara meneruskan usaha membantu meningkatkan pengurusan kewangan Negeri. Selain membuat lawatan dan memberi khidmat nasihat kepada petugas kewangan di Jabatan, Jabatan Audit Negara telah menjalinkan kerjasama dengan Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri bagi menyelaraskan kerja Audit yang berkaitan.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada prosedur dan peraturan kewangan dipatuhi, wujud sistem kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini serta menilai tahap pencapaian peranan dan tanggungjawab Perbendaharaan Negeri sebagai Agensi yang mengawal kewangan keseluruhan Jabatan. Skop pengauditan adalah meliputi pemeriksaan terhadap rekod kewangan pada tahun 2004. Bahagian yang diaudit ialah Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Pengiraan. Pemeriksaan Audit dibuat secara persampelan meliputi pemeriksaan terhadap kawalan bajet, hasil, perbelanjaan, pinjaman, deposit, akaun amanah dan kumpulan wang amanah. Rekod utama yang diperiksa termasuk fail bajet, daftar hasil, daftar bayaran, daftar aset, fail pentadbiran dan daftar lain serta minit mesyuarat. Selain pemilihan sampel tertentu untuk semakan, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dilakukan.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang dan Seksyen 15 Akta Acara Kewangan 1957, bajet hendaklah disediakan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan pengurusan kewangan Negeri.

Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 3 Tahun 2002 telah dikeluarkan pada pertengahan bulan Mei 2002 sebagai garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan bajet tahun 2004. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Belanjawan Ubahsuai oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003, Pejabat telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2003 pada bulan Januari 2003 kepada semua Pegawai Pengawal supaya menguruskan peruntukan dan perbelanjaan mengikut sistem tersebut. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Negeri, Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air Tahun 2004 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang pada bulan Oktober 2003 dan Waran Am Bil. 1 Tahun 2004 bagi perbelanjaan mengurus telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada bulan Disember 2003 selaras dengan Seksyen 13(2) Akta Acara Kewangan 1957.

Pada tahun 2004, terimaan hasil Negeri adalah dianggarkan berjumlah RM405.51 juta manakala anggaran perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM446.59 juta. Anggaran asal Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air Negeri pula berjumlah RM312.97 juta dan dijangka dibiayai melalui sumber hasil Negeri sejumlah RM162.77 juta dan pinjaman Kerajaan Persekutuan sejumlah RM150.20 juta. Seperti tahun lepas, bajet tahun 2004 juga adalah merupakan bajet defisit sejumlah RM41.08 juta. Namun defisit tersebut berkurangan sejumlah RM24.43 juta berbanding defisit tahun 2003 sejumlah RM65.51 juta. Sebagai usaha untuk menampung bajet defisit tahun 2004, Kerajaan Negeri telah menetapkan langkah seperti berikut:

- a) Meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil.
- b) Mengkaji semula pemberian geran dan sumbangan kepada Agensi, Badan Berkanun Negeri dan Pertubuhan yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik.
- c) Meminta Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri.
- d) Mengurangkan peruntukan pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik.
- e) Mencari sumber baru dan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

Semakan Audit terhadap kawalan bajet mendapati perkara seperti berikut:

- a) Waran bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah diluluskan oleh Menteri Besar pada bulan Disember 2003 selaras dengan kehendak peraturan kewangan yang ditetapkan.
- b) Kesemua waran pindah peruntukan perbelanjaan mengurus dan waran pindah peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri antara bulan Februari 2004 hingga April 2005.
- c) Tambahan peruntukan berjumlah RM2.75 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM6.69 juta untuk perbelanjaan pembangunan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Disember 2004 dan April 2005. Sejumlah RM912,600 daripada peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus adalah disebabkan perbelanjaan

untuk bonus kakitangan bagi 9 Jabatan yang dibayar pada bulan Oktober dan Disember 2004. Manakala tambahan perbelanjaan pembangunan pula adalah untuk menampung perbelanjaan tenaga elektrik yang meningkat bagi loji Jabatan Bekalan Air dan kerja membaik pulih kemudahan sukan diperuntukkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, kawalan bajet Kerajaan Negeri pada tahun 2004 telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, penekanan haruslah diberi terhadap Jabatan yang tidak mengawal peruntukan dengan sewajarnya.

9.2 KAWALAN HASIL

Kutipan hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Pada tahun 2004, kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM65.42 juta daripada RM420.62 juta pada tahun 2003 menjadi RM486.04 juta pada tahun 2004. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Oleh Pemungut Hasil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, Pemungut Hasil bertanggungjawab mengemukakan akaun tunai bulanan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 10 hari selepas bulan berkenaan. Bagi mengawal dan menyemak akaun tunai yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil, satu Daftar Terimaan Akaun Tunai telah diselenggarakan. Semakan Audit setakat bulan Mac 2005 mendapati semua 147 Pemungut Hasil telah mengemukakan akaun tunai. Bagaimanapun, sebanyak 37 Pemungut Hasil lewat mengemukakan akaun tunai bagi bulan Januari hingga Disember 2004 antara 3 minggu hingga 5 bulan. Bagi mengatasi masalah ini Perbendaharaan Negeri sentiasa mengawasi Pemungut Hasil yang terlibat dengan menghantar surat peringatan dari semasa ke semasa.

9.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 78, penyata pemungut akan disediakan oleh Pemungut Hasil bagi tujuan kemasukan wang ke bank. Penyata pemungut yang telah diakui terima oleh pihak bank akan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri untuk diperakunkan. Mengikut rekod di Perbendaharaan Negeri sehingga bulan Disember 2004, sebanyak 49,236 penyata pemungut berjumlah RM909.87 juta telah diproses dan dikeluarkan resit Perbendaharaan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit sehingga 31 Disember 2004 mendapati 678 penyata pemungut yang bernilai RM4.53 juta belum diterima daripada pihak bank berbanding 1,559 penyata pemungut yang bernilai RM10.07 juta pada tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 590 penyata pemungut yang bernilai RM4.31 juta merupakan penyata pemungut bagi kutipan pada bulan Disember 2004 dan selebihnya penyata pemungut yang bernilai RM218,098 adalah kutipan antara bulan Januari hingga November 2004. Bagaimanapun, penghantaran penyata pemungut oleh bank pada tahun ini bertambah baik kerana

bilangan penyata pemungut yang lewat dikemukakan telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Ini berikutan perbincangan antara pihak Perbendaharaan Negeri dengan pihak bank bagi mengatasi masalah berkaitan. Semakan Audit terhadap penyata pemungut yang diterima dari pihak bank bagi 4 hari yang dipilih telah dilakukan melibatkan sebanyak 173 penyata pemungut yang bernilai RM1.35 juta. Adalah didapati proses pengeluaran resit dan mengakaunkan ke Buku Tunai Perbendaharaan Negeri telah dibuat tanpa kelewatan.

9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan

Arahan Perbendaharaan 143(b) menghendaki Perbendaharaan Negeri menghantar Laporan Hasil Bulanan kepada semua Pegawai Pengawal yang terlibat bagi mengesahkan transaksi urus niaga laporan bulanan tersebut dengan rekod Jabatan. Proses ini perlu dipantau supaya hasil kerajaan direkodkan dan diakaunkan dengan betul dan sempurna. Semakan Audit terhadap Daftar Pengesahan Flimsi Hasil Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2004 mendapati sehingga bulan Januari 2005 sebanyak 7 Pegawai Pengawal tidak membuat pengesahan flimsi berbanding 2 Pegawai Pengawal pada tahun 2003. Sementara itu, seramai 15 Pegawai Pengawal tidak membuat pengesahan flimsi antara 1 hingga 9 bulan. Seramai 23 Pegawai Pengawal lagi lewat mengemukakannya ke Perbendaharaan Negeri antara 1 hingga 7 bulan. Keadaan ini adalah kurang memuaskan berbanding dengan tahun 2003 kerana sebahagian sahaja surat peringatan dikeluarkan kepada Pemungut Hasil oleh Akauntan Negeri.

9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Akauntan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank selepas akhir setiap bulan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Pada tahun 2004, penyediaan dan penyerahan penyata penyesuaian bank bertambah baik berbanding tahun 2003. Penghantaran penyata penyesuaian bank pada tahun 2004 kepada Jabatan Audit Negara telah dibuat tanpa kelewatan ketara. Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank Akaun Terimaan bulan Disember 2004 mendapati perkara berikut:

- a) Sehingga bulan Disember 2004, sejumlah RM9.03 juta pindahan wang daripada Akaun Terimaan ke Akaun Bayaran belum dilaraskan ke Buku Tunai disebabkan belum menerima *debit advice* daripada bank dan dilaraskan pada bulan Januari 2005.
- b) Sebanyak 678 penyata pemungut berjumlah RM4.53 juta yang dikreditkan di bank pada tahun 2004 masih belum diperakaunkan ke Buku Tunai kerana dokumen berkaitan masih belum diterima daripada bank.
- c) Sebanyak 30 keping cek bernilai RM18,494 yang dikembalikan oleh bank belum diselaraskan.

9.2.5 Tunggakan Hasil

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 dan Surat Pekeliling Akauntan Negeri yang dikeluarkan pada bulan September 2004, Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil ke Perbendaharaan Negeri selewatnya pada akhir bulan Februari 2005. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2004 berjumlah RM67.31 juta, meningkat sejumlah RM8.48 juta berbanding tunggakan tahun 2003 yang berjumlah RM58.83 juta. Tunggakan cukai tanah merekodkan jumlah tertinggi iaitu sejumlah RM37.64 juta berbanding RM30.61 juta pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan ramai pemilik tanah masih gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah dan cukai tanah semasa yang dikenakan kepada mereka. Semakan Audit terhadap pengurusan tunggakan hasil mendapati Perbendaharaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tunggakan Hasil bagi memantau tunggakan hasil Negeri. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada pertengahan bulan Disember 2004.

9.2.6 Cek Tidak Laku

Cek tidak laku ialah cek yang diterima oleh sesuatu Jabatan Kerajaan bagi maksud sesuatu Akaun Hasil/Amanah/Vot yang pada asalnya telah dimasukkan ke dalam bank oleh Pemungut Hasil dan dikembalikan oleh pihak bank atas sebab tertentu. Semakan Audit terhadap daftar cek tidak laku mendapati pada tahun 2004, sebanyak 162 cek hasil bernilai RM614,752 telah dikembalikan oleh pihak bank. Antara sebab cek tidak laku ini ialah cek luput tempoh, *refer to drawer*, akaun tutup dan tandatangan tidak mencukupi. Antara Jabatan yang menerima cek tidak laku adalah Jabatan Bekalan Air dengan 75 cek bernilai RM87,693 diikuti Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan dengan 35 cek bernilai RM181,596. Sehingga bulan Januari 2005, sebanyak 97 cek bernilai RM422,126 telah diganti, selebihnya sejumlah RM192,626 melibatkan 12 Jabatan masih belum diganti termasuk Jabatan Bekalan Air sebanyak 28 cek tidak laku bernilai RM42,219. Selain itu, pada tahun 2004 sebanyak 38 cek tidak laku bernilai RM18,554 bagi kutipan hasil tahun 2003 telah dihapus kira oleh Pejabat Kewangan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 cek tidak laku bernilai RM5,323 tidak dapat dikenal pasti penyata pemungutnya. Adalah didapati permohonan untuk menghapus kira cek tidak laku ini dibuat melalui kelulusan Menteri Besar seperti mana kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17(b) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Pada pendapat Audit, secara amnya kawalan hasil Kerajaan Negeri adalah memuaskan.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pejabat adalah bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Di peringkat Jabatan pada tahun 2004, sejumlah RM390.42 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM271.07 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan dan bekalan

air. Perbelanjaan mengurus dikawal oleh 29 Pegawai Pengawal sementara perbelanjaan pembangunan dikawal oleh 11 Pegawai Pengawal.

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Komponen perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Perolehan Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mengurus mendapati prestasi perbelanjaan mengurus keseluruhan mencapai 87%, tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan dan kesemua Waran Pindah Peruntukan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan Dan Bekalan Air

Mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan seperti di Jadual Pertama Akta tersebut dan mengikut ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Komponen di bawah perbelanjaan pembangunan ini terdiri daripada perbelanjaan secara langsung yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala bekalan air terdiri daripada perbelanjaan berulang yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan perbelanjaan tidak berulang daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan pembangunan dan bekalan air pada tahun 2004 adalah berjumlah RM271.07 juta iaitu menurun sejumlah RM37.03 juta berbanding RM308.10 juta pada tahun 2003. Semakan Audit menunjukkan kawalan perbelanjaan seperti berikut:

- a) Tidak ada perbelanjaan melebihi peruntukan.
- b) Perbelanjaan dibuat mengikut maksud peruntukan yang diluluskan.
- c) Perbelanjaan sebenar mencapai tahap 87% daripada peruntukan yang diluluskan.
- d) Kesemua Waran Pindah Peruntukan dan Anggaran Tambahan telah diluluskan dengan sewajarnya.

9.3.3 Kawalan Pembayaran

a) Prosedur Pemprosesan Bayaran

Dengan pelaksanaan SPEKS, semua baucar bayaran disimpan di setiap Jabatan dan peringkat Pejabat melibatkan proses penyemakan dan meluluskan baucar secara 'on-line' dan pengeluaran cek sahaja. Mengikut rekod Pejabat pada tahun 2004, sebanyak 101,245 baucar bayaran bernilai RM877.80 juta telah diproses. Hasil pemeriksaan Audit terhadap 815 baucar yang dipilih secara rambang dan lawatan ke 3 Jabatan mendapati perkara seperti berikut :

- i) Penyediaan baucar bayaran telah disediakan mengikut SPEKS.
- ii) Setiap pengguna sistem komputer diberi kata laluan yang dirahsiakan dan digalakkan membuat penukaran kata laluan sebanyak 3 bulan sekali.

- iii) Penyimpanan baucar di peringkat Jabatan adalah teratur dan mudah untuk dibuat semakan dan kawalan adalah berdasarkan nombor siri baucar yang dikeluarkan melalui SPEKS.
- iv) Buku Vot berkomputer dicetak dengan sempurna.
- v) Semua baucar bayaran dan dokumen sokongannya telah ditebuk atau dicap telah dibayar setiap helaiannya untuk memastikan supaya tidak berlaku pembayaran dua kali.

b) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah mengemukakan penyata penyesuaian bank kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Akauntan Negeri telah menyerahkan semua penyata penyesuaian bank bagi tahun 2004 kepada pihak Audit dengan kemas kini. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank Akaun Bayaran bulan Disember 2004 mendapati perkara berikut:

- i) Sebanyak 355 keping cek luput tempoh antara bulan Disember 2003 hingga September 2004 bernilai RM718,255 belum dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, sebanyak 341 keping cek berkenaan bernilai RM626,557 telah diambil tindakan melaraskannya pada bulan Januari dan Februari 2005.
- ii) Sejumlah RM5,174 merupakan amaun yang tidak dapat dikenal pasti dan tidak dapat disahkan kerana tidak ada dokumen sokongan mengenainya.

c) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan

Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri setakat bulan Januari 2005, pihak Audit mendapati 10 Pegawai Pengawal tidak membuat pengesahan flimsi perbelanjaan antara bulan Januari hingga Disember 2004 manakala 17 Pegawai Pengawal lagi telah lewat membuat pengesahan flimsi bagi bulan tertentu sahaja iaitu antara 1 hingga 11 bulan. Dengan pelaksanaan SPEKS mulai bulan Jun 2004, penyesuaian Buku Vot secara berkomputer boleh dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal. Jabatan yang terlibat boleh mencetak laporan flimsi dan penyata penyesuaian pada setiap awal bulan berikutnya. Namun begitu hasil lawatan ke 4 Jabatan pada bulan Oktober dan Disember 2004 mendapati ada Jabatan masih belum melaksanakan penyesuaian Buku Vot kerana menghadapi masalah mengeluarkan laporan tersebut.

d) Kawalan Stok Cek

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi atau di tempat lain yang selamat dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah mematuhi arahan tersebut dengan menyimpannya

dalam bilik kebal. Sebagai satu kawalan terhadap cek yang belum digunakan, satu daftar berkaitan ada diselenggarakan dengan kemas kini. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

- i) Buku Cek yang diterima daripada bank tidak disemak untuk menentukan kesempurnaan buku cek dan siri cek sebelum direkodkan ke Daftar Stok Cek.
- ii) Mengikut rekod Pejabat, pemeriksaan pada bulan Januari 2005 mendapati sebanyak 100 keping cek bagi nombor siri 263886 hingga 263985 telah hilang. Ketiadaan cek ini hanya disedari oleh pegawai yang terlibat semasa proses mencetak dijalankan. Tindakan susulan oleh Akauntan Negeri telah dibuat dengan pihak bank pada 12 Januari 2005 untuk mendapatkan semula siri cek yang hilang dan seterusnya membatalkan siri cek tersebut.
- iii) Daftar Stok Cek tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab.

e) Kawalan Cek Terbatal

Cek terbatal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Pejabat yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima kerana kesilapan seperti salah ejaan nama, tamat tempoh, tukar penama/akaun bank, kehilangan cek dan sebagainya. Pada tahun 2004, sebanyak 778 keping cek terbatal bernilai RM7.26 juta yang semuanya telah dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan dibuat penggantian semula menjadikan baki Akaun ini adalah berjumlah RM2.62 juta berbanding RM3.32 juta pada tahun 2003. Selain itu, sebanyak 979 kes cek dibatalkan bernilai RM3.41 juta disebabkan cek tersebut rosak semasa proses mencetak cek dan diganti semula. Bagaimanapun pada tahun 2004, kawalan terhadap cek batal adalah memuaskan kerana semua tindakan pelarasan cek terbatal telah diambil.

f) Pembayaran Secara Tunai

Arahan Perbendaharaan 96 menetapkan bahawa pembayaran tunai kepada lebih daripada seorang penerima hendaklah menggunakan satu baucar bayaran atas nama Ketua Jabatan dan baucar bayarannya hendaklah dikembalikan bersama senarai lengkap penerima dalam tempoh 21 hari ke Pejabat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, sebanyak 1,019 baucar tunai bernilai RM4.62 juta telah dikeluarkan kepada 19 Pegawai Pengawal bagi tempoh bulan Januari hingga November. Daripada jumlah tersebut, seramai 18 Pegawai Pengawal belum mengembalikan 456 baucar tunai bernilai RM1.97 juta ke Pejabat. Sementara itu, seramai 16 Pegawai Pengawal lewat menghantar 445 baucar tunai ke Pejabat Perbendaharaan Negeri bagi tempoh antara 1 hingga 6 bulan. Adalah didapati pada tahun 2004, tidak ada surat peringatan dihantar ke Jabatan oleh Pejabat.

g) Pembayaran Secara Manual

Pada tahun 2004, sebanyak 140,029 keping cek telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13,228 keping atau 9% merupakan cek yang ditandatangani secara manual. Semakan Audit terhadap 30 keping cek tersebut mendapati

sebanyak 29 keping cek bernilai RM719,706 telah ditandatangani secara manual disebabkan kerosakan mesin menandatangani cek. Bagaimanapun, adalah didapati bayaran menggunakan cek manual ini diproses mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

h) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Peraturan kewangan membenarkan Pejabat membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 58(a), pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Di samping itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2004 juga menyentuh mengenai tatacara pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) agar baucar dikemukakan untuk kelulusan Akauntan Negeri bagi tempoh antara bulan Februari hingga Mac dan selepas tempoh tersebut Jabatan perlu mendapatkan kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, sebanyak 65 permohonan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) berjumlah RM9.22 juta telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri melibatkan pembayaran invois, utiliti, tuntutan elaun, anugerah perkhidmatan cemerlang dan bonus tahunan untuk kakitangan. Adalah didapati pembayaran berjumlah RM7.85 juta daripada jumlah tersebut adalah diluluskan kepada Jabatan Bekalan Air. Kebanyakan Jabatan yang memohon pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) adalah disebabkan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Alasan ini tidak boleh digunakan kerana pada setiap tahun, anggaran tambahan masih dibawa untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri setiap bulan April tahun berikutnya.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih ada beberapa perkara perlu diperbaiki terutamanya kawalan terhadap pembayaran secara tunai dan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Kerajaan Negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan lain setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri juga boleh memberi pinjaman kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaan masing-masing. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati perkara berikut:

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Baki pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan terus meningkat menjadi RM1.52 bilion pada tahun 2004 berbanding sejumlah RM1.35 bilion pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan tambahan pinjaman bagi Projek Bekalan Air yang diterima pada tahun 2004 berjumlah RM186.27 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik pula berkurangan menjadi RM245.45 juta pada tahun 2004 berbanding tunggakan pada tahun 2003 sejumlah RM312.29 juta. Penurunan ini adalah berpunca daripada penjadualan semula 32 pinjaman lama menjadi 8 perjanjian baru yang jadual bayaran baliknya berkuat kuasa pada bulan Jun 2004. Sebahagian besar tunggakan adalah melibatkan Projek Perindustrian Gebeng Fasa II, pinjaman yang dijadualkan semula bagi Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah serta pinjaman Bekalan Air Pahang Tenggara. Kerajaan Negeri juga masih gagal membuat bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan sebagaimana jadual yang ditetapkan kerana masih mengalami masalah aliran tunai dan kegagalan Agensi membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Di samping itu, penangguhan bayaran balik pinjaman yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada sebuah Agensi Kerajaan Negeri sehingga tahun 2012 yang merupakan antara Agensi yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman tertinggi. Bagaimanapun, adalah didapati bayaran balik pinjaman yang dibuat pada tahun semasa meningkat menjadi RM14.45 juta berbanding sejumlah RM2.44 juta pada tahun 2003. Adalah didapati juga daftar pinjaman bagi terimaan dan bayaran balik diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini. Semua pinjaman yang diterima mempunyai surat perjanjian dan jadual bayaran balik serta penyata penyesuaian baki pinjaman antara rekod Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan ada disediakan.

9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada tahun 2004, baki pinjaman Agensi dengan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM247.04 juta iaitu menurun sejumlah RM309,526 berbanding RM247.35 juta pada tahun 2003. Bagaimanapun, tunggakan hutang Agensi meningkat menjadi RM191.17 juta pada tahun 2004 berbanding RM148.54 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan kegagalan Agensi membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan. Pada tahun 2004, hanya Amanah Saham Pahang dan Yayasan Pahang telah menjelaskan bayaran ansuran pinjaman berjumlah RM1.75 juta berbanding anuiti yang sepatut dijelaskan berjumlah RM44.38 juta. Sebahagian besar tunggakan pinjaman adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi pinjaman Projek Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa II dan Projek Kawasan Perindustrian Bentong Fasa II. Rekod pinjaman seperti daftar terimaan dan bayaran balik pinjaman dan jadual bayaran balik telah diselenggarakan dengan baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Kerajaan Negeri pada tahun 2004 tidak banyak berubah dari tahun sebelumnya. Penyelenggaraan semua rekod pinjaman adalah baik dan kemas kini. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih gagal menjelaskan ansuran pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang

ditetapkan. Semua Agensi pula gagal membayar ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri menyebabkan baki dan tunggakan pinjaman meningkat berbanding tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, tindakan yang berkesan perlulah diambil bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi yang terlibat.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dibenarkan melabur dalam bentuk simpanan tetap di bank dan pelaburan saham. Segala aktiviti pelaburan Kerajaan Negeri dikawal oleh Unit Analisis Dan Pemantauan Pelaburan di samping memantau prestasi kewangan syarikat yang dilabur. Pada akhir tahun 2004, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM225.69 juta meliputi pelaburan saham sejumlah RM126.69 juta dan simpanan tetap sejumlah RM99 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati perkara berikut:

9.5.1 Pelaburan Saham

Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 menunjukkan peningkatan sejumlah RM21.74 juta menjadi RM126.69 juta berbanding sejumlah RM104.95 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah bersetuju menukarkan 23,333,331 unit saham yang dipegang oleh sebuah syarikat berhad dengan 12,266,665 unit saham yang dimiliki oleh sebuah syarikat berhad yang lain yang berjumlah RM45.99 juta. Hasil daripada urus niaga pertukaran ini telah memberikan keuntungan kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM22.70 juta. Selain itu, semakan Audit juga mendapati perkara berikut:

- a) Kesemua pelaburan saham dalam 7 syarikat dan 2 saham amanah diurus sendiri oleh Pejabat Kewangan Negeri dan tidak ada pelaburan dibuat melalui pengurus dana.
- b) Semua urus niaga saham telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
- c) Semua dividen saham tahun 2004 yang berjumlah RM6.86 juta telah diterima dan diperakaunkan dengan sempurna.
- d) Rekod pelaburan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan sijil saham telah disimpan dengan selamat.

9.5.2 Simpanan Tetap

Pada tahun 2004, baki simpanan tetap adalah berjumlah RM99 juta berbanding RM56 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan pinjaman Bekalan Air dan pertambahan hasil pada tahun 2004 telah dilabur sebagai simpanan tetap. Semakan Audit juga mendapati daftar surat menyurat berkaitan simpanan tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini dan semua sijil telah disimpan dengan selamat.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Rekod berkaitan dengan saham dan simpanan tetap diselenggarakan dengan kemas kini.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Akaun Amanah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 manakala Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan mengikut Seksyen 10 Akta yang sama. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Mengikut Tatacara Kumpulan Wang Amanah ini, Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan penyata akaun berakhir pada 31 Disember setiap tahun untuk diaudit. Manakala bagi akaun deposit pula senarai baki individu disediakan dan dihantar ke Jabatan Audit Negara untuk pengesahan.

9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Akaun Deposit

Pada tahun 2004, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mempunyai baki berjumlah RM183.89 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM101.36 juta dan Akaun Deposit berjumlah RM121.70 juta. Pejabat juga ada menyelenggarakan akaun bagi 46 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebanyak 33 Kumpulan Wang Amanah Awam dan 84 Akaun Deposit. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit ini mendapati perkara berikut:

a) Penyerahan Penyata Akaun Amanah Untuk Diaudit

Arahan Amanah menetapkan penyata akaun amanah hendaklah disediakan pada akhir setiap tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Adalah didapati sehingga pertengahan bulan Mei 2005, hanya satu daripada 33 Kumpulan Wang Amanah Awam tidak mengemukakan penyata akaun tahun 2004 untuk diaudit.

b) Penyerahan Senarai Baki Deposit Individu

Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan dan mengemukakan senarai baki deposit individu pada akhir bulan Disember setiap tahun kepada Akauntan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Sehingga pertengahan bulan Mei 2005, adalah didapati semua pemegang akaun telah menyerahkan senarai baki deposit individu berserta penyata penyesuaian.

c) Pengesahan Laporan Amanah Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Amanah

Semakan Audit mendapati Pejabat telah menyelenggarakan Daftar Pengesahan Dan Penyesuaian Amanah dengan kemas kini. Sementara itu, sebanyak 49 Pusat Tanggungjawab lewat menghantar pengesahan laporan amanah tahun 2004 ke Pejabat antara 1 bulan hingga 11 bulan.

Pihak Audit berpendapat secara keseluruhannya pengurusan akaun amanah dan deposit adalah memuaskan.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER KERAJAAN NEGERI

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Untuk Kerajaan Negeri atau SPEKS adalah satu sistem perakaunan berkomputer yang dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara hasil daripada keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang bersidang pada tahun 2001. Bagi menggantikan Sistem Perakaunan Negeri (SPEN) sedia ada, pelaksanaan sistem perakaunan yang baru iaitu SPEKS dirancang pada awal tahun 2003. Sistem ini merupakan satu rangkaian sistem berkomputer yang akan menyambungkan sistem di Pejabat, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Agensi lain seperti bank untuk melicinkan dan mempertingkatkan produktiviti dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan perakaunan.

10.1 Perancangan Pelaksanaan SPEKS Di Negeri Pahang

Pelaksanaan SPEKS di Negeri Pahang melibatkan 3 Fasa iaitu Fasa Pertama bermula pada awal tahun 2003. Manakala Fasa Kedua dan Ketiga masih belum dilaksanakan lagi. Fasa Pertama melibatkan Modul Kawalan Data, Sekuriti, Lejar, Gaji, Belanjawan dan Buku Vot manakala Fasa Kedua melibatkan Modul Lejar Subsidiari, PTJ Kewangan dan Pengurusan Aset. Fasa Ketiga pula melibatkan Modul Sistem Pinjaman Pelaburan dan Pengurusan Sistem Maklumat. Sebanyak 147 PTJ telah disenaraikan bagi pelaksanaan ini. Pembiayaan bagi sistem aplikasi serta perkakasan adalah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Manakala Kerajaan Negeri pula menanggung penyediaan rangkaian, penyelenggaraan perkakasan dan pelesenan perisian sistem selepas tempoh jaminan. Bagi memastikan pelaksanaan SPEKS berjalan lancar, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan bertujuan untuk merancang dan memantau semua masalah yang berlaku semasa pelaksanaan Sistem SPEKS.

10.2 Status Pencapaian SPEKS

Pemeriksaan Audit mendapati jadual pelaksanaan sistem telah disediakan dengan terperinci tetapi tidak dapat dijalankan sepenuhnya sebagaimana yang telah dirancang. Pemeriksaan Audit mendapati hanya 19 Jabatan melaksanakan SPEKS sepenuhnya kecuali Pejabat KDYMM Sultan, Pejabat Dewan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Maran dan Bera. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Sekolah Agama di bawah Jabatan Agama Islam Pahang pula, pelaksanaan SPEKS tidak dapat dijalankan sehingga kini kerana mengalami masalah talian. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa pada pertengahan tahun 2004, Penyata Penyesuaian Vot secara automatik telah dilaksanakan kepada 147 PTJ tetapi hanya 34 PTJ sahaja yang menggunakan sistem ini. Lawatan Audit yang telah dijalankan terhadap 4 daripada 34 PTJ mendapati masalah utama yang menyebabkan sistem ini tidak dapat digunakan adalah kerana kesukaran mengeluarkan

laporan. Sehingga bulan Mac 2005, Fasa Kedua yang melibatkan Modul PTJ Kewangan telah dilaksanakan di 54 dari 147 buah PTJ. Latihan bagi setiap modul telah diberi kepada semua kakitangan setiap PTJ yang terlibat. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, beberapa sesi kursus dan latihan telah diadakan antaranya adalah kursus Modul Buku Vot, Modul Gaji dan Modul Lejar Kecil. Sehingga akhir tahun 2004, sebanyak 130 PTJ bagi 30 Jabatan telah mengikuti Kursus Modul Buku Vot dan Modul Gaji. Manakala kursus Modul Lejar Kecil telah diberi kepada kakitangan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2004.

10.3 Kawalan Umum SPEKS

Kawalan umum adalah penting bagi persekitaran sistem berkomputer untuk memastikan kemampuan sistem tersebut mencapai tujuan ia dibangunkan. Di samping itu, ia juga penting bagi menjamin kerahsiaan, keutuhan, kebolehseliaan dan kepercayaan terhadap data serta pematuhan terhadap perundangan dan peraturan. Untuk memastikan pelaksanaan SPEKS berjalan lancar, kawalan umum seperti kawalan organisasi dan pengurusan, kawalan perubahan pengurusan, kawalan operasi, kawalan persekitaran dan fizikal, kawalan capaian logikal, kawalan perancangan operasi, kawalan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga, kawalan *end-user computer* perlu diwujudkan di peringkat Pejabat dan PTJ. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan umum mendapati perkara berikut:

10.3.1 Kawalan Pembekal Kepada Pengurusan

Kawalan pembekal kepada pengurusan melibatkan kaedah penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pengurusan. Setiap masalah di PTJ dikemukakan atau dilaporkan kepada Pejabat untuk tujuan penyelesaian. Masalah yang tidak dapat diselesaikan akan dikemukakan kepada *Helpdesk* SPEKS di Pejabat dan direkodkan di Daftar Penghantaran Masalah. Semakan Audit ke atas Daftar Penghantaran Masalah mendapati sebanyak 61 masalah telah dikemukakan dan 48 masalah telah diselesaikan manakala 13 masalah masih belum diselesaikan. Antara masalah yang dikemukakan adalah seperti kesilapan penyelarasan laporan dan masalah berkaitan sistem yang tidak berfungsi.

10.3.2 Kawalan Akses Logikal

Kawalan Akses Logikal melibatkan pewujudan pengenalan pengguna melalui penggunaan kata laluan. Pewujudan pengenalan pengguna ialah menggunakan penggabungan nama pengguna dan nama Jabatan tersebut. Unit Komputer di Pejabat akan memberikan kata laluan sementara kepada pengguna sistem bagi mengesahkan identiti pengguna. Kata laluan sementara ini wajib ditukar serta merta apabila telah mendaftar masuk ke sistem yang mempunyai bilangan aksara maksimum sebanyak 10 aksara tetapi tidak dinyatakan bilangan minimum yang sepatutnya. Semakan Audit mendapati pengguna boleh memasuki sistem dengan menggunakan kata laluan sebanyak satu aksara sahaja. Ini membolehkan sistem dimasuki dengan mudah kerana tidak mempunyai kawalan yang sempurna bagi kata laluan. Oleh itu bilangan

minimum kata laluan perlu ditetapkan. Selain itu, prosedur menetapkan penukaran kata laluan setiap 3 bulan sekali tidak dipatuhi. Pemeriksaan Audit mendapati sistem juga tidak memberi peringatan kepada pengguna untuk menukar kata laluan seterusnya menghalang sesiapa yang tidak menukar kata laluan dari memasuki sistem.

10.3.3 Kawalan Fizikal Dan Persekitaran

Kawalan Fizikal dan Persekitaran melibatkan kawalan terhadap perkakasan dan perisian komputer dari penyalahgunaan demi menjaga keutuhan pemprosesan data. Lawatan Audit ke bilik *server* mendapati lokasi bilik *server* berada pada tahap kedudukan yang lebih tinggi daripada lantai biasa, pencahayaan lampu mencukupi, kedudukan bilik *server* terasing dan mempunyai satu pintu keluar masuk. Bagaimanapun pintu keluar masuk tidak dikunci dan hanya dikunci apabila tamat waktu bekerja. Kemudahan *touch* kad untuk memasuki bilik *server* tidak berfungsi sepenuhnya kerana pintu sentiasa terbuka. Pemeriksaan Audit di bilik *server* mendapati kelengkapan alat mencegah kebakaran seperti alat penggera haba dan asap adalah memuaskan tetapi alat pemadam api secara manual tidak disediakan. Tidak ada kamera litar dalaman dipasang di bilik *server* bagi memantau pergerakan di bilik tersebut. Pihak Audit juga mendapati daftar keluar masuk bilik *server* tidak disediakan terutama bagi merekod pergerakan keluar masuk. Surat kebenaran kuasa untuk memasuki bilik *server* tidak disediakan walaupun seramai 15 orang pegawai yang dibenarkan masuk ke bilik *server*. Selain itu, pelan atau latihan menghadapi kecemasan tidak disediakan bagi menghadapi kecemasan sekiranya berlaku kebakaran.

10.3.4 Kawalan Perancangan Operasi Yang Berterusan

Kawalan Perancangan Operasi Yang Berterusan adalah jaminan kepada keupayaan sesuatu sistem untuk terus melaksanakan pemprosesan sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini kepada komputer dan persekitarannya. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan ini mendapati *back up* sistem dan *back up* data dibuat secara harian dan bulanan di dalam satu rekod. *Back up* data disimpan di bilik *server* di Jabatan Bekalan Air. Pihak Audit mendapati ia selamat kerana disimpan di luar bangunan yang menempatkan bilik *server* bagi mencegah daripada berlakunya sebarang kemungkinan terhadap persekitaran tempat data itu disimpan. Bagaimanapun, penyimpanan *back up* data bagi sistem SPEKS di luar bangunan iaitu hanya mula dilakukan pada bulan Disember 2004. Lawatan Audit mendapati 3 orang kakitangan untuk bantuan teknikal dan sistem telah ditempatkan di Unit Komputer Pejabat untuk menyelenggarakan segala perisian dan perkakasan di bilik *server* sebulan sekali seperti yang ditetapkan.

10.3.5 Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pihak Ketiga

Kawalan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga adalah untuk memastikan perkhidmatan yang diberi oleh pihak ketiga adalah seperti yang ditetapkan oleh perjanjian. Pihak Audit mendapati pihak Akauntan Negeri tidak mempunyai salinan perjanjian antara Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan syarikat vendor.

Oleh itu pihak Akauntan Negeri hendaklah mendapatkan salinan surat perjanjian tersebut bagi memastikan pihak Akauntan Negeri mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan sistem SPEKS di Negeri Pahang adalah memuaskan. Bagaimanapun, kawalan akses dan capaian logikal dan kawalan fizikal perlu diperkemaskan terutama mengenai bilangan minimum kata laluan yang perlu ditetapkan dan kawalan kemasukan ke bilik *server* .

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Beberapa langkah proaktif yang diambil oleh pejabat telah meningkatkan tahap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pemantauan berterusan masih diperlukan terhadap pengurusan dan kawalan hasil serta perbelanjaan.

PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

12. LATAR BELAKANG

Pengurusan dan kawalan kewangan Jabatan Kerajaan ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan manakala tanggungjawab melaksanakan pengurusan dan kawalan ini dijalankan oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya. Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan yang dipilih untuk menentukan sama ada tanggungjawab tersebut telah dilaksanakan selaras dengan kehendak peraturan kewangan. Pada tahun 2004, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan di 4 buah Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Bera, Pejabat Daerah Dan Tanah Raub, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian. Kedudukan jumlah hasil, perbelanjaan dan deposit bagi 4 Jabatan/Pejabat tersebut pada tahun 2004 seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi
Jabatan/Pejabat Pada Tahun 2004

Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit (RM Juta)
Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	7.32	1.85	0.29
Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	4.97	3.07	0.93
Jabatan Kerja Raya	0.13	32.21	8.83
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	4.33	3.61	-
Jumlah	16.75	40.74	10.05

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini bertujuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah/deposit dan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2004, antaranya seperti Buku Tunai Hasil dan Deposit, Lejar Deposit, Buku Vot, Penyata Penyesuaian, Daftar Harta Modal dan Inventori serta Buku Log. Selain itu, pengesahan terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya. Di samping itu juga, perbincangan dengan pegawai terlibat juga diadakan bagi mendapat penjelasan dan maklumat berkaitan.

14. PENEMUAN AUDIT

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

14.1.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab mengadakan pengurusan yang mantap bagi meningkatkan kecekapan dan memenuhi objektif organisasi serta keperluan pelanggannya. Keperluan ini terkandung dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 6 Tahun 1991 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996. Antaranya mewujudkan struktur organisasi yang jelas, menyediakan panduan kerja yang lengkap seperti Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan mendapati setiap Jabatan/Pejabat ada menyediakan Manual Prosedur Kerja tetapi tidak lengkap dan kemas kini untuk dijadikan panduan oleh pegawai semasa melaksanakan tugas mereka. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan berkaitan kawalan pengurusan seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Kedudukan Kawalan Pengurusan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Kawalan Pengurusan					
		a	b	c	d	e	f
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	/	X	/	/	/	X
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	/	X	/	/	/	X
3.	Jabatan Kerja Raya	/	X	X	X	/	X
4.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	/	X	X	X	/	X

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat.
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini.
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota.
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan.
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.

14.1.2 Selain itu, sebahagian kakitangan di Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian tidak mempunyai Fail Meja. Kesemua Jabatan/Pejabat yang dilawati telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tetapi kekerapan bermesyuarat tidak mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 iaitu sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan di Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan dengan mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja kakitangan.

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

14.2 KAWALAN HASIL

14.2.1 Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan oleh Jabatan/Pejabat akan memastikan hasil dapat dikutip dan diakaunkan dengan segera dan betul. Tanggungjawab Pemungut Hasil adalah untuk memungut, menyimpan, dan mengakaunkan kutipan hasil dengan sempurna dan teratur. Kawalan rekod dan dokumen kewangan seperti pengeluaran resit, penyelenggaraan Buku Tunai, serahan pungutan ke bank, pengesahan dan penyesuaian laporan hasil serta pemeriksaan harian oleh pegawai penyelia merupakan elemen penting yang perlu ada pada setiap aspek kawalan hasil.

14.2.2 Secara umumnya, kawalan hasil di setiap Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah memuaskan yang mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti pengeluaran resit berkomputer telah berjalan dengan lancar dan teratur, pegawai penyelia ada menyemak Buku Tunai dan resit pada setiap hari dan wang kutipan dimasukkan ke bank dengan segera kecuali pungutan lewat akan disimpan dalam bilik kebal berkunci dan dimasukkan ke bank pada hari berikutnya. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan hasil seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
		a	b	c	d	e	f	g	h
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	/	/	/	/	/	X	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	/	/	/	/	/	/	/	/
3.	Jabatan Kerja Raya	/	/	/	/	/	/	/	TB
4.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	TB	/	/	/	/	/	/	TB

Nota: / : Mematuhi

X : Tidak Mematuhi

TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit.
- c. Kebenaran bertulis diberi kepada pegawai yang menerima wang.
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam.
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera.
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga ada dijalankan
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini.
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri aktiviti pungutan hasil.

14.2.3 Bagaimanapun, beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi seperti pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dijalankan dan Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan baik dan kemas kini di Pejabat Daerah Dan Tanah Bera. Selain itu, kawalan keselamatan pegawai yang menghantar wang ke bank dan ciri keselamatan di ruang kaunter terimaan hasil di dua Pejabat Tanah berkenaan perlu dipertingkatkan.

Pada pandangan Audit, kawalan hasil di Jabatan/Pejabat adalah memuaskan. Bagaimanapun aspek kawalan hasil seperti langkah keselamatan semasa kemasukan wang ke bank perlu diberi perhatian.

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

14.3.1 Kawalan perbelanjaan merupakan aspek yang penting terhadap pengurusan kewangan sesebuah Jabatan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dibuat dengan kelulusan dan bagi maksud yang ditentukan serta diperakukan dengan betul dan direkod dengan kemas kini. Kawalan rekod kewangan seperti penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil, pengesahan dan penyesuaian laporan perbelanjaan bulanan serta pemeriksaan oleh pegawai penyelia merupakan elemen penting kawalan perbelanjaan.

14.3.2 Pada tahun 2004, perbelanjaan mengurus bagi 4 Jabatan/Pejabat yang di audit adalah berjumlah RM26.08 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan bagi 3 Jabatan/Pejabat kecuali Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian adalah berjumlah RM14.66 juta. Semakan Audit mendapati kawalan perbelanjaan di Jabatan/Pejabat berkenaan secara keseluruhannya adalah memuaskan. Perwakilan kuasa meluluskan pembayaran telah diberikan kepada pegawai yang sepatutnya. Buku Vot telah diselenggara dengan baik dan memuaskan serta disemak oleh pegawai penyelia. Penyata penyesuaian perbelanjaan pula telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Daftar Bil juga diselenggara dengan kemas kini. Borang Pesanan Kerajaan dan Inden Kerja ditandatangani dan diperakukan oleh pegawai yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya, kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Kawalan Perbelanjaan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	/	/	/	/	/	/	/
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	/	/	/	/	/	/	/
3.	Jabatan Kerja Raya	/	/	/	/	/	/	/
4.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	/	/	/	/	/	/	/

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

- a. *Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.*
- b. *Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia.*
- c. *Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- d. *Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap.*
- e. *Surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan.*
- f. *Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- g. *Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan.*

Pada pendapat Audit, kesemua Jabatan/Pejabat berkenaan telah mengawal perbelanjaan dengan memuaskan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

14.4.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan penyelenggaraan Akaun Amanah/Deposit mengikut peraturan atau syarat yang ditetapkan. Rekod seperti Buku Tunai, Lejar Individu, penyata penerimaan dan pembayaran hendaklah diselenggara atau disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit mendapati perkara seperti berikut:

14.4.2 Pengurusan Akaun Amanah/Deposit

Pada tahun 2004, Jabatan Kerja Raya menyelenggarakan 4 akaun deposit iaitu Deposit Kontraktor, Deposit Pelbagai, Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Tawaran Kontraktor dengan pegangan berjumlah RM8.83 juta. Pejabat Daerah Dan Tanah Raub dan Pejabat Daerah Dan Tanah Bera masing-masing memegang deposit tanah berjumlah RM934,859 dan RM286,811. Manakala Jabatan Kerja Raya menyelenggarakan 2 akaun amanah iaitu Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri dengan baki berjumlah RM18.11 juta dan Kumpulan Wang Amanah Pembaikan Jalan Jabatan Kerja Raya Yang Dikorek Oleh Pihak Lain berbaki sejumlah RM433,447. Bagaimanapun, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian tidak menyelenggarakan sebarang akaun deposit. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan Lejar Kawalan Amanah/Deposit bagi setiap Jabatan/Pejabat berkenaan adalah memuaskan dan kemas kini. Selanjutnya Jabatan/Pejabat ada membuat semakan antara rekod Jabatan/Pejabat dengan rekod Akauntan Negeri bagi

menentukan ketepatan perakaunan antara rekod berkenaan. Penyata Penyesuaian mengenainya ada disediakan secara terperinci pada setiap bulan untuk dikemukakan ke Akauntan Negeri.

14.4.3 Pewartaan Deposit

Arahan Perbendaharaan 162 menghendaki deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan hendaklah diberitahu melalui Warta Kerajaan. Adalah didapati Pejabat Daerah Dan Tanah Raub mempunyai 10 Akaun Deposit Tidak Aktif melebihi antara 8 hingga 15 tahun yang boleh diambil tindakan untuk tujuan pewartaan. Semakan Audit juga mendapati kali terakhir deposit tidak aktif diwartakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Raub ialah pada bulan September 1997.

14.4.4 Kumpulan Wang Amanah Tidak Aktif

Adalah didapati Kumpulan Wang Amanah Pembaikan Jalan Jabatan Kerja Raya Yang Dikorek Oleh Pihak Lain yang berbaki sejumlah RM433,447 tidak aktif semenjak tahun 1997 dan belum ditutup. Penutupan akaun ini akan dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya setelah tunggakan berjumlah RM46,315 dijelaskan oleh Tenaga Nasional Berhad Cawangan Temerloh.

Pada pendapat Audit, pengurusan akaun amanah dan deposit di Jabatan/Pejabat berkenaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, akaun amanah/deposit yang tidak aktif perlu diambil tindakan penyelesaian dengan segera.

14.5 PENGURUSAN ASET

14.5.1 Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, semua harta modal dan inventori hendaklah direkodkan pada Daftar Harta Modal dan Inventori manakala pergerakannya hendaklah direkodkan pada Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori. Panduan 238 hingga 240 Tatacara Pengurusan Stor menetapkan semua aset dan inventori hendaklah diperiksa dengan daftar berkenaan sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun. Selanjutnya, mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997, aset dan inventori yang tidak ekonomik dibaiki dan tidak boleh digunakan hendaklah dilupuskan dengan segera. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki kenderaan diurus dengan baik dan digunakan untuk tujuan rasmi. Bagi memenuhi kehendak ini maka rekod kenderaan iaitu Buku Log dan fail kenderaan hendaklah disediakan dengan teratur dan kemas kini.

14.5.2 Semakan Audit terhadap pengurusan aset di Jabatan/Pejabat mendapati sebahagian harta modal dan inventori yang sedang digunakan tidak diberikan nombor siri bagi memudahkan pengenalan dibuat dan senarai harta modal dan inventori juga tidak dipamerkan di lokasi ia ditempatkan. Pada keseluruhannya, kedudukan

pematuhan terhadap peraturan pengurusan aset bagi 4 Jabatan/Pejabat berkenaan adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Pengurusan Aset

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	X	X	/	/	/	/	X	/	X
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	/	/	/	/	/	/	X	/	X
3.	Jabatan Kerja Raya	/	X	/	/	/	/	X	/	X
4.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	/	X	/	/	/	/	X	/	X

Nota : / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi

- a. *Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- b. *Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori.*
- c. *Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'.*
- d. *Verifikasi stok dijalankan.*
- e. *Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis.*
- f. *Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan.*
- g. *Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.*
- h. *Aset usang diambil tindakan pelupusan.*
- i. *Pelupusan aset disegerakan.*

14.5.3 Selain dari perkara yang dinyatakan di atas, semakan lanjut juga telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan pengurusan aset seperti berikut:

a) Pemeriksaan Aset

Tarikh dan tandatangan pegawai yang memeriksa tidak diperturunkan pada ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal' bagi membuktikan pemeriksaan terhadap harta modal telah dibuat.

b) Buku Log Kenderaan

Buku Log Kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di setiap Pejabat. Ruangan seperti pengesahan pegawai yang memberi kuasa serta pegawai mengguna kenderaan dan ringkasan penggunaan bahan api tidak dicatat. Selain itu, salinan asal keratan buku yang telah dicatat tidak diceraikan dan disimpan di pejabat untuk pemeriksaan Ketua Jabatan.

c) Pelupusan Aset

Walaupun pelupusan aset Jabatan/Pejabat yang telah usang ada dibuat namun adalah didapati berlaku kelewatan melaksanakan pelupusan berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut masih kurang memuaskan. Sehubungan itu, tindakan mengemas kini rekod aset perlu dilakukan.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan dan pengurusan akaun amanah/deposit adalah memuaskan. Bagaimanapun pengurusan aset Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan pegawai mereka mematuhi peraturan kewangan. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

16. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT

16.1 LATAR BELAKANG

Program Penampilan Audit mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan tujuan membolehkan pemeriksaan Audit dilakukan terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan pada sesuatu tahun berkenaan. Dengan adanya program ini, Jabatan tidak akan ketinggalan untuk mendapat pandangan dan nasihat daripada pihak Audit dalam usaha mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan.

16.2 OBJEKTIF PROGRAM

Tujuan Penampilan Audit ini secara umumnya adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan. Selain itu, ia juga bagi mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Audit terhadap pentingnya mengurus kewangan dan aset secara cermat dan teratur. Dengan pelaksanaan Program Penampilan Audit, adalah diharapkan Jabatan Audit Negara dapat membantu Jabatan/Pejabat mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan meningkatkan akauntabiliti kewangan.

16.3 PELAKSANAAN

Pada tahun 2004, sebanyak 18 Jabatan/Pejabat telah dipilih bagi tujuan Program Penampilan Audit melibatkan Jabatan/Pejabat mengutip hasil yang tidak pernah diaudit melebihi 3 tahun dan terletak jauh dari Ibu Pejabat. Kaedah pelaksanaan Penampilan Audit dibuat dengan memeriksa atau menyemak secara pilihan aspek pengurusan kewangan sama ada kawalan hasil, kawalan perbelanjaan atau pengurusan aset. Pilihan terhadap 1 atau kombinasi 2 atau lebih mengenai aspek pengauditan boleh dibuat mengikut kesesuaian. Kebiasaan ini bergantung kepada persekitaran atau *core business* sesebuah Jabatan. Pengauditan akan mengambil masa 1 hingga 3 hari dan disusuli

dengan surat pemerhatian Audit serta perbincangan dengan pihak Jabatan/Pejabat untuk mengatasi masalah atau kelemahan pengurusan rekod perakaunan.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat yang dilawati terutama dari segi kawalan hasil dan perbelanjaan.

16.4.1 Kawalan Hasil

Semakan Audit mendapati kawalan hasil bagi 6 Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan berdasar kepada pematuhan peraturan kewangan yang ditetapkan serta penyelenggaraan rekod perakaunan dengan kemas kini. Bagaimanapun kawalan hasil bagi 2 Jabatan/Pejabat adalah kurang memuaskan terutama kerana penyata penyesuaian hasil dan pemeriksaan mengejut tidak dibuat. Selain itu, flimsi Akauntan Negeri lewat disahkan.

16.4.2 Kawalan Perbelanjaan

Semakan Audit mendapati kawalan perbelanjaan bagi 4 daripada 8 Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah memuaskan berdasar kepada pematuhan peraturan kewangan yang ditetapkan serta penyelenggaraan rekod perakaunan dengan kemas kini. Bagaimanapun kawalan perbelanjaan bagi 4 Jabatan/Pejabat yang lain adalah kurang memuaskan di mana Buku Vot tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab, tanggungan perbelanjaan tidak dicatat dan Daftar Bil tidak dikemas kini.

16.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Walaupun jumlah pungutan hasil dan perbelanjaan tahunan pejabat adalah kecil namun peraturan kewangan yang berkuat kuasa perlulah dipatuhi. Pada pendapat Audit, selain pemantauan pihak Ibu Pejabat, peranan Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Unit Audit Akaun Tunai (Naziran) Pejabat Perbendaharaan Negeri adalah perlu bagi memastikan pejabat di peringkat daerah mengemas kini rekod kewangan dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

17. PROGRAM ANAK ANGKAT

17.1 PENDAHULUAN

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan tahap pengurusan kewangan sesuatu Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, adalah didapati kelemahan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan masih lagi berlaku walaupun telah sering kali ditegur melalui Laporan Audit. Program Anak Angkat merupakan salah satu pendekatan yang diambil

oleh Jabatan Audit Negara untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangan. Melalui program ini, Jabatan Audit Negara mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan/Agensi yang bermasalah dari segi pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan visi Jabatan Audit Negara untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam. Jabatan/Agensi akan diberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki aspek pengurusan kewangan yang dikenal pasti.

17.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program adalah untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangan dengan memberi bimbingan dan nasihat terutama dari segi penyelenggaraan rekod perakaunan serta pematuhan terhadap peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN

Pelaksanaan program yang dijalankan oleh pihak Audit adalah bergantung kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang mempunyai masalah pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan sama ada oleh Jabatan Audit Negara atau Unit Audit Dalam. Di samping itu, pihak Audit juga mengambil kira cadangan oleh Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan minat atau inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya. Seperti dinyatakan melalui laporan yang lepas, sebanyak 4 Jabatan/Agensi telah dipilih pada tahun 2003 sebagai Anak Angkat terdiri daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh, Jabatan Agama Islam Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Sehingga kini, dua daripadanya iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah pun ditamatkan sebagai Anak Angkat dan diberikan Sijil Penyertaan pada bulan Ogos 2004 setelah berjaya menyelesaikan masalah yang berkaitan. Manakala Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Daerah Rompin masih diteruskan sebagai Anak Angkat pada tahun 2004.

17.4 TATACARA PELAKSANAAN

Jabatan/Agensi yang dipilih bagi Program Anak Angkat akan dimaklumkan melalui surat perlantikan rasmi dan satu *entrance conference* akan diadakan untuk memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Di samping itu juga, Jabatan/Agensi akan melantik *Liason Officer* bagi memudahkan perhubungan dan tindakan susulan. Pihak Audit akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi berkenaan aspek kelemahan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, pihak Audit akan mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dengan membuat penilaian menyeluruh

terhadap aspek kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, amanah, deposit dan pengurusan aset dan inventori. Tumpuan akan diberikan terhadap kelemahan yang paling ketara dan punca utama wujudnya masalah pengurusan kewangan. Kelemahan yang dikenal pasti akan dibincangkan dengan Ketua Jabatan berkenaan untuk mendapatkan penglibatan dan komitmen Ketua Jabatan terhadap langkah pembetulan yang perlu diambil oleh Jabatan/Agensi berkenaan. Pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan Pejabat juga akan diberi bimbingan dan latihan secara teori dan praktikal. Bagi memastikan langkah pembaikan dan pembetulan dilakukan secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap 3 bulan. Program ini akan dikekalkan sehingga Jabatan/Agensi yang terlibat berjaya memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dan pihak Audit telah berpuas hati terhadap pencapaian keseluruhan Jabatan/Agensi terlibat.

17.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Bagi Jabatan/Agensi berkenaan yang masih diteruskan Program Anak Angkat adalah disebabkan masalah pengurusan rekod yang belum diselesaikan, antaranya seperti berikut:

- a) Kelemahan penyelenggaraan rekod perakaunan di Majlis Daerah Rompin yang menyebabkan kelewatan penyediaan penyata kewangan tahunan.
- b) Kawalan penyelenggaraan Buku Vot di Majlis Daerah Rompin kurang memuaskan.
- c) Jabatan Agama Islam Pahang tidak menyelenggarakan Daftar Aset dan Inventori dengan kemas kini serta pemeriksaan tahunan tidak dilakukan.

17.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI

Secara keseluruhannya, Jabatan/Agensi menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Jabatan/Agensi terlibat telah berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang telah dibangkitkan dengan mengambil beberapa langkah seperti berikut:

17.6.1 Jabatan Agama Islam Pahang telah menubuhkan pasukan petugas untuk mengemas kini penyelenggaraan rekod dan pengurusan aset. Pekeliling dan arahan juga telah dikeluarkan kepada Pusat Tanggungjawab Kecil supaya memperkemarkan pengurusan kewangan masing-masing.

17.6.2 Majlis Daerah Rompin telah menggunakan pakej perisian perakaunan untuk menyediakan penyata kewangannya.

17.6.3 Majlis Daerah Rompin juga telah mengambil inisiatif menyediakan sendiri penyata kewangan yang sebelumnya diserahkan kepada syarikat perakaunan swasta.

17.7 PENCAPAIAN

Berdasarkan prestasi dan penglibatan Jabatan/Agensi berkenaan, adalah didapati Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah mencapai matlamatnya. Secara keseluruhannya, Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah berjaya mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dengan baik dan memuaskan. Antara kelemahan yang telah berjaya di atasi adalah seperti berikut:

- a) Lejar Individu Deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- b) Rekod perakaunan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang khususnya Buku Tunai Utama telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi membolehkan penyata kewangan tahunan disediakan dengan segera. Sehingga kini, Perbadanan telah pun menyerahkan penyata kewangan tahun 2003 untuk diaudit.
- c) Buku Vot di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang telah diselenggarakan dengan sempurna dan teratur.
- d) Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh telah menubuhkan pasukan petugas untuk mengenal pasti semua aset dan inventori.

Semua pemerhatian yang dibangkitkan kepada Jabatan/Agensi terlibat telah diambil tindakan dengan berkesan. Penglibatan pegawai dan kakitangan menjayakan Program ini amat menggalakkan. Bagaimanapun, Program Anak Angkat ini masih lagi diteruskan terhadap Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Daerah Rompin di samping Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis dan Majlis Daerah Lipis telah dipilih sebagai Anak Angkat pada tahun 2005. Pihak Audit akan membuat pemantauan untuk menilai kedudukan terkini Jabatan/Agensi terbabit dan merancang program selanjutnya untuk diteliti bersama Jabatan/Agensi terlibat.

17.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program Anak Angkat telah berjaya membantu menangani masalah pengurusan kewangan Jabatan/Agensi. Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan Jabatan/Agensi dapat menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan sempurna. Jabatan Audit Negara mengucapkan tahniah kepada Jabatan/Agensi yang telah berjaya menamatkan Program Anak Angkat ini dengan jayanya. Bagi Jabatan/Agensi lain, Jabatan Audit Negara akan meneruskan Program Anak Angkat sehingga tahap pengurusan kewangan di semua Jabatan/Agensi mencapai tahap yang membanggakan dan mempamerkan tahap kebertanggungjawaban awam yang tinggi.

BAHAGIAN III
AKTIVITI JABATAN DAN
KAJIAN KHAS

BAHAGIAN III AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

18. PENDAHULUAN

Selain mengesahkan akaun dan menjalankan pengauditan pematuhan, Seksyen 6 Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program atau aktiviti Jabatan untuk menentukan sama ada program atau aktiviti tersebut telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program dan aktiviti untuk dikaji secara mendalam dan menilai sejauh mana keberkesanan sesuatu program atau aktiviti itu dilaksanakan. Pada tahun 2004, kajian telah dijalankan terhadap Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh dan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai. Hasil kajian tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan dan hanya isu yang ketara sahaja yang dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN BEKALAN AIR NEGERI PAHANG

PROJEK PEMBINAAN EMPANGAN SUNGAI CHEREH

19. LATAR BELAKANG

19.1 Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh (Empangan) merupakan salah satu daripada komponen utama pembangunan Projek Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II yang mengandungi 7 pakej projek. Pakej projek ini terdiri daripada kerja ukur kejuruteraan dan kajian kemungkinan untuk tujuan pembinaan empangan, membaik pulih pam air mentah dan *intake* di Kampung Kobat dan Bukit Ubi, mengubahsuai Loji Rawatan Air di Semambu dan pemasangan paip agihan serta tangki simpanan di lokasi yang telah ditetapkan seperti di Bukit Ubi dan Jalan Pekan di samping membina jalan masuk ke Empangan. Projek ini adalah dirancang pelaksanaannya berdasarkan Kajian Terhadap Perancangan Dan Pembangunan Sumber Air Negeri Pahang yang telah dijalankan oleh sebuah syarikat perunding swasta pada tahun 1992. Unjuran dari kajian yang telah dijalankan tersebut, maka pada bulan Ogos 1996, Pihak Berkuasa Negeri telah memberi kelulusan untuk pelaksanaannya. Seterusnya pihak Kerajaan Negeri telah melantik syarikat perunding yang sama untuk menjalankan kajian kemungkinan terhadap keperluan pembinaan empangan pada tahun 1997. Kajian kemungkinan telah selesai dibuat dan penemuannya telah dibentangkan pada tahun 1998. Pihak Berkuasa Negeri kemudiannya telah merangka satu Pelan Induk Sumber Air Negeri pada tahun 1999 untuk tujuan kelancaran proses pengurusan sumber air di Negeri Pahang. Pada tahun 2000, pihak

Kerajaan Negeri telah juga melantik syarikat perunding yang sama secara rasmi untuk pelaksanaan Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh.

19.2 Empangan yang akan dibina tersebut merentasi Sungai Chereh yang merupakan salah satu daripada cabang Sungai Kuantan yang terletak 40 kilometer dari bandar Kuantan dan 11 kilometer dari pekan Sungai Lembing. Kolam takungan empangan yang dicadangkan adalah seluas 1,620 hektar terletak di kawasan tadahan seluas 15,200 hektar di kawasan Hutan Simpanan Reman Chereh. Kos projek ini berjumlah RM69.3 juta yang dibiayai melalui pakej pinjaman Kerajaan Persekutuan.

19.3 Objektif utama pembinaan Empangan ini adalah untuk mengawal paras air Sungai Kuantan supaya paras air dapat diurus bagi memenuhi keperluan 2 buah loji memproses air daripada 300 juta liter sehari menjadi 1,934 juta liter sehari. Peningkatan ini perlu bagi menampung keperluan penggunaan air untuk sektor domestik dan sektor industri di Daerah Kuantan sehingga tahun 2050. Projek pembinaan Empangan ini mula dilaksanakan pada awal bulan Mac 2002 dan dijangka siap pada akhir bulan Mac 2005. Pada bulan Disember 2004, secara keseluruhannya prestasi fizikal pelaksanaan projek adalah pada tahap 69% siap dengan lanjutan masa kali pertama telah diberikan selama 9 bulan 15 hari.

20. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembinaan Empangan telah dilakukan dengan cekap dan berkesan.

21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

21.1 Kajian yang dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembinaan Empangan oleh Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang bagi tempoh tahun 1996 hingga 2004. Kajian ini dipilih berdasarkan kepentingannya kepada Kerajaan Negeri dan melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Bagaimanapun, pelaksanaan projek lain yang berkaitan seperti pembinaan jalan masuk, menaik taraf *intake* di Kampung Kobat dan Loji Rawatan Air di Semambu serta baik pulih sistem agihan tidak diliputi oleh kajian ini. Sungguhpun begitu, aspek tersebut ada juga ditekankan bagi perkara yang berkaitan sahaja. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang dan Pejabat Bekalan Air Daerah Kuantan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, perjanjian, fail dan rekod kewangan. Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (Jabatan) dan Jurutera Perunding yang bertanggungjawab terhadap projek pembinaan Empangan juga diambil kira selain pandangan daripada Penasihat Teknikal, Jabatan Audit Negara. Pemeriksaan secara fizikal di tapak projek pembinaan Empangan juga dibuat semasa pengauditan.

22. PENEMUAN AUDIT

22.1 PERANCANGAN

Projek pembinaan Empangan Sungai Chereh mula dirancang oleh Jabatan pada tahun 1996 setelah Kerajaan Negeri meluluskan cadangan pembangunan Projek Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2000 Jabatan telah melantik sebuah syarikat perunding swasta yang akan menguruskan projek pembinaan empangan di Sungai Chereh mewakili pihak Jabatan.

22.1.1 Dasar Pengurusan Sumber Air

Pada tahun 1999, melalui pembentukan Pelan Induk Sumber Air di peringkat Negara dan Negeri, satu dasar mengenai peranan dan fungsi pengurusan sumber air diperjelaskan secara lebih terperinci seperti berikut:

- a) Meningkatkan dan memperbaiki keberkesanan sumber pengurusan air melalui projek pengairan dan saliran.
- b) Menjelaskan secara terperinci kaedah pemeliharaan kawasan empangan dan pengurusan kawasan sumber air yang lain.
- c) Meningkatkan kawalan kualiti sumber air meliputi aspek penentuan piawaian yang bersesuaian untuk tujuan pemantauan, perlindungan, pencemaran, pengeluaran lesen, kawalan sumber air yang tidak digunakan di samping langkah pencegahan ke atas sebarang perkembangan luaran.

Dasar di atas selain menekankan keperluan membina empangan, juga bertujuan mengurangkan peratusan kehilangan air selain melibatkan keperluan mengumpulkan sumber air untuk jangka panjang dan meningkatkan pengurusan sumber air yang lebih cekap. Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan Pelan Induk Sumber Air Negeri Pahang pada tahun 1999.

22.1.2 Kajian Sumber Air Negeri

Sebelum Pelan Induk Sumber Air Negeri 1999 diperkenalkan, Kerajaan Negeri pada bulan Oktober 1997 telah melantik syarikat perunding untuk mengkaji keperluan sumber air dan penggunaan air di Negeri Pahang untuk tempoh jangka panjang sehingga tahun 2050. Kajian itu turut menyentuh mengenai sistem agihan, kajian impak alam sekitar dan reka bentuk empangan yang dicadangkan. Kajian mengenai sumber bekalan air yang dibuat oleh syarikat perunding tersebut juga menggariskan beberapa perkara berkaitan pengurusan air, hidrologi, unjuran permintaan air dan kewangan.

Kajian Terhadap Perancangan Dan Pembangunan Sumber Air Negeri Pahang yang telah dijalankan melaporkan bahawa perlunya dibina satu empangan untuk menampung keperluan permintaan bekalan air bersih jangka panjang. Keperluan ini

adalah berpunca daripada faktor pertambahan populasi penduduk dan pertambahan aktiviti ekonomi manusia. Butiran jangkaan pertambahan permintaan bekalan air bagi Bandar Kuantan sehingga tahun 2050 adalah seperti di **Jadual 15**:

Jadual 15
Jangkaan Permintaan Bekalan Air Bandar Kuantan
Bagi Tahun 1990 Hingga 2050

Tahun	Anggaran Populasi Penduduk (Orang)	Permintaan Air (JLH)
1990	242,589	123
2000	343,967	249
2010	495,970	368
2020	601,342	440
2030	772,138	565
2040	966,000	707
2050	1,176,340	1,052

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang
JLH : Juta Liter Sehari

22.1.3 Sasaran Projek

Sasaran utama pembinaan Empangan adalah untuk meningkatkan jumlah perolehan air melalui 2 *intake* di Sungai Kuantan daripada 300 juta liter sehari menjadi 1,934 juta liter sehari. Peningkatan perolehan air ini adalah untuk menampung keperluan air bagi kegunaan domestik dan sektor industri di kawasan Kuantan sehingga tahun 2050. Dengan wujudnya Empangan ini, kapasiti pemprosesan air loji seperti Loji Pemprosesan Air di Semambu yang beroperasi pada kapasiti 215 juta liter sehari akan dapat dipertingkatkan sekali ganda menjadi 430 juta liter sehari. Di samping itu juga, Empangan ini akan dapat membekalkan air yang mencukupi seperti yang disasarkan.

Laporan syarikat perunding juga menyatakan bahawa keupayaan takungan air maksimum oleh Empangan adalah sejumlah 265 juta meter padu. Keluasan kawasan tadahan bagi Empangan ini adalah seluas 152 kilometer persegi dengan keluasan takungan air yang meliputi kawasan pada paras 74 meter *Land Survey Datum* (LSD) adalah seluas 16.2 kilometer persegi. Manakala paras air yang paling maksimum dari dasar takungan adalah setinggi 79.14 meter LSD.

22.1.4 Penentuan Lokasi Projek

Lokasi projek pembinaan Empangan yang dicadangkan akan dibina adalah merentasi Sungai Chereh yang terletak di kawasan Hutan Simpan Reman Chereh dengan kolam takungan seluas 1,620 hektar. Kajian oleh syarikat perunding juga mendapati cadangan lokasi pembinaan Empangan adalah sesuai kerana faktor seperti berikut:

- a) Kawasan tersebut mempunyai taburan hujan maksimum lebih kurang 230 milimeter sebulan dengan purata tahunan sebanyak 2,892 milimeter.
- b) Ada 2 buah sungai utama yang menjadi sumber aliran air mentah ke kawasan empangan iaitu melalui Sungai Chereh dan Sungai Bakah.
- c) Kajian Kemungkinan yang telah dijalankan pada tahun 1997 telah membuktikan kesesuaian tapak lokasi untuk dijadikan kawasan empangan.
- d) Kawasan tersebut dikelilingi kawasan berbukit yang curam dengan puncak yang tertinggi adalah pada paras 625 meter.
- e) Kawasan tadahan tersebut tidak mempunyai sebarang penempatan kekal kecuali kawasan dusun tanaman orang asli.
- f) Luas kawasan persekitaran tadahan ialah 15,200 hektar.

22.1.5 Konsep Projek

Projek ini dibangunkan berasas kepada konsep pembukaan kawasan pembangunan baru untuk membina empangan dari jenis *earthfill* bagi takungan air di Sungai Chereh untuk dilepaskan bagi meningkatkan tahap aliran air di Sungai Kuantan. Ini adalah bertujuan supaya *intake point* di Kampung Kobat dan satu tempat lagi yang akan ditentukan di sepanjang Sungai Kuantan tidak menghadapi masalah terutamanya apabila berlaku musim kemarau. Empangan yang akan dibina mengandungi dinding kunci, pintu, injap elektrik dan peralatan mekanikal.

22.1.6 Komponen Projek Yang Dirancang

Komponen utama projek yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a) Empangan Utama

Empangan Utama adalah dari jenis tanah liat (*clay core*) dengan ketinggian 48 meter dan panjang berukuran 400 meter akan dibina dengan penambakan tanah liat sebanyak 2.1 juta meter padu. Bagi mengelakkan berlakunya resapan air dari permukaan empangan, maka kerja *curtain grouting* akan dilakukan. Di samping itu, satu sistem saluran akan disediakan bersama dengan alat pengukur geoteknikal untuk memantau prestasi dan keupayaan Empangan Utama.

b) Empangan Sokongan

Sebanyak 3 empangan sokongan akan dibina di projek pembinaan Empangan ini untuk tujuan menghalang air takungan mengalir keluar daripada kawasan takungan. Empangan sokongan pertama mempunyai ketinggian 16 meter dengan *crest length* sepanjang 50 meter. Empangan sokongan kedua lebih kecil berbanding yang pertama. Manakala empangan ketiga pula terdiri dari dua buah empangan iaitu Empangan C1 dan C2 dengan ketinggian maksimum 26 meter dan panjang 235 meter. Reka bentuk empangan sokongan ini juga adalah sama dengan Empangan Utama yang memerlukan tambakan tanah liat dianggarkan sebanyak 0.31 juta meter padu.

c) Pembetung Lencongan

Pembetung lencongan akan dibina untuk tujuan melencongan pengaliran sungai semasa kerja pembinaan sedang dijalankan. Pembetung ini mempunyai garis pusat berukuran 6 meter dan panjang 281 meter. Apabila projek ini siap, pembetung lencongan ini akan ditutup sebelum kerja takungan air dilaksanakan.

d) Alur Limpah

Alur limpah merupakan struktur limpahan air yang membenarkan air melimpah keluar dari Empangan sekiranya melebihi paras 74 meter di takungan. Struktur ini direka untuk keselamatan maksimum Empangan dan mempunyai kelebaran 50 meter.

e) Menara Kawalan Dan Jambatan Laluan

Sebuah menara kawalan akan dibina yang berukuran garis pusat 12 meter. Di menara kawalan, *roller gates* dan injap akan disediakan untuk melepaskan air ke pembetung lencongan. Kren untuk pengangkutan peralatan dan *passenger hoist* juga akan turut disediakan di menara kawalan dengan ketinggian 57 meter. Sebuah jambatan laluan akan dibina untuk menghubungkan menara kawalan dengan jalan masuk.

f) Bangunan Pentadbiran Dan Operasi

Sebanyak 6 unit bangunan pentadbiran seperti bangunan pengurusan, stesen jana kuasa elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB), pondok pengawal, bilik suis utama, bangunan operasi dan jeti akan dibina seperti yang dirancang.

Butiran lanjut mengenai komponen projek yang akan dibina adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Komponen Yang Dicadangkan Untuk Projek Pembinaan
Empangan Sungai Chereh

Bil.	Komponen	Unit
1.	Empangan Utama	1
2.	Empangan Sokongan	3
3.	Pembetung Lencongan	1
4.	Alur Limpah	1
5.	Menara Kawalan dan Jambatan Laluan	1
6.	Bangunan Pentadbiran Dan Operasi	6

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

22.1.7 Keperluan Kewangan

Pelan Induk Pembangunan Sumber Air Negeri Pahang (Tahun 2000 – 2050) telah menganggarkan bagi tempoh RMK8, sejumlah RM300 juta adalah diperlukan bagi Projek Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II. Jumlah tersebut akan diperolehi melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah itu, sejumlah RM124.65 juta adalah keperluan bagi melaksanakan Projek Empangan ini yang merangkumi pembinaan Empangan, pengurusan kontrak, penyiataan tapak dan ukur, yuran kejuruteraan, pengalihan *transmission line* Tenaga Nasional Berhad, pengambilan balik tanah dan kontigensi.

22.1.8 Kaedah Pelaksanaan Projek

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik sebuah syarikat perunding swasta sebagai perunding utama yang akan menguruskan projek pembinaan Empangan mewakili pihak Jabatan. Pelaksanaan projek ini menggunakan khidmat juru perunding untuk memantau dan menyelia kerja pembinaan Empangan oleh pihak kontraktor yang akan dilantik oleh pihak Jabatan. Proses perolehan dijalankan secara konvensional melalui 2 peringkat iaitu Tawaran Pra-Kelayakan dan Tawaran Terpilih. Selain itu, keperluan pelantikan syarikat perunding ini adalah bertujuan untuk membolehkan Jabatan mendapatkan maklumat dan analisis data yang terkini berkaitan dengan perancangan keperluan bekalan air untuk tempoh jangka panjang dan memberi cadangan serta penambahbaikan dari segi pengagihan bekalan air bersih yang lebih cekap. Pihak perunding juga dikehendaki untuk menjalankan kajian berkaitan dengan permintaan bekalan air bersih, menyelia dan mengawasi perjalanan kerja projek pembinaan Empangan dan mengawasi serta menyelia kerja pembaikan dan pemasangan sistem paip agihan.

22.1.9 Jadual Pelaksanaan

Projek ini akan mula dilaksanakan pada awal bulan Mac 2002 dan dijangka siap pada bulan Jun 2004. Tempoh ini mengambil kira proses pengambilan balik tanah, laporan reka bentuk Empangan, pengalihan *transmission line* TNB dan kajian impak alam sekitar. Butiran lanjut berkenaan jadual pelaksanaan kerja pembinaan Empangan adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17

Jadual Pelaksanaan Kerja Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh

Bil.	Keterangan Kerja	Tempoh Dijangka	
		Mula	Siap
1.	<i>General and Preliminaries</i>	1.3.02	17.6.04
2.	<i>Main Dam</i>	8.4.02	17.6.04
3.	<i>Saddle Dam</i>	6.5.02	23.8.03
4.	<i>Diversion Culvert and Stilling Pool</i>	15.4.02	26.8.03
5.	<i>Spillway and Stilling Basin</i>	3.2.03	15.6.04
6.	<i>Drawoff Tower and Access Bridge</i>	3.6.02	12.6.04
7.	<i>Ground Investigation and Grouting Works</i>	18.6.02	17.6.04
8.	<i>Geotechnical Instruments</i>	6.12.02	17.6.04
9.	<i>Buildings and Miscellaneous Works</i>	13.1.03	15.3.04
10.	<i>Mechanical Plant and Equipment</i>	14.9.02	11.6.04
11.	<i>Electrical Plant and Instrumentation</i>	13.1.03	17.6.04
12.	<i>Site Testing and Commissioning</i>	24.5.04	14.6.04

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

22.1.10 Jangkaan Projek Dan Keupayaan Empangan

Tujuan pembinaan Empangan adalah untuk menakung air bagi menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2050. Empangan ini akan dapat meningkatkan jumlah pengeluaran air daripada 300 juta liter sehari menjadi 1,934 juta liter sehari dan kapasiti pemprosesan air di loji rawatan air juga dapat dipertingkatkan. Berdasarkan laporan juru perunding yang dilantik untuk mengkaji keperluan air Negeri Pahang, Loji Rawatan Air di Semambu yang beroperasi pada kapasiti asal 215 juta liter sehari akan dapat mempertingkatkan kapasiti pengeluarannya sekali ganda menjadi 430 juta liter sehari menjelang tahun 2010. Frekuensi aliran air keluar daripada saluran yang ada pada Empangan Utama adalah pada kadar 1,223 meter padu sesaat. Manakala dari segi takungan air, jumlah takungan penuh Empangan ini boleh dicapai sehingga tempoh 2 kali musim hujan atau tempoh 2 tahun.

22.1.11 Penilaian Impak Alam Sekitar

Mengikut Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, penilaian kesan kepada alam sekitar merupakan kajian untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan memberi maklumat mengenai kesan kepada alam sekitar bagi sesuatu cadangan projek dan mengemukakan langkah mengatasi masalah yang perlu dibuat sebelum projek dapat diluluskan dan dilaksanakan. Penilaian ini adalah sebagai perancangan untuk mengelakkan masalah alam sekitar akibat projek yang dicadangkan selain dapat mengurangkan perbelanjaan pelaksanaan yang tinggi disebabkan oleh kerosakan kepada alam sekitar. Bermula dengan penilaian awal yang akan menilai kesan yang berkemungkinan timbul daripada aktiviti ditetapkan akan disemak dan diluluskan oleh ahli jawatankuasa teknik dari Jabatan Alam Sekitar dan Agensi teknikal berkaitan.

Penilaian terperinci terhadap kesan ketara terhadap alam sekitar juga akan dibuat dan laporannya dikemukakan untuk kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekitar sebelum keputusan muktamad dibuat oleh pihak bertanggungjawab meluluskan projek.

22.1.12 Struktur Organisasi Unit Penyelenggaraan Empangan

Struktur organisasi yang lengkap dan mencukupi adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek dapat berjalan lancar dan teratur. Jabatan akan menggunakan kedudukan perjawatan sedia ada yang terlibat pengurusan Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh kerana kebanyakan urusan berkaitan dikendalikan oleh juru perunding. Sementara itu, perkara berkaitan alam sekitar akan dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang.

22.1.13 Perancangan Luar Jangka

Bagi memastikan sesuatu projek berjalan lancar, satu perancangan luar jangka perlulah disediakan dengan mengambil kira perkara berikut:

- a) Mengetahui pasti sumber pembiayaan alternatif sekiranya pembiayaan Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi.
- b) Sekiranya syarikat kontraktor gagal melaksanakan projek dengan jayanya, Jabatan boleh mengambil tindakan yang sesuai.
- c) Jangkaan penyelesaian untuk mengatasi dan menangani masalah ataupun halangan yang akan dihadapi terutamanya yang boleh melewati dan menggagalkan projek pembinaan Empangan ini.

22.1.14 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan projek pembinaan Empangan ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang yang akan memantau secara terus pelaksanaan kerja di tapak projek. Laporan Kemajuan Bulanan akan disediakan oleh syarikat perunding dan akan dikemukakan kepada Pengarah Jabatan.

Pada pandangan Audit, perancangan oleh Jabatan adalah memuaskan kerana selain kajian awal yang telah dijalankan, faktor lain yang berkaitan seperti kewangan, kepakaran dan faktor kesan kepada alam sekitar turut diambil kira dengan sewajarnya.

22.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan merupakan peringkat terpenting bagi memastikan projek pembinaan Empangan Sungai Chereh dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya. Pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan projek pembinaan Empangan Sungai Chereh mendapati perkara seperti berikut:

22.2.1 Pemilihan Tapak

Pemilihan tapak yang sesuai amat penting bagi memastikan projek dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Semakan Audit mendapati lokasi projek pembinaan empangan di Sungai Chereh adalah ditentukan berdasarkan Laporan Kajian Terhadap Perancangan Dan Pembangunan Sumber Air Negeri Pahang yang dijalankan pada tahun 1992. Kajian tersebut telah mengenal pasti 2 buah lagi tapak projek yang berpotensi untuk pembinaan empangan iaitu di Sungai Kenau dan Sungai Kuantan. Bagaimanapun, kajian tersebut mendapati cadangan pembinaan empangan di Sungai Chereh adalah lebih sesuai kerana faktor seperti berikut:

- a) Jaraknya 40 kilometer dari bandar Kuantan dan 11 kilometer dari pekan Sungai Lembing.
- b) Keadaan topografi menunjukkan dasar lurah antara 80 hingga 250 meter di hilir sungai dan dasar sungai berada pada tahap 33 meter dari aras laut.
- c) Mempunyai jalan perhubungan ke tapak pembinaan sama ada melalui jalan balak yang ditinggalkan dari pekan Sungai Lembing yang akan dinaik taraf atau jalan balak sedia ada yang melalui kawasan tanah Rancangan FELDA Bukit Sagu.

Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri juga telah diperolehi pada bulan Julai 1999 untuk mewartakan kawasan yang terbabit sebagai kawasan tadahan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965.

Pada pendapat Audit, pemilihan tapak lokasi projek adalah sesuai bertepatan dengan tapak lokasi yang telah dicadangkan.

22.2.2 Pembiayaan Projek

Semakan Audit mendapati sejumlah RM300 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah pakej Pinjaman Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM124.65 juta adalah untuk membiayai 7 pakej utama Projek Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II seperti meningkatkan *intake* di Kampung Kobat dan pembesaran Loji Rawatan Air di Semambu. Sejumlah RM69.3 juta adalah diperuntukkan untuk Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh. Mengikut rekod Jabatan, bayaran kemajuan projek sehingga akhir tahun 2004 sejumlah RM46.54 juta telah dibelanjakan.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang diluluskan bagi Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh adalah selaras dengan permohonan yang dibuat.

22.2.3 Kaedah Pelaksanaan

a) Pelantikan Juru Perunding

Pada awal tahun 2000, Kerajaan Negeri telah melantik syarikat perunding swasta untuk menguruskan projek pembinaan Empangan mewakili pihak Jabatan. Pada

bulan Jun 2000, Laporan Kajian Pra-Kemungkinan telah dikeluarkan oleh pihak perunding kepada Kerajaan Negeri. Syarikat perunding juga telahpun selesai melaksanakan tanggungjawab bagi penyediaan kajian permintaan air, kajian pembangunan dan pembinaan projek serta kajian terhadap kerja sokongan dan agihan.

Sehingga akhir tahun 2004, syarikat perunding masih menyelia kerja pembinaan Empangan yang sedang berjalan. Mengikut rekod Jabatan, juru perunding mengadakan mesyuarat tapak dengan kontraktor utama pada setiap bulan. Perkara berbangkit yang diperhatikan oleh pihak perunding dibincangkan semasa mesyuarat tersebut seperti masalah lanjutan masa dan kemajuan kerja. Pihak perunding juga telah mengeluarkan Laporan Kemajuan Kerja pada setiap bulan untuk tujuan pengesahan dan perakuan bayaran kepada pihak Jabatan. Laporan Ketidapatuhan juga dikeluarkan oleh juru perunding dari semasa ke semasa kepada kontraktor utama mengikut masalah yang berbangkit seperti masalah pembalakan, kerja konkrit yang tidak mengikut spesifikasi dan kerja pengalihan *transmission line*.

Semakan Audit mendapati perkara 6 Terma Rujukan ada menyatakan bahawa pihak perunding hendaklah menyerahkan salinan sijil perakuan siap kerja kepada pihak Kerajaan Negeri yang mengesahkan bahawa Empangan tersebut selamat dan boleh digunakan. Di samping itu juga, perkara 7 Terma Rujukan menjelaskan tentang kuasa pihak Kerajaan untuk melantik pakar pemeriksa bebas bagi menjalankan pemeriksaan ke atas setiap kerja yang berkaitan dengan projek pembinaan Empangan ini. Mengikut maklum balas daripada Jabatan, pemeriksaan juga turut dijalankan pada setiap peringkat setelah sesuatu kerja pembinaan disiapkan.

b) Pemilihan Kontraktor

Jabatan Bekalan Air Pahang menguruskan pemilihan kontraktor secara 2 peringkat iaitu melalui tender pra-kelayakan dan seterusnya ke peringkat tawaran tender terpilih. Semakan Audit mendapati 17 kontraktor telah berjaya di peringkat pra-kelayakan telah dipelawa untuk menyertai tawaran tender terpilih. Kriteria penilaian pada peringkat tawaran tender terpilih adalah mengambil kira faktor kesempurnaan tender, pengiraan kos dan penilaian teknikal bagi menentukan peralatan elektrik dan mekanikal memenuhi keperluan spesifikasi.

Sebuah syarikat telah dipilih oleh Lembaga Tender Negeri Pahang dengan harga tawaran yang ketiga terendah iaitu bernilai RM69.3 juta kerana memenuhi justifikasi kontrak dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Pemilihan ini juga berdasarkan keupayaan kontraktor terbabit berjaya menyiapkan projek yang diberikan oleh Kerajaan sebelum ini.

Pada pendapat Audit, pelantikan juru perunding dan pemilihan kontraktor adalah mengikut prosedur dan kriteria yang ditetapkan.

22.2.4 Syarat Kontrak

a) Syarat Kontrak Yang Dipatuhi

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak bagi projek membina dan menyiapkan Empangan mendapati secara keseluruhannya, syarat kontrak yang termaktub ada mengambil kira kepentingan Kerajaan. Antaranya seperti berikut:

i) Pegawai Penguasa Mempunyai Akses Kepada Kerja

Hal ini telah diperuntukkan di bawah perkara 23 syarat kontrak yang menghendaki pada setiap masa yang munasabah Pegawai Penguasa Projek atau wakilnya mempunyai akses ke tempat kerja, tapak bina, bengkel atau tempat lain kepunyaan kontraktor semasa kerja sedang dilaksanakan.

ii) Ganti Rugi Kerana Kerja Tidak Siap

Di bawah perkara 40 syarat kontrak telah menetapkan bahawa pihak kontraktor hendaklah membayar ganti rugi pada kadar sejumlah RM17,235 sehari jika gagal menyiapkan kerja seperti yang dijadualkan.

iii) Ujian Sebelum Tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan

Spesifikasi kontrak di bawah perkara 5.12.6 syarat kontrak ada dinyatakan bahawa pihak kontraktor dikehendaki menjalankan ujian terhadap ketahanan Empangan apabila air di kolam takungan Empangan tersebut dipenuhi. Sekiranya berlaku sebarang masalah, pihak kontraktor hendaklah meneruskan ujian tersebut sehingga semua masalah dapat diselesaikan sebelum Sijil Perakuan Selamat Digunakan dikeluarkan oleh pihak perunding.

iv) Bon Pelaksanaan

Perkara 37 syarat kontrak menetapkan supaya kontraktor menandatangani kepada Kerajaan suatu Bon Pelaksanaan berupa wang tunai atau bentuk deposit Perbendaharaan, draf bank atau suatu jaminan bank atau jaminan polisi insurans yang diluluskan senilai dengan 5% daripada jumlah harga kontrak bagi pematuhan dan pelaksanaan projek ini. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan jaminan bank bernilai RM5 juta kepada Pihak Berkuasa Negeri.

v) Polisi Insurans Tanggungan Awam

Perkara 36 syarat kontrak menetapkan bahawa pihak kontraktor hendaklah mengambil insurans terhadap semua jenis aktiviti kerja yang dilaksanakan termasuk segala jenis bahan dan kelengkapan yang digunakan mengikut nilai sepenuhnya dari nilai kontrak. Semakan Audit terhadap Polisi Insurans Tanggungan Awam mendapati sejumlah RM69.3 juta diinsuranskan meliputi

semua jenis perkara yang telah dinyatakan mengikut syarat kontrak. Tempoh perlindungan adalah dari awal bulan Mac 2002 hingga pertengahan bulan Jun 2004 selain tempoh penyelenggaraan dari pertengahan bulan Jun 2004 hingga akhir bulan September 2005.

b) Syarat Yang Tidak Dipatuhi

Semakan Audit mendapati ada syarat yang melibatkan tanggungjawab pihak kontraktor tidak dipatuhi seperti berikut:

i) Jagaan Dan Perlindungan Bahan Binaan

Kontraktor hendaklah menyediakan dan menyelenggara segala yang perlu untuk memberi perlindungan sewajarnya ke atas bahan binaan dan kerja dari sebarang kerosakan oleh cuaca, kelalaian atau selainnya. Sebarang kerosakan yang berlaku hendaklah diperbaiki mengikut seperti mana yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Tinjauan Audit ke tapak projek pembinaan Empangan mendapati bahan besi untuk tujuan konkrit terbiar dan terdedah kepada hujan dan panas seperti di **Foto 1**.

Foto 1

Keadaan Besi Yang Dibiarkan Terdedah.



Sumber : Jabatan Audit Negara

Tarikh : 2 Disember 2004

Lokasi : Empangan Sungai Chereh, Kuantan, Pahang.

ii) Perlindungan Kepada Tanah Yang Ditarah

Mengikut spesifikasi kontrak, pihak kontraktor hendaklah melindungi dan memelihara kembali semua kerja pemotongan bukit bagi mengelakkan dari

berlakunya tanah runtuh atau hakisan. Penanaman rumput atau bahan pelindung tebing perlulah dilakukan bagi memastikan cerun tanah yang ditarah tidak terhakis dan menghalang aliran air yang seterusnya akan menjejaskan kualiti air. Tinjauan Audit ke tapak projek pembinaan Empangan mendapati cerun bukit yang ditarah telah dibiarkan terdedah tanpa sebarang perlindungan seperti di **Foto 2**.

Foto 2
Tebing Sungai Yang Runtuh Kerana Tiada Perlindungan



*Sumber : Jabatan Audit Negara
Tarikh : 2 Disember 2004
Lokasi : Empangan Sungai Chereh, Kuantan, Pahang.*

iii) Tempoh Liabiliti Kecacatan

Mengikut perkara 45 dokumen kontrak ada ditetapkan bahawa tempoh liabiliti kecacatan adalah selama 12 bulan dari tarikh projek siap. Bagaimanapun, mengikut perancangan tempoh yang diperlukan untuk air memenuhi kolam takungan adalah 24 bulan ataupun 2 kali musim hujan. Oleh yang demikian, jika tempoh tanggungan kontraktor hanya selama 12 bulan sahaja, maka sebarang masalah yang timbul selepas dari tempoh tersebut adalah tidak lagi menjadi tanggungjawab pihak kontraktor sedangkan takungan Empangan masih belum penuh pada waktu tersebut.

Pihak Jabatan memaklumkan bahawa proses pengujian Empangan akan sentiasa dijalankan oleh pihak perunding semasa proses memenuhi air di takungan Empangan. Oleh yang demikian, jika berlaku sebarang kekurangan atau kerosakan semasa proses tersebut dijalankan, maka pihak kontraktor

adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembaikan dan kos yang perlu dilakukan.

Di samping itu juga, pihak Jabatan memaklumkan bahawa adalah menjadi etika jurutera profesional untuk bertanggungjawab jika berlaku sebarang masalah ke atas projek yang telah dijalankan. Oleh yang demikian, juru perunding masih lagi bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan Empangan walaupun selepas tamat tempoh liabiliti kecacatan. Namun begitu, perkara tersebut tidak dapat dipastikan kerana syarat kontrak tidak dinyatakan secara jelas jaminan yang meliputi keselamatan, ketahanan dan jangka hayat Empangan.

c) Peruntukan Khas Syarat Kontrak Berkaitan Tempoh Liabiliti Kecacatan

Semakan Audit terhadap peruntukan khas berkaitan tempoh liabiliti kecacatan yang terkandung di Lampiran E1 kepada perjanjian mendapati ia tersalah rujuk dengan perkara yang dimaksudkan. Lampiran E1 menjelaskan tentang keperluan untuk menjalankan ujian terhadap Empangan selama tempoh dua tahun tetapi jenis ujian yang dijalankan dirujuk kepada klausa 5.12.7 yang terkandung di spesifikasi kontrak. Klausa 5.12.7 sebenarnya tidak menjelaskan tentang ujian yang dimaksudkan tetapi menerangkan tentang *Sufficiency of Tender*. Rujukan yang sepatut digunakan adalah klausa 5.12.6.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah memastikan juru perunding menyelia pelaksanaan projek supaya syarat kontrak dipatuhi.

22.2.5 Prestasi Pelaksanaan

a) Prestasi Fizikal

Semakan Audit terhadap prestasi fizikal projek pembinaan Empangan berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan yang berakhir pada bulan Disember 2004 yang dikeluarkan oleh juru perunding mendapati secara keseluruhannya kemajuan kerja adalah pada tahap 69% iaitu tertangguh 20% berbanding sepatutnya 89%. Butiran lanjut mengenai kemajuan kerja secara fizikal pada akhir tahun 2004 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Kemajuan Kerja Komponen Projek Pada 31 Disember 2004

Bil.	Komponen	Kemajuan Kerja		
		Siap (%)	Jadual (%)	Tertangguh (%)
1.	Empangan Utama	85	92	7
2.	Empangan Sokongan			
	a) Empangan Sokongan Pertama	98	100	2
	b) Empangan Sokongan Kedua	0	100	100
	c) Empangan Sokongan Ketiga	99	100	1
3.	Pembetung Lencongan	98	100	2
4.	Alur Limpah	48	97	49
5.	Menara Kawalan dan Jambatan Laluan	52	100	48
6.	Bangunan Pentadbiran Dan Operasi	47	100	53

Sumber: Rekod Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Tempoh pelaksanaan juga telah melampaui tempoh asal iaitu dari bulan Jun 2004 kepada bulan Mac 2005 setelah lanjutan masa kali pertama diberikan. Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan Empangan pada bulan Disember 2004 mendapati projek tersebut yang berbaki 39% dijangka tidak akan berjaya disiapkan sebelum atau pada bulan Mac 2005.

b) Prestasi Kewangan

Sehingga akhir tahun 2004, bayaran kemajuan yang sepatutnya adalah sebanyak 71%. Bagaimanapun, mengikut rekod Jabatan, jumlah bayaran sehingga tempoh tersebut adalah berjumlah RM46.54 juta atau 67%. Selain itu, kontraktor terbabit juga telah membayar balik pendahuluan sejumlah RM4.93 juta daripada jumlah RM5 juta melalui bayaran kemajuan kerja mulai bulan Oktober 2003 hingga Disember 2004.

c) Prestasi Pelaksanaan Projek Sokongan Lain

Selain projek pembinaan Empangan, Projek Bekalan Air *Greater* Kuantan Fasa II juga mempunyai projek lain yang mempunyai kaitan dengan kepentingan projek pembinaan Empangan ini seperti kerja *intake* dan naik taraf pam air mentah di Kampung Kobat, pembesaran Loji Rawatan Air di Semambu dan pengubahsuaian sistem paip agihan. Mengikut laporan Jabatan, pelaksanaan kerja projek sokongan lain yang berkaitan telah pun siap sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, prestasi projek adalah kurang memuaskan terutama melibatkan pelaksanaan projek secara fizikal.

22.2.6 Penyiapan Projek

Semakan Audit mendapati projek pembinaan Empangan ini lewat disiapkan dari tarikh yang dijadualkan pada bulan Jun 2004. Pemeriksaan Audit mendapati kelewatan berlaku di dua peringkat utama yang mempengaruhi kemajuan projek iaitu:

a) Kelewatan Memulakan Projek

Semakan Audit mendapati tiga masalah utama yang menyebabkan berlaku kelewatan di peringkat permulaan projek iaitu:

i) Tuntutan Pampasan Tanaman

Walaupun tapak projek pembinaan Empangan tidak melibatkan pengambilan balik tanah persendirian, namun semakan Audit mendapati di peringkat awal pelaksanaan projek, penduduk Orang Asli telah menuntut pampasan terhadap dusun buah-buahan mereka yang ditanam di kawasan projek. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri pada bulan Mac 1999, memutuskan pihak pelesen yang mengeluarkan balak di kawasan terbabit dikehendaki membayar tuntutan pampasan berkenaan dan masalah ini telah dapat diselesaikan pada tahun 2000.

ii) Pengalihan Talian Hantaran Voltan Tinggi

Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang menyedari bahawa talian hantaran voltan tinggi Tenaga Nasional Berhad sepanjang 8 km yang merentasi projek perlu dialihkan laluan talian keluar dari kawasan Empangan, namun kerja pengalihan tersebut lewat dilaksanakan. Semakan Audit mendapati keadaan ini berlaku kerana pengalihan talian tersebut melibatkan kos berjumlah RM6.46 juta. Isu ini telah berlanjutan sehingga bulan April tahun 2000 dan keputusan telah dicapai supaya kos pengalihan talian ditanggung bersama antara Tenaga Nasional Berhad dan Kerajaan Negeri secara sama rata. Bagaimanapun, pihak Tenaga Nasional Berhad telah mengambil masa setahun untuk melaksanakan kerja pengalihan talian tersebut.

iii) Pembalakan

Kerja di peringkat awal kontraktor terbabit terganggu disebabkan aktiviti pembalakan di sekitar kawasan tadahan projek Empangan lewat diselesaikan.

b) Kelewatan Semasa Pelaksanaan Projek

Kelewatan semasa pelaksanaan projek adalah disebabkan masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Sehubungan itu, kontraktor telah memohon lanjutan masa berasaskan perkara seperti berikut:

- i) Kekurangan bekalan besi tetulang di pasaran bagi tempoh antara bulan Mac hingga September 2002.

- ii) Kekurangan tenaga kerja untuk sektor pembinaan selama 4 bulan dari bulan Ogos hingga November 2002.
- iii) Kerja pembinaan tidak dapat dilaksanakan seperti dirancang kerana jalan masuk ke tapak projek belum disediakan.
- iv) Bekalan elektrik ke tapak projek belum disediakan.

Pada pendapat Audit, tindakan segera dan sewajarnya perlu diambil untuk menangani masalah sebelum dan semasa pelaksanaan projek.

22.2.7 Laporan Alam Sekitar

Selaras dengan kehendak Peraturan Kualiti Alam Sekitar 1987, kajian awal penilaian impak alam sekitar untuk projek berkenaan telah disediakan pada bulan Jun 1998. Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Cawangan Negeri Pahang pada bulan Oktober 1998. Laporan tersebut menggariskan kesan alam sekitar akibat projek pembinaan Empangan kepada 3 kategori iaitu:

a) Kesan Sekitaran Di Hilir Empangan

Kesan utama yang dijangka antaranya adalah pertukaran kualiti air sungai, kesan terhadap hidupan sungai dan ekosistem, ekologi sungai dan muara melibatkan perubahan aliran air serta *salt-water intrusion*. Tahap kualiti air lazimnya menurun semasa pembinaan kerana keladak dan pepejal terampai akan terlarut larian air akibat daripada kerja pemotongan tanah menjadikan tahap *turbiditi* lebih tinggi dan warna air menjadi keruh. Kesan sebegini dianggap kesan jangka pendek yang boleh dikawal dengan amalan pembinaan yang baik. Manakala kesan jangka panjang disebabkan oleh perubahan penggunaan tanah di hulu Empangan seperti aktiviti pembalakan, pertanian dan perlombongan boleh membawa kepada kesan pencemaran jangka panjang yang menjejaskan sumber bekalan air. Hidupan sungai seperti ikan, udang serta rumpai air juga boleh terjejas akibat daripada perubahan hidrologi dan kualiti air. Masalah pencemaran air laut ke hulu sungai atau *salt-water intrusion* boleh berlaku sekiranya lokasi Empangan berdekatan muara.

b) Kesan Sekitaran Kawasan Tadahan Air

Kesan utama sekitar kawasan tadahan air adalah termasuk impak ke atas fauna daratan serta kehidupan burung, flora, kualiti air Empangan dan kesan cuaca mikro jangka pendek. Masalah mendapan di dasar Empangan akibat aktiviti pertanian, perlombongan dan pembalakan di hulu sungai boleh mengurangkan jangka hayat Empangan yang direka bentuk. Kawalan dan perancangan yang rapi perlu wujud untuk memastikan kawasan tadahan air bebas daripada aktiviti berkenaan yang juga memberi kesan kepada habitat hutan seperti pancaran matahari ke dasar hutan. Keadaan begini menjejaskan habitat sedia ada serta menggalakkan tumbuhan flora tidak normal, justeru mengakibatkan eko sistem tidak kondusif.

Walaupun begitu, sekiranya ada sumber semula jadi di kawasan yang akan ditenggelami air yang boleh mendatangkan hasil seperti kayu balak, mineral seperti bijih timah atau emas, sumber tersebut digalakkan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum kerja penakungan Empangan bermula.

c) Kesan Sosio-Budaya Dan Sosio-Ekonomi

Kesan terhadap tapak arkeologi, antropologi, pekerjaan dan pelancongan juga diambil kira penilaian impak alam sekitar. Sekiranya, ada tapak arkeologi yang mengandungi artifak serta peninggalan manusia, maka hendaklah dimaklumkan kepada pihak berkenaan. Program pampasan dan penempatan semula lazimnya dilaksanakan dan hak Orang Asli untuk mengambil hasil hutan kawasan tadahan air juga tidak terjejas.

Sumber pekerjaan khususnya kepada penduduk tempatan secara jangka pendek semasa projek dibina dan perniagaan kecil seperti pelancongan setelah projek siap akan diperolehi daripada pembangunan projek Empangan ini. Begitu juga, kemudahan sistem jalan raya ke kawasan Empangan yang dibina biasanya menggalakkan lagi industri pelancongan dan perniagaan kecilan seperti kraf tangan dan sebagainya.

Walaupun begitu, projek pembinaan Empangan juga boleh membawa kepada penyakit berbahaya yang lazimnya dibawa oleh air seperti *schistosomiasis* dan malaria akibat daripada siput air dan nyamuk. Penyakit ini memang ketara di kawasan tropika dan boleh dikawal dengan reka bentuk Empangan yang baik serta program kesihatan di tapak pembinaan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek kurang memuaskan kerana masalah kelewatan berbanding dengan jadual asal yang ditetapkan. Dari segi Terma Rujukan juru perunding pula yang melibatkan jaminan keselamatan dan keutuhan Empangan selepas projek diserahkan patut diteliti semula kerana tidak diperjelaskan. Walaupun begitu, laporan penilaian kualiti alam sekitar yang disediakan telah mengambil kira faktor asas yang penting berkaitan penilaian impak alam sekitar.

22.3 PEMANTAUAN

Konsep pembangunan projek pembinaan Empangan ini adalah berteraskan kepada matlamat memenuhi unjuran permintaan bekalan air bagi Bandar Kuantan sehingga tahun 2050. Oleh itu, satu pelan pemantauan yang terperinci perlu disediakan bagi memastikan matlamat projek dapat dicapai. Dengan itu, satu jawatankuasa pemantauan telah diwujudkan untuk memantau kemajuan projek dengan Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang bertindak sebagai Pengerusi kepada jawatankuasa tersebut. Manakala syarikat perunding pula bertindak sebagai wakil Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang untuk

menyelia dan memantau secara terus pelaksanaan di tapak projek. Ada 3 peringkat pemantauan yang dijalankan iaitu:

22.3.1 Pengawasan Harian

Pengawasan harian dilakukan oleh juru perunding dengan memeriksa semua komponen empangan termasuk tebing Empangan, tebing *saddle dam* dan *spillway*. Juru perunding memantau semua kerja pembinaan untuk memastikan spesifikasi projek dipatuhi. Senarai semak pengawasan harian disediakan dengan mengambil kira kekukuhan empangan utama, keadaan cerun, kekukuhan dinding pengadang, kekukuhan jajaran tiang lampu, kehadiran tanda rekahan atau hakisan berlebihan dan pemerhatian kepada komponen *outlet* dan *spillway*. Perhatian juga diberi kepada bahagian yang dijangka bermasalah dan penyiasatan lebih teliti dilakukan jika ada tanda luar biasa. Juru perunding mengeluarkan laporan kemajuan kerja pada setiap bulan untuk dikemukakan kepada pihak Jabatan. Di samping itu juga mesyuarat tapak diadakan setiap bulan bagi membincangkan kemajuan kerja yang telah dicapai oleh pihak kontraktor. Semasa mesyuarat tapak, juru perunding membangkitkan masalah tentang perkara yang perlu diperbaiki oleh pihak kontraktor melalui laporan ketidakpatuhan yang dikeluarkan pada setiap kali kerja penyeliaan dilakukan.

Juru perunding juga sentiasa memantau laporan alam sekitar melalui Laporan Audit Kualiti Alam Sekitar yang telah dikeluarkan oleh pihak Audit Alam Sekitar yang dilantik oleh pihak kontraktor. Segala permasalahan akan dibangkitkan kepada Jabatan semasa pertemuan yang ditetapkan antara pihak Jabatan dengan kontraktor.

22.3.2 Pemeriksaan Berkala

Pemeriksaan berkala juga akan dilakukan terhadap komponen utama Empangan pada setiap bulan semasa proses menakung Empangan dan selepas penuh. Pada masa ini pemeriksaan ini belum lagi dijalankan oleh juru perunding yang dilantik kerana proses menakung Empangan belum bermula. Pemeriksaan berkala ini adalah penting bagi memastikan ketahanan dan kekuatan Empangan sebelum juru perunding mengeluarkan sijil perakuan kepada pihak Jabatan yang mengesahkan bahawa Empangan selamat digunakan.

22.3.3 Mesyuarat Tapak Dan Pemantauan

Setiap aktiviti pemantauan yang dijalankan akan direkod dan dilaporkan serta disimpan di pejabat Agensi pelaksana dan juru perunding. Setiap laporan dibentangkan semasa mesyuarat tapak dan juga mesyuarat pemantauan yang turut dihadiri oleh ahli jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Jabatan Alam Sekitar, kontraktor utama, konsultan alam sekitar yang dilantik oleh kontraktor utama dan syarikat perunding. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan belum menetapkan bentuk dan kaedah pemantauan selepas projek siap iaitu sebaik sahaja Empangan tersebut diserahkan oleh pihak kontraktor.

Pihak Audit berpendapat proses pemantauan pada peringkat pelaksanaan projek adalah memuaskan termasuk pemantauan terhadap kesan alam sekitar. Bagaimanapun, bentuk dan kaedah pemantauan secara khusus selepas projek diserahkan sepenuhnya patut juga diteliti keperluannya oleh pihak Jabatan.

23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pelaksanaan Projek Pembinaan Empangan Sungai Chereh adalah berjalan seperti yang dirancangkan walaupun berlaku sedikit kelewatan dari segi penyiapan projek. Dari segi pencapaian matlamat projek pula, kajian menunjukkan Empangan tersebut berupaya memenuhi penggunaan air bagi Bandar Kuantan sehingga tahun 2050. Pada masa yang sama kejayaan sebenar Empangan Sungai Chereh mencapai matlamat yang dirancangkan adalah banyak bergantung kepada faktor lain yang berkaitan seperti keupayaan *intake* di Kampung Kobat dan Loji Rawatan Air di Semambu, sistem agihan yang cekap dan ketahanan dan keupayaan Empangan tempoh jangka panjang.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PAHANG

PENGURUSAN PROGRAM PENGAWALAN HAKISAN TEBING SUNGAI

24. LATAR BELAKANG

24.1 Negeri Pahang mempunyai 2,059 batang sungai dengan jarak sepanjang 11,960 kilometer. Pembangunan pesat yang dialami oleh Negeri pada masa ini telah membawa perubahan besar kepada sungai dan kawasan tadahannya. Pembangunan yang tidak dikawal telah menyebabkan berlakunya pemendapan dasar sungai dan hakisan tebing yang tidak terkawal. Hakisan sungai terus berlaku apabila projek pembangunan yang berhampiran dengan sungai tidak mengambil kira pengurusan sungai dan rizabnya bagi meminimumkan hakisan dan pemendapan dasar sungai.

24.2 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang (Jabatan) bertanggungjawab memastikan pengurusan sungai yang baik, memelihara air sungai dan kualitinya, mengurangkan risiko banjir dan memberi maklum balas segera kepada apa jua aduan serta kerja pembaikan yang berkaitan dengan sungai. Sehubungan itu, Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai (Program) merupakan satu daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi melindungi dan memulihkan hakisan tebing sungai. Secara umumnya sungai di Negeri Pahang terdedah kepada ancaman hakisan dengan berbagai tahap daripada keadaan kurang kritikal kepada keadaan kritikal. Mengikut rekod inventori hakisan tebing sungai yang terakhir dikeluarkan pada tahun 1998, sepanjang 64 kilometer sungai telah disenaraikan sebagai kawasan mengalami hakisan.

24.3 Jabatan telah menetapkan 2 objektif utama bagi melaksanakan Program ini iaitu melindungi penduduk dan harta benda awam daripada bencana hakisan tebing dan juga memelihara sungai supaya sentiasa berkeadaan sempurna. Sementara itu, Jabatan melalui Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai menetapkan 2 strategi bagi mencapai matlamat Program iaitu Strategi Jangka Pendek dan Strategi Jangka Panjang. Strategi Jangka Pendek melibatkan pembinaan infrastruktur di kawasan yang mengalami hakisan kritikal. Manakala Strategi Jangka Panjang lebih bercorak pengurusan dan menitikberatkan kepada tatacara perancangan dan pembangunan projek di kawasan rizab sungai.

24.4 Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), Jabatan telah diperuntukkan sejumlah RM9.10 juta bagi melaksanakan Program ini. Peruntukan ini diagih kepada semua daerah di Negeri Pahang mengikut had yang telah ditetapkan. Dari tahun 2001 hingga 2004, sejumlah RM5.88 juta peruntukan telah diterima dan diagih kepada daerah termasuk Ibu Pejabat. Sehingga bulan Ogos 2004, sejumlah RM5.15 juta atau 88% telah dibelanjakan.

25. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pengawasan Hakisan Tebing Sungai telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pengawasan Hakisan Tebing Sungai oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran dari tahun 2001 hingga 2004. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan rekod di peringkat Ibu Pejabat serta 3 pejabat di peringkat daerah melibatkan Rompin, Bentong dan Raub. Sesi temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan dilakukan untuk mendapat penerangan dan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan ke 26 tapak projek di 3 daerah berkenaan bersama pegawai Jabatan telah dilakukan bagi melihat pelaksanaan fizikal projek.

27. PENEMUAN AUDIT

27.1 PERANCANGAN

Pengurusan terhadap Projek Pengawasan Hakisan Tebing Sungai memerlukan perancangan yang rapi dan lengkap. Perancangan yang rapi dan tersusun akan memastikan Program dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan. Aspek perancangan Jabatan adalah meliputi perkara berikut:

27.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Pembangunan dan aktiviti berhampiran dengan sungai sama ada secara sah atau sebaliknya yang tidak terkawal boleh menyebabkan tebing sungai menjadi tidak stabil. Sehubungan itu, Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan sungai terpelihara daripada hakisan. Selain itu, jaluran tanah yang bersebelahan dengan sungai perlu diwartakan sebagai rizab sungai. Peruntukan perundangan berkaitan dengan rizab tanah milik Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia terkandung di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (Akta 56 Tahun 1965). Seksyen tersebut menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengisytiharkan sebarang tanah milik Kerajaan Negeri sebagai tanah rizab untuk sesuatu tujuan awam melalui pewartaan. Bagi melaksana pewartaan ini, Jabatan telah menetapkan kelebaran minimum rizab sungai adalah mengikut lebar saluran air. Berdasar kepada Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai, kelebaran minimum adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Kelebaran Minimum Rizab Sungai

Lebar Saluran Air (meter)	Lebar Minimum Rizab Kiri Dan Kanan (meter)
Lebih 40	50
20 – 40	40
10 – 20	20
5 – 10	10
Kurang 5	5

Sumber: Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai

27.1.2 Prosedur Pelaksanaan

Pemilihan dan penetapan sungai yang akan terlibat dengan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai adalah berasas kepada data tebing sungai yang mengalami hakisan. Sehubungan itu, Jabatan mewujudkan mekanisme pengumpulan data tebing sungai yang terhakis melibatkan peringkat daerah dan Ibu Pejabat. Maklumat sungai yang mengalami hakisan dikategorikan mengikut kritikal dan kurang kritikal. Maklumat yang dikumpulkan itu turut mengambil kira impak kepada orang awam seperti rumah, bangunan sekolah, jambatan dan sebagainya. Di peringkat daerah, maklumat akan diperolehi sama ada daripada pemantauan Jabatan sendiri, aduan awam atau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung. Seterusnya, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah (JPS Daerah) akan mengemukakan maklumat berkaitan ke Ibu Pejabat setiap tahun. Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai akan mengambil tindakan dengan membuat lawatan dan mengkaji tahap kerosakan setiap kes sebelum inventori hakisan di seluruh Negeri Pahang disediakan.

Selain itu, Jabatan juga perlu mempunyai garis panduan yang seragam untuk dijadikan rujukan dan asas merancang pembangunan selaras dengan fungsinya sebagai Jabatan Teknikal. Garis panduan tersebut perlu mengambil kira konsep pembangunan berhampiran sungai, keperluan rizab sungai, kaedah pelaksanaan projek pembangunan, syarat pengeluaran pasir sungai dan sebagainya.

27.1.3 Sasaran Program

Berdasar kepada Rancangan Tahunan dan Dwi-Tahunan dari tahun 2001 hingga 2004, sebanyak 78 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Projek ini adalah untuk menstabil dan membenteng tebing sungai yang terhakis. Butiran projek yang dirancang untuk dilaksanakan mengikut daerah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Bilangan Projek Yang Dirancang Dari
Tahun 2001 Hingga 2004

Bil.	Daerah	2001	2002	2003/2004 (Dwi-Tahunan)	Jumlah Projek
		Bil. Projek	Bil. Projek	Bil. Projek	
1.	Raub	3	2	9	14
2.	Lipis	4	7	5	16
3.	Maran	2	1	2	5
4.	Rompin	2	2	4	8
5.	Kuantan	1	2	1	4
6.	Pekan	2	1	3	6
7.	Bera	1	-	2	3
8.	Jerantut	2	1	4	7
9.	Bentong	2	2	2	6
10.	Cameron Highlands	1	2	1	4
11.	Temerloh	1	2	2	5
	Jumlah	21	22	35	78

Sumber: Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Jabatan Tahun 2001 - 2004

27.1.4 Komponen Program

Jabatan mewujudkan 2 komponen Program bagi memastikan tebing sungai terpelihara daripada hakisan. Komponen Program yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

a) Program Jangka Panjang

Program pengawalan hakisan tebing sungai jangka panjang lebih bersifat pengurusan yang menitik berat kepada tatacara perancangan dan pembangunan projek berhampiran tebing sungai. Sehubungan itu, peranan Jabatan adalah sebagai penasihat teknikal kepada Kerajaan Negeri sebelum sesuatu permohonan pembangunan diluluskan. Ulasan teknikal berkait rapat dengan kepentingan Jabatan dan juga pematuhan kepada garis panduan yang berkaitan dengan permohonan tersebut. Jabatan telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu diambil perhatian semasa memberi ulasan teknikal antaranya:

- i) Keperluan rizab sungai ditetapkan sebagai ruang untuk tujuan dataran banjir, hakisan, penyelenggaraan dan pembangunan sungai.
- ii) Sungai perlu diberi tumpuan utama sebelum melaksanakan perancangan pembangunan lain.
- iii) Bangunan dan infrastruktur yang kekal tidak dibenarkan sama sekali berada dalam sungai dan rizabnya.
- iv) Kawasan lapang yang sedia ada di sekitar sungai hendaklah dikekalkan.

b) Program Jangka Pendek

Program pengawalan hakisan tebing sungai jangka pendek melibatkan kerja pembinaan infrastruktur bagi mengurangkan kerugian harta benda awam. Sehubungan itu, Jabatan telah mengenal pasti 2 kaedah yang akan diguna bagi mengatasi masalah hakisan ini mengikut kesesuaian. Kaedah pertama merupakan pengawalan hakisan secara langsung dengan membina lapisan secara terus di atas permukaan tebing yang terhakis bagi mengelak hakisan daripada terus berlaku. Antara contoh pembinaan adalah seperti membina dinding batu, blok konkrit bercantum, *gabion*, pembinaan perisai batu (*armour rocks*) dan sebagainya. Kaedah kedua pengawalan hakisan adalah pengawalan hakisan tebing secara tidak langsung. Kaedah ini dilaksanakan dengan membina struktur yang sesuai dan dapat mengelak hakisan tebing sungai di kawasan berhampiran. Antara contoh kaedah ini adalah seperti pembinaan *groin*, struktur kawalan dasar, peluncur batu dan sebagainya.

Penggunaan kaedah pengawalan hakisan jangka pendek ini dinyatakan di Bab 43 Manual Saliran Mesra Alam Malaysia yang menjelaskan kriteria pelaksanaan mengikut teknik tertentu dengan mengambil kira kos, cara pelaksanaan, kebaikan dan keburukan kaedah tersebut. Sementara itu, kerja yang akan dilaksanakan adalah berdasar kepada projek yang telah dirancang mengikut Rancangan Kerja Tahunan dan Dwi-Tahunan.

27.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan kerja pengawalan hakisan tebing sungai khususnya yang berkaitan dengan program jangka pendek adalah melibatkan pihak kontraktor. Jabatan menetapkan bahawa pemilihan kontraktor akan dibuat sama ada secara tender, sebut harga ataupun rundingan terus bergantung kepada nilai kerja yang ditawarkan. Sehubungan itu, pemilihan kontraktor adalah mengambil kira kriteria seperti taraf Bumiputera, kedudukan kewangan, pengalaman dan tidak ada kerja semasa dilaksanakan.

27.1.6 Keperluan Kewangan

Berdasar kepada projek yang dirancang untuk tempoh RMK8, Jabatan akan memohon peruntukan berjumlah RM17.49 juta daripada Kerajaan Negeri. Jumlah peruntukan yang dipohon adalah melibatkan kerja menstabil dan membenteng tebing sungai yang mengalami ancaman hakisan pada tahap kritikal dan kurang kritikal. Peruntukan yang dipohon ini meliputi 11 buah daerah sepanjang tempoh tersebut. Butiran peruntukan yang dipohon mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Peruntukan RMK8 Yang Dipohon

Bil.	Daerah	Peruntukan Dipohon (RM)
1.	Kuantan	3,500,000
2.	Pekan	3,500,000
3.	Maran	2,900,000
4.	Cameron Highlands	1,430,000
5.	Lipis	1,400,000
6.	Raub	1,255,000
7.	Rompin	1,100,000
8.	Bera	1,000,000
9.	Jerantut	1,000,000
10.	Bentong	308,000
11.	Temerloh	100,000
	Jumlah	17,493,000

Sumber: Kertas Cadangan Senarai Projek RMK8 dan Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

27.1.7 Keperluan Tenaga Kerja

Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai akan bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, memohon peruntukan serta memantau Program bagi seluruh Negeri Pahang. Jabatan telah memperuntukkan sebanyak 9 jawatan di Bahagian ini yang akan diketuai oleh Penolong Pengarah Kejuruteraan Sungai Dan Pantai Gred J48 serta dibantu oleh seorang Jurutera, seorang Pembantu Teknik Kanan, tiga orang Juruteknik, seorang Pelukis Pelan, seorang Pemandu dan seorang Pekerja Rendah Awam. Sementara itu, pengurusan Program ini akan turut dibantu oleh pegawai di peringkat daerah. Mereka juga akan terlibat untuk merancang, melaksana dan memantau Program di setiap daerah yang terlibat. Setiap JPS Daerah akan diketuai Jurutera Gred J41 kecuali JPS Raub dan JPS Temerloh yang diketuai Jurutera Kanan Gred J48.

27.1.8 Kaedah Pemantauan

Jabatan telah menetapkan beberapa mekanisme pemantauan terhadap projek pengawalan hakisan tebing sungai. Antara mekanisme pemantauan yang perlu adalah seperti berikut:

- a) Pegawai Teknikal di peringkat daerah akan mengawal selia setiap pelaksanaan projek kerana mereka berkemampuan memantau dan dapat melakukan lawatan serta pemeriksaan dengan lebih kerap.

- b) Laporan Bulanan mengenai kemajuan fizikal dan kewangan projek yang dilaksana perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk mengenal pasti tahap kemajuan projek.
- c) Maklumat inventori mengenai hakisan tebing sungai perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat setiap tahun untuk dianalisis tahap kritikal hakisan tebing sungai.
- d) Mesyuarat pengurusan dan teknikal bagi membincang prestasi projek perlu diadakan dari semasa ke semasa supaya tindakan susulan terhadap sebarang kelemahan dapat diambil.
- e) Pegawai dari Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai akan membuat lawatan fizikal ke lokasi bagi menentu tahap hakisan dan masalah.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah merancang Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai dengan memuaskan. Garis panduan dan prosedur pelaksanaan serta mekanisme pemantauan telah disediakan dengan terperinci bagi memastikan Jabatan dapat melaksanakan peranannya dengan berkesan. Bagaimanapun, butiran projek yang dirancang setiap daerah perlu dinyatakan secara khusus bagi memudahkan penilaian pelaksanaannya.

27.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai adalah berasas kepada perancangan yang telah dibuat bagi tempoh RMK8, Rancangan Tahunan dan Rancangan Dwi-Tahunan. Projek yang dilaksanakan pula terikat kepada siling peruntukan yang diluluskan bagi setiap daerah. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Program ini dari tahun 2001 hingga bulan Ogos 2004 mendapati perkara berikut:

27.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Jabatan telah diberi tanggungjawab untuk mengawal hakisan tebing sungai. Ini sejajar dengan misi Jabatan untuk memberikan perkhidmatan cemerlang berkaitan pembangunan dan pengurusan pengairan, saliran, sungai dan sebagainya. Sementara itu, Jabatan telah punewartakan sungai di Negeri Pahang melalui Warta Kerajaan No. 950 pada bulan Ogos 1996. Pewartaan tersebut melibatkan 2,059 batang sungai meliputi 11,960 kilometer. Butiran lengkap pewartaan tersebut seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Bilangan Dan Panjang Sungai
Yang Telah Diwartakan

Bil.	Daerah	Bilangan Sungai	Panjang (km)
1.	Lipis	555	2,601
2.	Raub	305	1,284
3.	Bentong	254	1,361
4.	Rompin	226	1,580
5.	Temerloh	148	727
6.	Pekan	123	641
7.	Cameron Highlands	121	503
8.	Bera	108	859
9.	Kuantan	74	535
10.	Maran	81	577
11.	Jerantut	64	1,292
	Jumlah	2,059	11,960

Sumber: Warta Kerajaan Negeri Pahang

Semakan lanjut mendapati Jabatan telah mematuhi syarat kelebaran minimum tebing sungai untuk dirizabkan sebagaimana mengikut garis panduan berkaitan iaitu antara 5 hingga 50 meter bergantung kepada lebar saluran air. Sementara itu, berdasar kepada maklumat yang diperolehi daripada JPS Bentong, Raub dan Rompin tidak ada kes pencerobohan kawasan rizab sungai dilaporkan sehingga akhir tahun 2004 selepas pewartaan rizab sungai dibuat.

Pada pendapat Audit, tindakan jangka panjang perlu diambil bagi mengatasi masalah pembangunan kawasan rizab sungai sebelum pewartaan. Pemantauan dari semasa ke semasa juga perlu dilakukan bagi mengelak pencerobohan kawasan rizab tersebut.

27.2.2 Prosedur Dan Garis Panduan

Maklumat mengenai hakisan tebing sungai diperolehi sama ada melalui pemantauan JPS Daerah, aduan awam atau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung. Semakan Audit mendapati kebanyakan maklumat yang diterima adalah melalui aduan awam dan juga minit Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung yang dihantar ke setiap JPS Daerah. Siasatan terhadap setiap aduan dan maklumat yang diterima dilakukan oleh JPS Daerah bagi mengenal pasti lokasi dan tahap masalah yang berkaitan. Maklumat tersebut seterusnya dikemukakan ke Ibu Pejabat melalui laporan yang dihantar setiap bulan. Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai ada membuat lawatan susulan bagi

menentukan status masalah berkaitan, namun tidak dibuat secara menyeluruh dan maklumat lawatan tersebut tidak direkodkan.

Inventori mengenai hakisan tebing sungai penting diselenggarakan bagi merekod semua maklumat berkaitan seperti nama sungai, lokasi, panjang hakisan, pihak terlibat dengan hakisan, tindakan yang telah dan akan diambil. Maklumat berkenaan perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perkembangan. Inventori ini juga dapat membantu pihak pengurusan membuat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Adalah didapati inventori yang mengandungi semua maklumat berkaitan hakisan tebing sungai tidak diselenggarakan di setiap JPS Daerah yang dilawati. Dengan ketiadaan inventori ini adalah sukar bagi mendapat gambaran sebenar kedudukan masalah hakisan serta tindakan yang telah dan akan diambil di daerah berkenaan. Sementara itu, adalah didapati data berkaitan hakisan yang telah dikenal pasti statusnya tidak dikemukakan ke Ibu Pejabat setiap tahun sebagaimana sepatutnya. Tarikh akhir maklumat dikemukakan adalah pada tahun 1998. Bagaimanapun, maklumat tersebut hanya mengandungi maklumat seperti nama sungai, lokasi hakisan, panjang tebing terhakis, infrastruktur yang terancam dan tindakan telah diambil.

Sementara itu, Jabatan telah mewujudkan garis panduan berkaitan dengan pengurusan sungai untuk dijadikan rujukan merancang pembangunan sungai selaras dengan peranannya sebagai Jabatan Teknikal. Antara garis panduan yang telah wujud dan diguna pakai adalah seperti berikut:

a) Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan yang seragam untuk digunakan oleh semua pihak yang terbabit dengan pembangunan berhadapan sungai. Garis panduan ini meliputi aspek seperti keperluan rizab sungai, larangan membina bangunan dan infrastruktur kekal di rizab sungai, persekitaran semula jadi sungai perlu dipelihara dan sebagainya.

b) Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai

Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan perancangan yang teratur dan pembangunan yang mapan melibatkan sungai dan rizabnya. Garis panduan ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak alam sekitar dan juga jenis aktiviti yang dijalankan seperti pembangunan berhadapan sungai dan dalam sungai, pembinaan struktur lintasan, perlombongan pasir, pengambilan air dan sebagainya.

c) Garis Panduan Memproses Permohonan Dan Menetapkan Syarat Pengambilan Pasir Sungai

Garis panduan ini bertujuan untuk melindungi sungai daripada kesan buruk akibat aktiviti perlombongan pasir dengan mewujudkan panduan yang seragam

untuk memproses permohonan melombong pasir dan menetapkan syarat yang jelas terhadap pelombong pasir sungai.

Pada pendapat Audit, Jabatan mempunyai prosedur pelaksanaan yang memuaskan. Bagaimanapun, inventori mengenai hakisan tebing sungai perlu diselenggarakan dengan kemas kini. Sementara itu, garis panduan yang disediakan dapat membantu Jabatan melaksanakan peranannya dengan berkesan terutama sebagai Jabatan Teknikal.

27.2.3 Kaedah Pelaksanaan

Semakan Audit di Daerah Raub, Bentong dan Rompin mendapati sebanyak 69 projek telah dilaksanakan dari tahun 2001 hingga 2004. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek dibuat secara rundingan terus melibatkan kos berjumlah RM981,165 manakala 8 lagi secara sebut harga berjumlah RM435,661. Kaedah rundingan terus dilaksanakan kerana projek perlu dilakukan dengan segera. Adalah didapati JPS Daerah telah menetapkan kriteria untuk memilih kontraktor antaranya bertaraf Bumiputera, berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, mempunyai peralatan yang mencukupi, kedudukan kewangan stabil dan tidak ada kerja semasa dilaksanakan. Semakan lanjut terhadap pemilihan kontraktor mendapati perkara seperti berikut:

- a) JPS Daerah mempunyai senarai kontraktor yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan.
- b) Rundingan terus telah dibuat melibatkan nilai kerja antara RM975 hingga RM34,790.
- c) Agihan kerja kepada seorang kontraktor tidak melebihi 2 kali setahun.
- d) Sebut harga telah dipanggil melibatkan kerja antara RM24,463 hingga RM94,800.
- e) Anggaran harga Jabatan telah disediakan bagi setiap sebut harga berdasar kepada Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang.
- f) Pemilihan kontraktor dibuat berdasar harga yang ditawarkan kurang daripada anggaran Jabatan.
- g) Pemberitahuan sebut harga telah dipamerkan di papan kenyataan bagi setiap tawaran sebut harga.
- h) Keputusan memilih kontraktor berjaya dibuat oleh Lembaga Sebut Harga yang terdiri daripada Jurutera JPS Daerah, Jurutera JPS Daerah dari daerah lain dan seorang Juruteknik JPS Daerah.
- i) Penilaian sebut harga terhadap kontraktor yang berjaya telah dibuat dengan mengambil kira kriteria yang telah ditetapkan.

Bilangan perolehan kerja secara rundingan terus dan sebut harga mengikut daerah berkenaan adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kaedah Perolehan Kerja
Dari Tahun 2001 Hingga 2004

Daerah	Bilangan Projek	Kaedah Perolehan			
		Rundingan Terus	Kos (RM)	Sebut Harga	Kos (RM)
Raub	34	32	456,313	2	74,461
Bentong	25	25	464,202	-	-
Rompin	10	4	60,650	6	361,200
Jumlah	69	61	981,165	8	435,661

Sumber: Rekod JPS Raub, Bentong & Rompin

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor telah dibuat dengan memuaskan walaupun sebahagian besar dibuat secara rundingan terus tetapi nilai kerja tidak melebihi had yang ditetapkan oleh peraturan kewangan.

27.2.4 Komponen Program

Komponen Program meliputi program jangka panjang dan jangka pendek. Semakan Audit terhadap komponen tersebut mendapati perkara seperti berikut:

a) Program Jangka Panjang

Program ini lebih bersifat pengurusan. Tumpuan adalah kepada pembangunan projek berhampiran tebing sungai. Jabatan berperanan memastikan kepentingan sungai sentiasa terpelihara dan juga merupakan penasihat teknikal kepada Kerajaan Negeri sebelum sesuatu permohonan pembangunan tanah diluluskan. Sebagai Jabatan Teknikal, ulasan yang diberi adalah berdasar kepada garis panduan yang berkaitan dengan permohonan tersebut.

i) Pembangunan Melibatkan Sungai

Setiap permohonan pembangunan tanah perlu dirujuk kepada Jabatan untuk ulasan sama ada menyokong atau sebaliknya sebelum sebarang kelulusan diberi oleh pihak berkaitan. Sebanyak 164 permohonan pembangunan tanah melibatkan sungai telah diterima dari tahun 2001 hingga bulan Ogos 2004 bagi Daerah Bentong, Raub dan Rompin. Permohonan yang diterima meliputi permohonan tanah Kerajaan, Lesen Pendudukan Sementara, pengeluaran pasir sungai, tukar syarat tanah dan sebagainya. Adalah didapati daripada 164 permohonan yang diterima, sebanyak 95 atau 58% permohonan telah disokong manakala 69 atau 42% permohonan lagi tidak disokong oleh Jabatan. Antara faktor permohonan tidak mendapat sokongan Jabatan adalah kerana tapak terletak di kawasan rizab sungai atau terlalu hampir dengan tebing sungai. Sementara bagi permohonan yang disokong pula Jabatan telah mensyaratkan supaya kawasan simpanan selebar antara 5 hingga 50 meter di kiri dan kanan sungai hendaklah dikekalkan sebagai rizab sungai. Bilangan permohonan

pembangunan melibatkan sungai yang diterima dari tahun 2001 hingga bulan Ogos 2004 seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Permohonan Yang Diterima Dari
Tahun 2001 Hingga Ogos 2004

Bil.	Jenis Permohonan	Bentong			Raub			Rompin			Jumlah		
		S	TS	J	S	TS	J	S	TS	J	S	TS	J
1.	Tanah Kerajaan	9	10	19	5	6	11	16	2	18	30	18	48
2.	Lesen Pendudukan Sementara	4	20	24	2	3	5	7	-	7	13	23	36
3.	Pengeluaran Pasir Sungai	11	8	19	5	5	10	1	2	3	17	15	32
4.	Tukar Syarat Tanah	18	-	18	8	6	14	-	-	-	26	6	32
5.	Lain-lain	-	-	-	3	3	6	6	4	10	9	7	16
	Jumlah	42	38	80	23	23	46	30	8	38	95	69	164

Petunjuk: S = Sokong TS = Tidak Sokong J = Jumlah

Sumber: Rekod JPS Bentong, Raub & Rompin

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan peranannya dengan baik bagi memastikan keadaan sungai sentiasa terpelihara.

ii) Pengeluaran Pasir Sungai

Jabatan diberi peranan untuk melindungi sungai daripada menerima kesan buruk akibat pengeluaran pasir secara tidak terkawal. Untuk tujuan tersebut Jabatan telah mengeluarkan garis panduan bagi memproses permohonan dan menetapkan syarat pengambilan pasir sungai. Semua permohonan untuk mendapatkan permit pengeluaran pasir sungai hendaklah melalui Pejabat Daerah Dan Tanah, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian atau Unit Perancang Ekonomi Negeri. Permohonan untuk pengeluaran pasir sungai perlu dirujuk kepada Jabatan yang diberi kuasa untuk menjalankan siasatan sebelum memberi ulasan sama ada menyokong atau sebaliknya permohonan tersebut. Antara perkara utama yang diberi perhatian oleh Jabatan semasa siasatan dan sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan pengeluaran pasir ialah aktiviti ini tidak mendatangkan hakisan tebing sungai serta tidak mengganggu kerja penyelenggaraan sungai oleh Jabatan atau Agensi lain. Selain itu, kualiti air sungai tidak tercemar dan kegiatan tersebut tidak menghalang aliran air sungai serta pergerakan pengangkutan air.

Jabatan juga perlu menyiasat permohonan untuk pengambilan pasir sungai dan hasil siasatan direkodkan pada Borang Siasatan Pengambilan Pasir Sungai yang mengandungi maklumat sungai seperti lokasi, lebar, cara pengambilan pasir serta ulasan Pegawai Pelapor dan Ketua Bahagian. Semasa mengemukakan ulasan tersebut ke Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan turut menetapkan syarat supaya pemohon mengemukakan wang cagaran sejumlah RM5,000 bagi kadar pengambilan pasir sebanyak 70 meter padu sehari atau RM10,000 bagi 71 hingga 200 meter padu sehari. Selain itu, pemohon juga dikehendaki mematuhi semua syarat pengambilan pasir sungai secara terkawal yang ditetapkan oleh Jabatan antaranya seperti berikut:

- Kaedah pengambilan pasir sama ada dengan menggunakan pam dan ponton, kapal korek dan sebagainya.
- Kadar pengambilan pasir sehari iaitu 70 meter padu bagi lebar sungai 10 hingga 20 meter atau 200 meter padu bagi lebar sungai yang melebihi 20 meter.
- Pengusaha adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada JPS segala kerosakan tebing sungai akibat pengambilan pasir dan hendaklah membaikinya atas tanggungan sendiri.
- Pengambilan pasir hanya dibenarkan di 1/3 bahagian tengah sungai sahaja.
- Mesin pengorek pasir seperti jengkaut dilarang sama sekali berada dalam saluran sungai.
- *Stockpile* pasir hendaklah berada tidak kurang 20 meter dari tebing sungai.

Tinjauan Audit yang dibuat di tapak operasi pengeluaran pasir sungai terhadap sebuah syarikat di Raub mendapati pengusaha telah mematuhi syarat seperti mana yang telah ditetapkan. Pengambilan pasir dibuat di bahagian tengah sungai. Kawasan *stockpile* pasir terletak melebihi jarak yang dibenarkan. Bagaimanapun, tinjauan Audit terhadap tapak operasi pengeluaran pasir oleh seorang pengusaha di Kuala Dong mendapati pengusaha telah melanggar syarat pengeluaran lesen. Antara pelanggaran syarat yang telah dikenal pasti ialah:

- Menggunakan jengkaut bagi mengambil pasir.
- Jengkaut berada dan beroperasi dalam saluran sungai.
- Melonggokkan pasir kurang 20 meter dari tebing sungai.
- Mengambil pasir di luar 1/3 bahagian tengah sungai.

Kesan pelanggaran syarat ini telah menyebabkan kerosakan serius kepada tebing sungai berkenaan. Pengusaha telah gagal untuk membaiki segala kerosakan tebing seperti mana dikehendaki dan diarah memberhentikan operasinya. Semakan Audit mendapati Jabatan sedang mengambil tindakan

untuk merampas wang deposit sejumlah RM5,000. Bagaimanapun berdasarkan anggaran, adalah didapati deposit tersebut tidak setimpal dengan nilai kerosakan tebing dan kos yang terpaksa ditanggung untuk memperbaikinya. Kesan operasi pengeluaran pasir yang telah merosakkan tebing sungai adalah seperti ditunjukkan di **Foto 3**.

Foto 3
Keadaan Tebing Sungai Di Sungai Dong, Raub



Pada pendapat Audit, maklumat awal tentang sesuatu pelanggaran syarat pengeluaran pasir patut diperolehi oleh Jabatan bagi membolehkan tindakan segera diambil. Sementara itu, nilai wang deposit patut dikaji semula supaya dapat menampung kos membaiki kerosakan tebing sungai.

b) Program Jangka Pendek

Beberapa kaedah pengawalan hakisan telah diguna seperti pemasangan *gabion*, pembinaan perisai batu, *profix sand filled mattress* dan pemasangan cerucuk keluli. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek melibatkan Daerah Raub, Bentong dan Rompin bagi tempoh 2001 hingga 2004. Adalah didapati sebanyak 69 projek telah dilaksanakan untuk tempoh tersebut. Butiran pelaksanaan projek mengikut kaedah yang digunakan adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Kedudukan Pelaksanaan Projek
Dari Tahun 2001 Hingga 2004

Kaedah Pelaksanaan	Daerah			Jumlah
	Raub	Bentong	Rompin	
<i>Gabion</i>	10	16	-	26
Perisai Batu (<i>Armour Rocks</i>)	8	1	1	10
Konkrit Batu Bata	7	-	1	8
Mengorek Dan Melurus	4	2	1	7
<i>Profix Sand Filled Mattress</i>	-	-	3	3
Cerucuk Keluli	-	-	3	3
Lain-lain	5	6	1	12
Jumlah	34	25	10	69

Sumber: Rekod JPS Bentong, Raub & Rompin

i) Pemasangan Gabion

Kaedah pemasangan *gabion* adalah dengan mengisi batu ke kotak jaringan dawai empat segi dan diatur di tebing sungai secara bersusun dan bertingkat. Contoh penggunaan *gabion* seperti di **Foto 4**.

Foto 4
Penggunaan Gabion Di Sungai Semei, Bentong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Sungai Semei, Bentong

Adalah didapati penggunaan *gabion* merupakan kaedah yang sering digunakan di Daerah Bentong dan Raub bagi mengatasi masalah hakisan tebing sungai. Sebagai contoh, bagi Daerah Bentong daripada 25 projek yang dilaksanakan, sebanyak 16 atau 64% projek menggunakan kaedah ini. Kaedah ini adalah sesuai bagi sungai yang mempunyai tebing curam dan tidak berpasir. Tebing yang terhakis akan menjadi stabil kerana *gabion* mampu melindunginya daripada arus deras. Bagaimanapun, kestabilan *gabion* akan menjadi lebih baik sekiranya di bahagian tapak dipasang *reno mattress* yang merupakan satu lapisan jaringan dawai yang diisi dengan batu. Ia berfungsi sebagai penyokong tapak dan mengelak *gabion* daripada runtuh. Ini terbukti daripada 2 projek yang dilaksanakan di Daerah Raub pada tahun 2001 yang masih berkeadaan baik.

Keberkesanan penggunaan *gabion* ini adalah tinggi berbanding kaedah lain. Adalah didapati daripada 16 projek yang dilaksanakan di Daerah Bentong, hanya 4 projek yang gagal disebabkan banjir yang berlaku pada bulan Januari 2004. Manakala kesemua 10 projek yang dilaksanakan di Daerah Raub masih berkeadaan baik. Kedudukan penggunaan *gabion* adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Prestasi Projek Mengguna Kaedah *Gabion*
Dari Tahun 2001 Hingga 2004

Daerah	Bilangan Projek	Kos Projek (RM)	Prestasi Projek	
			Baik	Gagal Berfungsi
Bentong	16	311,315	12	4
Raub	10	157,509	10	-
Jumlah	26	468,824	22	4

Sumber: Rekod JPS Bentong, Raub & Rompin

Foto 5 dan **6** menunjukkan keadaan tebing Sungai Benus di Janda Baik, Bentong sebelum dan selepas pemasangan *gabion*.

Foto 5 dan 6
Tebing Sungai Benus, Janda Baik, Bentong

Sebelum Pemasangan Gabion



Selepas Pemasangan Gabion



Sumber: Foto Ehsan JPS Bentong

Lokasi : Sungai Benus, Janda Baik, Bentong

ii) Pemasangan Perisai Batu

Kaedah pembinaan perisai batu juga digunakan terutama bagi tebing yang agak landai dan arus tidak deras. Kaedah ini dilaksanakan dengan menghimpun batu bersaiz antara 18 inci hingga 36 inci di sekitar tebing yang terhakis. Adalah didapati sebanyak 10 projek telah dilaksanakan dari tahun 2001 hingga 2004. Sebanyak 8 projek dilaksanakan di Daerah Raub manakala 1 projek masing-masing di Daerah Bentong dan Rompin. Pada keseluruhannya, pelaksanaan mengguna kaedah ini adalah berjaya. Daripada 10 projek yang dilaksanakan, sebanyak 8 projek masih berkeadaan baik melibatkan 7 projek di Daerah Raub dan 1 projek di Daerah Rompin. Tinjauan yang telah dibuat terhadap 3 projek berkaitan di Daerah Raub mendapati keadaannya adalah memuaskan dan berfungsi dengan baik. Sementara itu, hanya 2 projek telah gagal mencapai matlamat melibatkan 1 projek iaitu di Sungai Dong, Empangan Tedong, Raub dan 1 projek lagi di Sungai Benus, Bentong. Kegagalan ini adalah disebabkan batu yang dilonggokkan telah dihanyutkan arus deras. Kedudukan projek pemasangan perisai batu yang telah dilaksanakan dari tahun 2001 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Prestasi Projek Menggunakan Kaedah Pemasangan
Perisai Batu Dari Tahun 2001 Hingga 2004

Daerah	Bilangan Projek	Kos Projek (RM)	Prestasi Projek	
			Baik	Gagal Berfungsi
Raub	8	145,363	7	1
Bentong	1	19,960	-	1
Rompin	1	19,880	1	-
Jumlah	10	185,203	8	2

Sumber: Rekod JPS Bentong, Raub & Rompin

Satu projek yang menggunakan kaedah pemasangan perisai batu telah dilaksanakan dengan memuaskan seperti ditunjukkan di **Foto 7**.

Foto 7
Penggunaan Perisai Batu Di Sungai Dong,
Kg. Pamah Rawas, Raub



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Sungai Dong, Kg. Pamah Rawas, Raub

iii) Profix Sand Filled Mattress

Kaedah *profix sand filled mattress* merupakan sistem perlindungan mengguna lapisan geotekstil yang diisi dengan pasir. Lapisan tersebut akan dihampar di bahagian tebing yang mengalami hakisan. Lapisan ini berkemampuan untuk memerangkap benih rumput dan menggalak pertumbuhannya. Ini akan

menjadikan sistem ini lebih mesra persekitaran. Kaedah ini sesuai diguna bagi tebing yang agak landai dan tidak berpasir.

Semakan Audit mendapati daripada 3 daerah yang dilawati, hanya Daerah Rompin sahaja yang menggunakan kaedah ini bagi tempoh 2001 hingga 2004 melibatkan 3 lokasi projek. Tinjauan ke 3 lokasi tersebut mendapati 2 projek masih berfungsi dengan baik iaitu di tebing Sungai Endau berhampiran Jeti Kampung Denai dan di tebing Sungai Rompin, Kampung Pantai Bernas. Bagaimanapun, satu projek di tebing Sungai Rompin, Kampung Rantau Panjang yang menggunakan kaedah ini pada tahun 2001 dengan kos berjumlah RM19,470 gagal berfungsi seperti diharapkan. Kegagalan ini adalah disebabkan kedudukan tebing tersebut terletak di bahagian kuala sungai yang struktur tebingnya berpasir dan curam. Adalah didapati tebing yang sama telah runtuh pada tahun 2002 dan JPS Rompin terpaksa mengawal hakisan daripada terus berlaku dengan menggunakan kaedah menanam cerucuk keluli di tempat yang sama dengan kos berjumlah RM77,800. Bagaimanapun, jumlah tersebut hanya mampu menampung kawasan sepanjang 15 meter sahaja berbanding kawasan yang terlibat sepanjang 130 meter. Bagi mengatasi masalah menjadi lebih kritikal, pada tahun 2003 JPS Rompin telah mengambil tindakan untuk memohon peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM1 juta. Semakan Audit mendapati peruntukan tersebut masih belum diluluskan. Keadaan tebing Sungai Rompin di Kampung Rantau Panjang mengguna kaedah *profix sand filled mattress* dan mengguna cerucuk keluli bagi tujuan penahan hakisan adalah seperti ditunjukkan di **Foto 8** dan **Foto 9**.

Foto 8
Keadaan Tebing Yang Runtuh Semula Menggunakan Kaedah *Profix Sand Filled Mattress* Di Sungai Rompin, Kg. Rantau Panjang, Rompin



Foto 9
Keadaan Tebing Setelah Diperbaiki Menggunakan Cerucuk Keluli
Di Sungai Rompin, Kg. Rantau Panjang, Rompin



Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Jabatan telah melaksana projek mengikut kaedah yang bersesuaian dengan keadaan tebing yang mengalami hakisan. Namun begitu, Jabatan perlu mengenal pasti kaedah yang lebih sesuai dengan mengambil kira struktur tebing dan arus sungai bagi memastikan ketahanannya.

27.2.5 Prestasi Perbelanjaan

Semakan Audit terhadap anggaran perbelanjaan tahunan dari tahun 2001 hingga 2004 mendapati sejumlah RM9.10 juta peruntukan telah diluluskan daripada sejumlah RM17.49 juta yang dipohon bagi melaksana Program semasa RMK8. Sehingga tahun 2004, sejumlah RM5.88 juta atau 65% peruntukan telah diterima dan diagih ke daerah termasuk Ibu Pejabat. Setiap daerah telah menerima siling peruntukan antara RM200,000 hingga RM700,000 untuk tempoh tersebut. Sehingga bulan Ogos 2004, sejumlah RM5.15 juta atau 88% telah pun dibelanjakan bagi melaksana projek yang telah dirancang di setiap daerah. Sementara itu, setiap daerah telah membelanjakan peruntukan yang diterima antara 71% hingga 100%. Butiran mengenai peruntukan

yang telah diterima dan dibelanjakan sehingga bulan Ogos 2004 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Peruntukan Yang Diterima Dan Dibelanjakan
Dari Tahun 2001 Hingga Ogos 2004

Bil.	Daerah	Peruntukan			Peratus Belanja (%)
		Dilulus (RM)	Diterima (RM)	Dibelanja (RM)	
1.	Kuantan	800,000	275,000	244,350	89
2.	Pekan	1,000,000	700,000	686,696	98
3.	Maran	600,000	400,000	310,364	78
4.	Cameron Highlands	600,000	339,796	339,796	100
5.	Lipis	600,000	400,000	370,663	93
6.	Raub	600,000	400,000	374,023	94
7.	Rompin	600,000	400,000	397,650	99
8.	Bera	400,000	200,000	159,690	80
9.	Jerantut	700,000	550,000	482,805	88
10.	Bentong	500,000	350,000	249,947	71
11.	Temerloh	700,000	600,000	470,545	78
12.	Ibu Pejabat	2,000,000	1,270,000	1,066,095	84
	Jumlah	9,100,000	5,884,796	5,152,624	88

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, Jabatan telah membelanjakan peruntukan yang diterima dengan memuaskan.

27.2.6 Keperluan Tenaga Kerja

Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, memohon peruntukan serta memantau Program bagi seluruh Negeri Pahang. Daripada 9 jawatan yang diluluskan, sebanyak 5 jawatan telah diisi manakala 4 jawatan masih lagi kosong. Bahagian ini diketuai Penolong Pengarah Kejuruteraan Sungai Dan Pantai Gred J48 serta dibantu 2 Juruteknik, seorang Pemandu dan seorang Pekerja Rendah Awam. Kedudukan perjawatan Bahagian Kejuruteraan Sungai dan Pantai adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Kedudukan Perjawatan Bahagian
Kejuruteraan Sungai Dan Pantai

Bil.	Jawatan Dan Gred	Jawatan Dilulus	Jawatan Diisi	Jawatan Kosong
1.	Jurutera Gred J48	1	1	0
2.	Jurutera Gred J41	1	0	1
3.	Pembantu Teknik Gred J36	1	0	1
4.	Juruteknik Gred J17	3	2	1
5.	Pelukis Pelan Gred J17	1	0	1
6.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3	1	1	0
7.	Pekerja Rendah Awam Gred R1	1	1	0
	Jumlah	9	5	4

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pengurusan Program ini juga turut dibantu oleh pegawai di 11 JPS Daerah. Setiap JPS Daerah diketuai Jurutera Gred J41 kecuali JPS Raub dan JPS Temerloh diketuai Jurutera Kanan Gred J48. Pegawai di peringkat daerah ini berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau Program di setiap daerah. Pada bulan Ogos 2004, Jabatan telah melakukan pertukaran pegawai secara menyeluruh melibatkan peringkat Ibu Pejabat dan juga JPS Daerah.

Pada pendapat Audit, struktur guna tenaga di Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai adalah mencukupi.

27.2.7 Pencapaian Program

Semakan Audit mendapati sebanyak 220 projek pengawalan hakisan tebing sungai telah dilaksanakan bagi seluruh Negeri Pahang dari tahun 2001 hingga 2004. Berdasarkan kepada bilangan projek, jumlah ini merupakan lebih 2 kali ganda dari yang dirancang iaitu sebanyak 78 projek. Semakan Audit mendapati prestasi sebenar pelaksanaan projek sukar ditentukan kerana projek yang dirancang di setiap daerah melalui Rancangan Tahunan dan Dwi-Tahunan tidak dinyatakan secara terperinci berkaitan lokasi dan juga panjang sungai setiap projek tersebut. Adalah didapati JPS Daerah juga tidak membuat penilaian terhadap pencapaian sebenar pelaksanaan projek berbanding yang dirancang pada setiap tahun. Butiran projek yang dilaksanakan berbanding dirancang adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Bilangan Projek Dirancang Dan Dilaksana
Dari Tahun 2001 Hingga 2004

Bil.	Daerah	2001		2002		2003/2004		Jumlah	
		Rancang	Laksana	Rancang	Laksana	Rancang	Laksana	Rancang	Laksana
1.	Raub	3	11	2	8	9	15	14	34
2.	Lipis	4	9	7	4	5	9	16	22
3.	Maran	2	7	1	5	2	9	5	21
4.	Rompin	2	4	2	2	4	4	8	10
5.	Kuantan	1	3	2	5	1	13	4	21
6.	Pekan	2	4	1	2	3	3	6	9
7.	Bera	1	3	-	4	2	6	3	13
8.	Jerantut	2	10	1	5	4	16	7	31
9.	Bentong	2	7	2	6	2	12	6	25
10.	Cameron Highlands	1	2	2	6	1	7	4	15
11.	Temerloh	1	3	2	3	2	13	5	19
	Jumlah	21	63	22	50	35	107	78	220

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Sementara itu, adalah didapati sebahagian besar projek yang dilaksana merupakan projek segera yang tidak dirancang. Pelaksanaan projek ini adalah mengambil kira aduan semasa yang melibatkan kepentingan awam. Sebahagian besar projek yang dilaksanakan bernilai kurang daripada RM20,000.

Semakan Audit mendapati secara keseluruhan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 60 projek telah disiapkan kurang dari 1 bulan manakala 9 projek lagi disiapkan melebihi 1 bulan dari tarikh inden kerja dikeluarkan. Daripada 9 projek tersebut, sebanyak 5 projek di Daerah Bentong, dua di Daerah Raub dan 2 di Daerah Rompin. Bagi kes yang berkaitan, tempoh penyiapan adalah antara 5 hingga 10 minggu. Butiran tempoh penyiapan kerja adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Tempoh Penyiapan Kerja Dari
Tahun 2001 Hingga 2004

Daerah	Bilangan Projek	Tempoh Siap Kerja	
		Kurang Sebulan	Lebih Sebulan
Raub	34	32	2
Bentong	25	20	5
Rompin	10	8	2
Jumlah	69	60	9

Sumber: Rekod JPS Raub, Bentong & Rompin

Pada pendapat Audit, Rancangan Tahunan dan Dwi-Tahunan yang disediakan adalah kurang lengkap kerana tidak menyatakan secara terperinci lokasi dan panjang sungai yang terlibat.

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat pelaksanaan Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai adalah memuaskan. Kaedah pengawalan yang digunakan adalah sesuai dengan keadaan tebing sungai yang bermasalah. Pemilihan kontraktor juga telah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Kerja telah dapat disiapkan mengikut jadual. Bagaimanapun, daftar inventori berkaitan masalah hakisan tebing sungai perlu diselenggarakan dengan kemas kini di setiap daerah bagi tujuan pengurusan dan perancangan masa depan.

27.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan aspek penting bagi memastikan pelaksanaan kerja mengikut perancangan. Semakan Audit terhadap mekanisme pemantauan Program mendapati perkara berikut:

27.3.1 Penyeliaan Projek

Pegawai yang bertanggungjawab dengan sesuatu projek telah membuat lawatan ke tapak sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan. Ia bertujuan bagi memastikan projek telah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.

27.3.2 Penguatkuasaan

Jabatan tidak mempunyai Unit Penguat Kuasa bagi memantau dan memastikan pematuhan syarat seperti operasi pengeluaran pasir sungai dan bahan galian. Namun, pemantauan ada dilakukan oleh pihak Pentadbir Tanah Daerah yang mengeluarkan lesen berkaitan mengikut syarat yang ditetapkan oleh Jabatan. Sebarang pelanggaran syarat yang melibat kerosakan tebing sungai dimaklumkan kepada Jabatan untuk diambil tindakan. Jabatan berhak menahan atau merampas wang deposit sekiranya

pengusaha gagal memperbaiki kerosakan tebing sungai tersebut. Selain itu, Jabatan sendiri ada membuat lawatan ke tapak operasi dari semasa ke semasa bagi memantau operasi dan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah sebarang pelanggaran syarat untuk diambil tindakan.

27.3.3 Laporan Kemajuan

Setiap daerah ada mengemukakan laporan kemajuan ke Ibu Pejabat setiap bulan. Antara maklumat yang dikemukakan seperti laporan prestasi kewangan program Negeri dan Persekutuan, laporan permohonan pembangunan tanah dan juga maklumat aduan awam yang diterima berkaitan hakisan tebing sungai.

27.3.4 Mesyuarat

Mesyuarat di peringkat daerah dan Ibu Pejabat juga telah diadakan bagi memantau pelaksanaan projek. Mesyuarat Penyelarasan Bahagian Teknikal telah diadakan di peringkat daerah dan dihadiri oleh semua pegawai teknikal yang terlibat dengan projek. Tujuan mesyuarat ini adalah bagi memantau projek pembangunan yang sedang dilaksanakan secara khusus. Antara agenda mesyuarat adalah melaporkan kemajuan projek semasa, prestasi kewangan projek dan mengenal pasti projek pembangunan baru yang akan dilaksanakan. Sementara itu, mesyuarat pengurusan juga turut memantau kemajuan pelaksanaan projek dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan JPS Pahang diadakan di peringkat Ibu Pejabat. Mesyuarat ini dipengerusikan sendiri oleh Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran dan dihadiri semua pegawai kanan Jabatan termasuk Jurutera Daerah. Mesyuarat ini berperanan mengenal pasti masalah dan mencari jalan penyelesaian terhadap pelaksanaan projek serta membuat perancangan masa depan Jabatan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan adalah memuaskan. Bagaimanapun, keberkesanan pemantauan terhadap pematuhan kepada syarat pengeluaran lesen banyak bergantung kepada Unit Penguat Kuasa Pentadbir Tanah Daerah.

28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah merancang Program Pengawalan Hakisan Tebing Sungai dengan memuaskan. Garis panduan dan prosedur pelaksanaan telah disediakan dengan lengkap. Perbelanjaan juga telah dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan. Sementara itu, penggunaan kaedah *gabion*, perisai batu dan *profix sand filled mattress* bagi mengawal hakisan tebing telah mengambil kira keadaan tebing. Bagaimanapun, penggunaan kaedah *profix sand filled mattress* di kawasan berpasir adalah kurang memuaskan kerana keadaan tebing yang kurang stabil. Pada keseluruhannya, pelaksanaan kerja adalah mengikut jadual. Jabatan juga telah melaksanakan fungsinya sebagai Jabatan Teknikal dengan memuaskan apabila memberi

ulasan berdasar kepada kriteria yang telah ditetapkan bagi sesuatu pembangunan yang melibatkan rizab sungai. Bagaimanapun, aspek pematuhan kepada syarat pengeluaran pasir sungai perlu diberi perhatian agar tebing sungai tidak dirosakkan oleh pengusaha yang tidak bertanggungjawab.

BAHAGIAN IV

***BADAN BERKANUN NEGERI,
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN***

BAHAGIAN IV
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

29. PENDAHULUAN

Selain mengaudit Penyata Akaun Awam, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan aktiviti Jabatan, pengauditan juga dijalankan terhadap Agensi Kerajaan Negeri. Ada 21 Agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 9 Badan Berkanun Negeri, sebelas Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam. Pada tahun 2004, selain mengaudit penyata kewangan tahunan Agensi berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan dan kajian terhadap beberapa program dan aktiviti beberapa Agensi. Aktiviti pengauditan dan Agensi terlibat adalah seperti berikut:

a) Pengurusan Kewangan

- i) Majlis Sukan Pahang
- ii) Majlis Daerah Bentong

b) Kajian Program Dan Aktiviti

- i) Pengurusan Ladang Sungai Rasau
- ii) Sistem Integrasi Majlis

Pemerhatian Audit mengenai perkara yang dikaji telah dimaklumkan kepada Agensi terlibat dan hanya isu dan perkara penting dilaporkan dalam Bahagian ini.

30. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

30.1 Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menentukan sama ada akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan betul dan tepat. Daripada 21 Agensi Kerajaan Negeri tersebut, penyata kewangan bagi 8 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan Firma Audit Swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagai mana yang dinyatakan oleh Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

30.2 Bagi memastikan Firma Audit Swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan

antaranya pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, Firma Audit Swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail Kertas Kerja Audit, Laporan Terperinci dan Laporan Juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail Kertas Kerja Audit akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan, bukti Audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format yang ditetapkan. Setiap akhir tahun, prestasi semua Firma Audit Swasta dinilai dan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan khidmat pengauditan penyata kewangan seterusnya.

31. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

31.1 Mengikut Akta Audit 1957, semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Sehingga bulan Mei 2005, kedudukan penyerahan akaun Agensi semakin baik iaitu 17 daripada 21 Agensi telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2003 iaitu 5 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan serta satu Majlis Agama Islam. Hanya 4 Badan Berkanun Negeri belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2002 dan 2003. Kedudukan terperinci penyerahan akaun Agensi sehingga bulan Mei 2005 adalah seperti di **Lampiran III**.

31.2 Jabatan Audit Negara mendapati antara faktor utama yang menyebabkan Agensi Negeri lewat mengemukakan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- a) Kurang tanggungjawab dan pemantauan oleh Ketua Agensi terhadap penyediaan penyata kewangan;
- b) Pegawai yang bertanggungjawab mempunyai beban kerja yang berlebihan dan tidak memberi keutamaan terhadap penyediaan penyata kewangan;
- c) Pegawai yang bertanggungjawab tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai penyediaan penyata kewangan dan penyenggaraan rekod kewangan;
- d) Kelemahan penyenggaraan dokumen sokongan untuk menyediakan penyata kewangan; dan
- e) Bagi Agensi yang mempunyai syarikat subsidiari, kelewatan penyediaan penyata kewangan disatukan adalah disebabkan syarikat subsidiari lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit.

31.3 Untuk mengatasi masalah kelewatan penyerahan penyata kewangan oleh semua Agensi Negeri, Jabatan Audit Negara mencadangkan pegawai yang bertanggungjawab menyedia penyata kewangan diberikan kursus dan latihan secara konsisten. Ketua Jabatan hendaklah diberi penerangan mengenai kepentingan menyediakan penyata

keuangan dan implikasinya sekiranya gagal disediakan. Pihak Kerajaan Negeri diharap mengambil perhatian yang lebih dan bertindak lebih tegas mengenai kelewatan penyerahan penyata kewangan Agensi.

32. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

32.1 Sehingga bulan Mei 2005, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 20 penyata kewangan Agensi iaitu 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 11 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam. Sebanyak 15 penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran iaitu 5 bagi Badan Berkanun Negeri dan 9 Pihak Berkuasa Tempatan serta satu Majlis Agama Islam. Manakala sebanyak 5 Sijil Berteguran telah diberi iaitu 3 kepada penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 2 kepada penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat lanjut mengenai persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran IV**.

32.2 Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila ada isu yang dibangkitkan menjejaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Butiran tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan;
- b) Penyenggaraan rekod perakaunan tidak kemas kini; dan
- c) Tidak mematuhi piawaian perakaunan.

33. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga bulan Mei 2005, sebanyak 27 penyata kewangan telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri iaitu 12 daripadanya adalah penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 15 adalah penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara sebabnya ialah kegagalan Agensi berkenaan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarahnya untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti **Lampiran V**.

34. PRESTASI KEWANGAN

34.1 KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

Analisis penyata kewangan dibuat terhadap kedudukan kewangan 5 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 yang telah diserahkan untuk diaudit. Maklumat mengenai kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun tersebut adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2003			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2003		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	88.56	77.58	10.98	85.26	105.16	(19.90)
2.	Lembaga Pembangunan Tioman	7.04	6.54	0.50	1.22	0.60	0.62
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2.21	2.22	(0.01)	1.05	5.14	(4.09)
4.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.55	0.92	(0.37)	0.37	0.11	0.26
5.	Majlis Sukan Pahang	4.54	4.67	(0.13)	0.45	0.69	(0.24)

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

34.1.1 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang

Prestasi kewangan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang bagi tahun 2003 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Lembaga pada tahun 2003 adalah berjumlah RM88.56 juta manakala perbelanjaan Lembaga berjumlah RM77.58 juta. Ini bermakna Lembaga memperolehi lebih sejumlah RM10.98 juta berbanding RM10.04 juta pada tahun 2002. Penyumbang utama peningkatan pendapatan Lembaga adalah bagi pendapatan operasi sejumlah RM14.66 juta.

Aset semasa Lembaga pada 31 Disember 2003 adalah berjumlah RM85.26 juta manakala liabiliti semasa Lembaga berjumlah RM105.16 juta. Jika dilihat dari nisbah semasa, Lembaga kurang berupaya untuk menjelaskan liabiliti semasanya bagi jangka masa pendek memandangkan nisbah semasa Lembaga pada kadar 0.81:1 iaitu berada di bawah paras kadar lazim 2:1. Bagaimanapun, kedudukan nisbah semasa Lembaga bertambah baik jika dibandingkan dengan tahun 2002 iaitu 0.38:1.

34.1.2 Lembaga Pembangunan Tioman

Prestasi kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada tahun 2003 adalah lebih kurang sama dengan tahun sebelumnya. Pada tahun 2003 Lembaga memperoleh pendapatan berjumlah RM7.04 juta manakala perbelanjaan Lembaga pula adalah berjumlah RM6.54 juta. Dengan itu, lebihan pada tahun 2003 ialah sejumlah RM502,025 berbanding RM533,326 pada tahun 2002.

34.1.3 Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser

Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser bagi tahun 2003 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya walaupun masih mengalami kelebihan perbelanjaan ke atas pendapatan. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2003 berjumlah RM2.21 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM2.22 juta. Kelebihan perbelanjaan ke atas pendapatan telah berkurangan dari RM111,323 pada tahun 2002 menjadi RM8,868 pada tahun 2003.

Aset semasa Perbadanan pada tahun 2003 berjumlah RM1.05 juta manakala liabiliti semasa berjumlah RM5.14 juta. Nisbah semasa Perbadanan hanya 0.20:1 dan Perbadanan akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan liabiliti semasanya pada jangka masa pendek terutamanya aset semasa yang sebahagian besarnya adalah merupakan Pelbagai Penghutang yang diragui dapat dituntut.

34.1.4 Perbadanan Stadium Darul Makmur

Prestasi kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur bagi tahun berakhir 2003 semakin kurang memuaskan. Kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan telah meningkat dengan ketara iaitu dari RM26,923 pada tahun 2002 menjadi RM366,227 pada tahun 2003. Kedudukan ini mengakibatkan Dana Terkumpul Perbadanan telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2003. Peningkatan perbelanjaan yang paling ketara adalah bagi bahan penyelenggaraan dan pembaikan.

Kedudukan nisbah semasa Perbadanan adalah memuaskan kerana nilai aset semasa berjumlah RM371,309 melebihi nilai liabiliti semasa RM112,464 pada nisbah 3.3:1. Pihak Perbadanan dijangka mampu untuk menyelesaikan segala liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

34.1.5 Majlis Sukan Pahang

Prestasi kewangan Majlis Sukan Pahang pada tahun 2003 kurang memuaskan. Pendapatan Majlis adalah berjumlah RM4.54 juta berbanding perbelanjaan RM4.67 juta. Dengan itu Majlis mengalami kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan sejumlah RM130,894 pada tahun 2003 berbanding RM325.184 pada tahun 2002.

Kedudukan nisbah semasa iaitu 0.65:1 adalah kurang memuaskan dan Majlis berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menjelaskan liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayarannya.

35. KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

35.1 Analisis kedudukan kewangan dilakukan terhadap 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, hanya 5 daripada 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat lebih pendapatan iaitu Majlis Daerah Bentong, Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Bera dan Majlis Daerah Pekan iaitu sejumlah RM2.11 juta, RM0.47 juta, RM0.81 juta, RM1.59 juta dan RM1.39 juta masing-masing. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan yang lainnya mengalami defisit antara RM272,208 hingga RM2.24 juta.

35.2 Analisis yang dibuat terhadap aset dan liabiliti semasa Pihak Berkuasa Tempatan pula menunjukkan kedudukan aset semasa kesemua Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Daerah Rompin adalah memuaskan. Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2003			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2003		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	59.12	61.36	(2.24)	24.78	13.53	11.25
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	14.74	15.01	(0.27)	11.23	4.84	6.39
3.	Majlis Daerah Bentong	18.04	15.93	2.11	20.25	1.79	18.46
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	5.15	4.68	0.47	14.10	1.05	13.05
5.	Majlis Daerah Raub	9.26	9.90	(0.64)	3.97	1.50	2.47
6.	Majlis Daerah Jerantut	7.48	6.67	0.81	2.38	1.54	0.84
7.	Majlis Daerah Bera	7.63	6.04	1.59	7.36	0.81	6.55
8.	Majlis Daerah Maran	5.49	6.15	(0.66)	3.48	1.99	1.49
9.	Majlis Daerah Pekan	11.05	9.66	1.39	2.76	2.21	0.55
10.	Majlis Daerah Lipis	7.35	8.12	(0.77)	1.77	1.53	0.24
11.	Majlis Daerah Rompin	6.08	7.0	(0.92)	0.89	3.19	(2.30)

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

36. TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

36.1 Tunggakan hasil cukai taksiran bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan di Pahang pada tahun 2003 berjumlah RM33.73 juta meningkat sejumlah RM2.78 juta daripada tunggakan pada tahun 2002. Analisis Audit mendapati 8 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2003 berbanding tahun 2002. Dua daripadanya mengalami kenaikan tunggakan melebihi RM500,000 iaitu Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Daerah Raub. Manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran iaitu Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis

Daerah Cameron Highlands dan Majlis Daerah Jerantut. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pada Tahun 2002 Dan 2003

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	15.91	17.27	1.36
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	5.17	4.83	(0.34)
3.	Majlis Daerah Bentong	2.47	2.93	0.46
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.79	0.69	(0.10)
5.	Majlis Daerah Raub	1.60	2.21	0.61
6.	Majlis Daerah Jerantut	1.35	1.29	(0.06)
7.	Majlis Daerah Bera	0.23	0.26	0.03
8.	Majlis Daerah Maran	1.17	1.39	0.22
9.	Majlis Daerah Pekan	0.89	1.34	0.45
10.	Majlis Daerah Lipis	0.87	0.96	0.09
11.	Majlis Daerah Rompin	0.50	0.56	0.06
Jumlah		30.95	33.73	2.78

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

MAJLIS SUKAN PAHANG

PENGURUSAN KEWANGAN

37. LATAR BELAKANG

Majlis Sukan Pahang (Majlis) ditubuhkan di bawah Akta Majlis Sukan Negara 1971, Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan Jadual Kedua) 1988 dan pada mulanya beroperasi sebagai salah satu unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Pada tahun 1993, Majlis Sukan Pahang ditubuhkan sejajar dengan fungsinya sebagai Agensi memajukan sukan di Negeri Pahang. Majlis bertanggungjawab menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi kemajuan semua persatuan sukan di peringkat Negeri dan Daerah. Di samping itu, Majlis menjadi penyelaras kepada persatuan sukan Negeri dan Agensi lain serta mendapatkan dan mentadbir peruntukan kewangan yang diterima bagi mencapai tujuan Majlis. Sehingga akhir bulan Disember 2004, Majlis telah memperolehi hasil berjumlah RM4.91 juta manakala perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM4.98 juta.

38. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, aset serta inventori. Pengauditan adalah ditumpukan terhadap rekod kewangan dari bulan Januari sehingga Oktober 2004 meliputi Buku Tunai, Lejar, Daftar Aset, Buku Vot dan sebagainya. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat turut diadakan.

39. PENEMUAN AUDIT

39.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan yang sistematik perlu bagi mewujudkan pengurusan yang teratur dan berkesan di Majlis. Pendedahan pegawai terhadap bidang tugas juga perlu di samping pemantauan yang berterusan. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara berikut:

39.1.1 Struktur Organisasi

Kakitangan atau pegawai yang mencukupi serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting bagi menentukan keberkesanan dan kecekapan sesebuah organisasi. Pengurusan Majlis diketuai oleh Pengarah dengan dibantu Timbalan Pengarah yang dilantik oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan 22 orang kakitangan sokongan. Seramai 19 orang daripadanya telah dilantik secara kontrak. Majlis juga mempunyai 34 orang jurulatih sepenuh masa yang terdiri

daripada 5 orang jurulatih luar Negara dan selebihnya jurulatih tempatan. Seramai 16 orang jurulatih berkenaan dibiayai oleh pentadbiran Majlis manakala selebihnya adalah lantikan Majlis Sukan Negara Malaysia melalui program Sukan Komanwel (SUKOM) 1998. Semakan Audit mendapati struktur organisasi Majlis adalah lengkap dan kemas kini.

39.1.2 Carta Organisasi

Pembahagian tugas dan tanggungjawab yang jelas dan lengkap memudahkan serta melancarkan pengurusan sesuatu organisasi. Semakan Audit mendapati Carta Organisasi Majlis adalah lengkap dan kemas kini serta menunjukkan dengan jelas tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan. Carta tersebut juga dipamerkan di tempat yang sesuai dan strategik.

39.1.3 Buku Perkhidmatan

Buku Perkhidmatan adalah rekod kakitangan yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap 5 buah buku tersebut mendapati catatan kenyataan cuti adalah tidak kemas kini. Satu daripadanya tidak mencatat sebarang kenyataan cuti manakala 4 buah buku lagi tidak merekodkan kenyataan cuti antara 1 hingga 3 tahun.

39.1.4 Surat Perwakilan Kuasa

Majlis ada mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perwakilan kuasa yang diberi adalah tidak menyeluruh. Hanya perwakilan kuasa menandatangani cek sahaja yang diberi sementara surat perwakilan bagi menandatangani pesanan pembelian, baucar bayaran dan resit tidak dibuat. Adalah didapati surat perwakilan kuasa menandatangani cek tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurus seperti kehendak Jadual Kedua 1988 Kaedah 13 (3) Akta Majlis Sukan Negara 1971.

39.1.5 Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja yang lengkap perlu disediakan oleh Majlis mengikut kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyediakan Manual Prosedur Kerja. Adalah didapati Manual tersebut tidak menepati kehendak pekelliling kerana tidak menyediakan proses kerja aktiviti utama dan senarai borang yang digunakan. Bagaimanapun, carta aliran kerja aktiviti utama bagi Unit Kewangan ada disediakan.

39.1.6 Fail Meja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan supaya Fail Meja disediakan sebagai rujukan semasa menjalankan tugas harian. Penyediaan Fail Meja adalah penting kerana ia merupakan peraturan kerja yang merangkumi tatacara dan langkah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan sempurna.

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Fail Meja bagi semua kakitangannya.

39.1.7 Senarai Tugas

Majlis telah menyediakan senarai tugas bagi semua kakitangannya. Semakan Audit terhadap senarai tugas mendapati pengasingan tugas dan tanggungjawab ada dilaksanakan. Pembahagian tugas ada dibuat di kalangan pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan kakitangan yang berlainan ditugaskan mengeluarkan resit, menyediakan baucar serta menyelenggarakan rekod di Unit Kewangan.

39.1.8 Pemeriksaan Dalaman

Arahan Perbendaharaan 308 menetapkan supaya Pegawai Pengawal atau wakilnya hendaklah dari semasa ke semasa menjalankan pemeriksaan ke atas rekod kewangan atau tugas perakaunan yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya. Perihal pemeriksaan ini hendaklah direkodkan ke Daftar Pemeriksaan Mengejut. Semakan Audit mendapati Pegawai Pengawal tidak melakukan pemantauan dengan teratur ke atas penyelenggaraan rekod perakaunan dan kewangan secara berkala.

39.1.9 Kursus Dan Latihan

Pada tahun 2003 dan 2004, seramai 23 kakitangan telah diberi peluang untuk menghadiri kursus dan latihan yang bersesuaian bagi memantapkan dan menambah kecekapan. Latihan yang bersesuaian dirancang dan diadakan secara dalaman atau yang dianjurkan oleh pihak luar. Bagaimanapun, pegawai dan kakitangan di Bahagian Kewangan tidak diberi latihan yang secukupnya. Pada tahun 2003 dan 2004 hanya satu kursus sahaja telah diberikan kepada seorang kakitangan Bahagian Kewangan.

39.1.10 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, setiap Agensi Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan akaun. Semakan Audit mendapati Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa ini. Bagaimanapun, aspek berkaitan urusan kewangan seperti anggaran belanjawan dan prestasi pengurusan kewangan Majlis ada dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurus.

39.1.11 Peraturan Kewangan Majlis

Adalah didapati Majlis belum mempunyai peraturan kewangan sendiri. Oleh itu, Majlis masih berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan bagi mengendalikan pengurusan kewangannya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan Majlis boleh dipertingkatkan lagi dengan melengkapkan dan mengemas kini Manual Prosedur Kerja serta menyediakan Fail Meja untuk semua pegawai dan menubuhkan

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Selain itu, kursus kewangan perlu diberi kepada lebih ramai pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan Majlis.

39.2 KAWALAN HASIL

Pengauditan ke atas kawalan hasil meliputi kawalan borang hasil, pengurusan terimaan wang, keselamatan wang tunai dan kawalan perakaunan terimaan. Selain daripada menerima peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM4.19 juta dan sumbangan dari Majlis Sukan Negara berjumlah RM715,783, Majlis juga menerima hasil dari sewaan, faedah, sumbangan dan yuran. Sehingga akhir bulan Disember 2004, hasil yang diterima adalah berjumlah RM4.91 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan hasil mendapati perkara berikut:

39.2.1 Kawalan Borang Hasil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 67 Daftar Borang Hasil perlu diselenggara bagi merekod dan mengawal terimaan dan pengeluaran sesuatu borang hasil. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggarakan Daftar Borang Hasil dengan kemas kini. Borang hasil yang dikeluarkan adalah mengikut susunan nombor yang berturutan. Setiap penerimaan dan pengeluaran ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, semua stok resit yang belum digunakan dikunci dengan selamat di bawah kawalan seorang pegawai kanan. Segala urusan pengeluaran resit dilaksanakan oleh 2 orang pegawai iaitu seorang menyediakan resit dan seorang menandatangani resit.

39.2.2 Kebenaran Bertulis Untuk Menerima Wang

Mengikut Arahan Perbendaharaan 69, kebenaran secara bertulis hendaklah diberi kepada pegawai yang menerima wang dan satu rekod hendaklah diselenggara mengenai kebenaran tersebut. Semakan Audit mendapati tiada kebenaran bertulis diberi kepada pegawai yang menyediakan dan menandatangani resit.

39.2.3 Buku Tunai

Buku Tunai hendaklah diselenggara bagi merekodkan semua kutipan hasil dengan kemas kini. Semakan Audit mendapati Buku Tunai Majlis disediakan secara manual. Buku Tunai ini tidak diimbang dan dikemas kini dari bulan Januari hingga Oktober 2004 dan baki bawa ke hadapan hanya dicatat dengan pensel. Sehubungan itu, Majlis tidak dapat menyediakan penyata penyesuaian bank bulannya dengan kemas kini.

39.2.4 Daftar Mel

Arahan Perbendaharaan 71 menetapkan peraturan mengenai tujuan dan tatacara penyelenggaraan Daftar Mel. Daftar tersebut diselenggara bagi tujuan merekodkan penerimaan wang, dokumen atau barang berharga melalui pos atau penghantar surat. Pegawai yang bertanggungjawab bagi mengakaunkan butiran itu hendaklah mencatatkan nombor resit pada daftar berkenaan. Daftar tersebut hendaklah disemak setiap hari

dengan Buku Tunai oleh pegawai penyelia bagi memastikan segala terimaan wang atau cek telah dikeluarkan resit dengan sempurna dan diakaunkan tanpa kelewatan. Semakan Audit mendapati daftar tersebut ada diselenggara dan disemak oleh pegawai penyelia. Bagaimanapun, catatan nombor resit tidak dibuat terhadap cek yang diterima.

39.2.5 Keselamatan Wang Tunai

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan wang tunai, cek dan sebagainya yang dipungut. Semua kutipan hasil hendaklah dibankkan pada hari yang sama kecuali hasil yang lewat diterima akan dibankkan pada hari berikutnya. Semakan terhadap terimaan wang tunai pada bulan April dan Oktober 2004 mendapati tidak ada kelewatan memasukkan wang ke bank. Bagaimanapun, semakan oleh pegawai bertanggungjawab ke atas slip masuk bank bagi tempoh tersebut tidak dilaksanakan.

39.2.6 Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309 Ketua Jabatan hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap wang runcit, kutipan hasil dan wang dalam simpanan. Semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak dijalankan pada tahun 2004 dan tiada daftar diselenggara bagi tujuan tersebut.

Pada pendapat Audit, kawalan hasil Majlis masih boleh dipertingkatkan dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

39.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Kawalan perbelanjaan merupakan aspek penting pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut tujuan yang ditentukan dan direkod dengan betul dan kemas kini. Selain itu, perbelanjaan hendaklah dilakukan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan supaya perolehan dapat diuruskan dengan cekap, berkesan dan tidak berlaku pembaziran. Pada tahun 2004, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM4.89 juta bagi perbelanjaan mengurus. Butiran lanjut mengenai perbelanjaan Majlis adalah seperti di **Jadual 35**:

Jadual 35
Perbelanjaan Majlis Sehingga Bulan Disember 2004

Bil.	Jenis Perbelanjaan	RM
1.	Emolumen	1,213,390
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	308,019
3.	Aset	44,978
4.	Pusat Latihan Sukan	1,332,818
5.	Program Sukan	1,667,511
6.	Bantuan Sukan	331,480
Jumlah		4,898,196

Sumber: Rekod perbelanjaan Majlis Sukan Pahang

Semakan Audit terhadap perbelanjaan Majlis mendapati perkara berikut:

39.3.1 Belanjawan

Majlis pada setiap tahun dikehendaki mengemukakan belanjawan tahunannya kepada Menteri Besar untuk kelulusan setelah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurus. Semakan Audit mendapati Majlis hanya menyediakan anggaran perbelanjaan sahaja tanpa anggaran pendapatan seperti kehendak Kaedah 13(1) Perintah Majlis Sukan Negara 1971 (Pindaan Jadual Kedua) 1988. Pihak Audit berpendapat anggaran yang disediakan seharusnya juga meliputi komponen pendapatan sebagai unsur kawalan supaya perbelanjaan yang dirancang seimbang dengan pendapatan.

39.3.2 Kawalan Belanjawan

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah meluluskan bajet Majlis yang merangkumi *One-Off* berjumlah RM500,000 dan peruntukan Dasar Baru berjumlah RM3.55 juta. Selain daripada peruntukan Kerajaan Negeri, Majlis juga menerima sumbangan daripada Majlis Sukan Negara tertakluk kepada setiap program yang dianjurkan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2004, peruntukan sebenar yang diterima daripada Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM4.19 juta termasuk sumbangan Majlis Sukan Negara berjumlah RM715,783 dan sejumlah RM37,250 telah diterima daripada Kerajaan Negeri sebagai pemberian imbuhan kepada atlet yang mewakili negara ke Sukan SEA Ke 22 di Vietnam. Majlis telah diarah oleh Kerajaan Negeri untuk menggunakan peruntukan tahun 2004 berjumlah RM369,943 bagi menampung perbelanjaan Program Sukan Remaja 2003 yang tidak mencukupi. Bagaimanapun, Majlis ada memohon peruntukan tambahan berjumlah RM369,943 daripada Kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan tersebut. Sehingga ke tarikh pemeriksaan Audit pada bulan November 2004, status permohonan tersebut belum mendapat sebarang maklum balas. Analisis ke atas beberapa butiran perbelanjaan Majlis juga mendapati sebanyak 4 butiran perbelanjaan Majlis telah terlebih dibelanjakan adalah seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Lebih Perbelanjaan Majlis Sehingga Bulan Disember 2004

Bil.	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Lebih Perbelanjaan (RM)
1.	Elaun Pembantu Penyelaras MSNM	56,820	58,597	1,777
2.	Pengurusan Makanan	500,000	591,609	91,609
3.	Kejohanan SUKMA	400,000	684,559	284,559
4.	Sukan Remaja	-	369,944	369,944
	Jumlah	956,820	1,704,709	747,889

Sumber: Rekod Buku Vot Majlis Sukan Pahang

Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara berikut:

39.3.3 Buku Vot

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 menggariskan dengan terperinci cara bagaimana Buku Vot perlu diselenggara. Semua perbelanjaan, tanggungan dan perubahan kepada peruntukan hendaklah dikawal melalui Buku Vot bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dilakukan tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Setiap transaksi hendaklah disahkan dan ditandatangani ringkas oleh Ketua Jabatan. Semakan Audit mendapati mulai tahun 2004, Majlis tidak menyelenggarakan Buku Vot secara manual sebaliknya segala catatan Buku Vot dibuat menerusi komputer. Walaupun ruangan seperti yang ditetapkan di dalam pekeliling ada disediakan tetapi kawalan terhadap penyediaan Buku Vot tidak dapat dipastikan terutamanya aspek berikut:

- a) Kelulusan pegawai bagi setiap kali transaksi ke Buku Vot dibuat.
- b) Semakan harian oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap Buku Vot.
- c) Ketepatan baki Buku Vot pada sesuatu masa.

Semasa lawatan dan pemeriksaan Audit pada bulan Oktober 2004, Majlis juga tidak dapat mengemukakan *hard copy* Buku Vot tahun 2004 untuk semakan kerana komputer gagal berfungsi. Semakan juga mendapati Majlis tidak mempunyai pakej perisian perakaunan berkomputer. Dengan itu, Majlis perlulah menyediakan Buku Vot ini secara manual melainkan Sistem Buku Vot Berkomputer digunakan.

39.3.4 Pesanan Pembelian Tempatan

Adalah didapati Majlis tidak memberi perwakilan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menandatangani borang Pesanan Pembelian Tempatan. Amalan Majlis sekarang ialah Pesanan ini hanya ditandatangani oleh Penolong Akauntan tanpa had tertentu yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pengeluaran borang Pesanan adalah tidak mengikut siri. Bagi Pesanan yang telah dibatalkan, adalah didapati pembatalan ke atasnya tidak dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa dan kesemua salinan tidak dicap "BATAL". Selain itu, pegawai penyelia tidak membuat semakan untuk menentukan nombor siri dalam Buku Pesanan adalah betul dan berturutan sebelum digunakan dengan menandatangani perakuan di helaiian hadapan Buku Pesanan.

39.3.5 Sebut Harga/ Tender

Majlis ada membuat perolehan barangan atau perkhidmatan bagi menjalankan aktiviti. Bagi tujuan melicinkan sistem perolehan ini, Majlis telah mewujudkan Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga bagi menilai tawaran tender yang dikeluarkan dan membuat pemilihan kontraktor bagi kerja yang dipelawa. Bagaimanapun pada tahun 2004, Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat kerana tiada urusan tender dan sebut harga dibuat. Tawaran tender hanya dibuat dua tahun sekali bagi bekalan makanan asrama.

39.3.6 Daftar Bil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, setiap Jabatan hendaklah menyelenggarakan Daftar Bil untuk merekodkan semua bil yang diterima daripada pembekal. Pembayaran terhadap bil hendaklah dibuat tidak melewati sebulan dari tarikh bil diterima. Kegagalan Majlis berbuat demikian akan menyulitkan pihak Majlis bagi menentukan pembayaran telah dibuat dengan segera. Daftar ini juga hendaklah diperiksa sekurangnya sekali sebulan oleh pegawai penyelia seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyelenggara Daftar Bil tetapi sebahagian besar ruangan catatan tarikh bil diterima tidak diisi dan tiada catatan mengenai sebab bagi bil yang lewat dibayar. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti penyemakan ada dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu ada beberapa bil lewat dibayar iaitu antara 1 hingga 6 bulan dan ada bil tahun 2003 dijelaskan sehingga pada bulan April 2004.

39.3.7 Daftar Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118(d) Daftar Cek Terbatal perlu disediakan sebagai rujukan untuk penggantian cek baru yang akan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyelenggara daftar tersebut dan sehingga bulan Disember 2004 sebanyak 84 cek bernilai RM184,719 telah dibatalkan dan sebab pembatalan cek ada dicatat di daftar tersebut. Adalah didapati sebanyak 32 cek bernilai RM76,295 telah diganti.

39.3.8 Penyata Penyesuaian Bank

Bagi memastikan ketepatan baki Buku Tunai, adalah wajar bagi Majlis menyesuaikan baki wang mengikut rekod Majlis dengan baki mengikut penyata bank. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2004, Majlis gagal menyediakan penyata penyesuaian bank pada bulan Januari hingga Oktober 2004. Kegagalan berbuat demikian boleh menyulitkan Majlis untuk mengesan sebarang kesilapan sama ada berlaku di pihak bank atau pihak Majlis sendiri. Tanpa penyata penyesuaian juga, Majlis tidak dapat memastikan kedudukan cek bayaran yang dikeluarkan tetapi belum ditunaikan dan cek yang dimasukkan ke bank oleh Majlis tetapi belum dikreditkan oleh pihak bank.

Pihak Audit berpendapat kawalan perbelanjaan Majlis perlu dipertingkatkan terutama terhadap Buku Tunai, Buku Vot dan Pesanan Pembelian Tempatan serta mewujudkan peraturan yang jelas mengenai kelulusan terhadap pembayaran.

39.4 PENGURUSAN PELABURAN

Majlis hanya mempunyai pelaburan simpanan tetap di institusi kewangan yang diluluskan. Sehingga bulan Oktober 2004, Majlis mempunyai simpanan tetap berjumlah RM100,000. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati pelaburan simpanan tetap yang dibuat telah dirujuk dan diluluskan oleh Pengerusi Majlis. Rekod mengenai pelaburan ada diselenggara oleh Majlis dengan lengkap dan kemas kini. Adalah didapati cek faedah simpanan tetap ada diterima oleh Majlis dan diakaunkan di Buku

Tunai. Bagaimanapun, sijil pelaburan yang telah matang tidak diperbaharui mengikut tarikh matangnya.

Pihak Audit berpendapat pelaburan Majlis telah diuruskan dengan baik dan rekod pelaburan telah diselenggarakan dengan kemas kini.

39.5 PENGURUSAN ASET

Aset Majlis terdiri daripada peralatan dan kelengkapan pejabat, peralatan sukan, kemudahan sukan, peralatan asrama dan kenderaan. Pada tahun 2004, Majlis diperuntukkan sejumlah RM100,000 untuk pembelian aset. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM44,978 telah dibelanjakan untuk membeli sebahagian harta modal seperti peralatan kemudahan sukan dan peralatan pejabat. Sehingga bulan Disember 2004, nilai keseluruhan aset tetap Majlis dilaporkan berjumlah RM4.88 juta. Butiran aset Majlis adalah seperti di **Jadual 37**:

Jadual 37
Kedudukan Aset Majlis Pada Tahun 2004

Bil.	Jenis Aset	Nilai (RM)
1.	Peralatan Dan Kelengkapan Pejabat	646,654
2.	Peralatan Sukan	3,714,695
3.	Kemudahan Sukan	79,475
4.	Peralatan Asrama	65,870
5.	Kemudahan Awam	58,300
6.	Kenderaan	313,606
Jumlah		4,878,600

Sumber: Rekod Daftar Harta Modal Majlis Sukan Pahang

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset yang diperolehi hendaklah dikawal dan direkodkan dengan sempurna untuk mengelak daripada kehilangan dan salah guna. Semua penyelenggaraan dan pergerakan aset pula hendaklah direkodkan di daftar yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap rekod aset mendapati perkara berikut:

39.5.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Daftar Harta Modal Dan Inventori diselenggara bagi merekodkan semua jenis harta modal yang diperolehi, maklumat pembelian, lokasi penempatan, pemeriksaan, pelupusan dan juga merekodkan semua penyelenggaraan seperti pembaikan dan pembelian alat ganti. Semakan Audit terhadap daftar ini mendapati perkara berikut:

- a) Lokasi penempatan tidak dinyatakan.
- b) Pemeriksaan terhadap Daftar Harta Modal dan Inventori tidak dilakukan seperti yang ditetapkan oleh Tatacara Pengurusan Stor.

- c) Nombor pendaftaran tidak dicatatkan dengan kekal di atas sebahagian daripada harta modal /inventori berkenaan.
- d) Tiada butiran berkenaan dengan pembaikan direkod di daftar berkenaan.

39.5.2 Pemeriksaan Fizikal

Pemeriksaan fizikal tidak dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa untuk menentukan bahawa barang berkenaan masih ada seperti dicatat di daftar.

39.5.3 Pengurusan Kenderaan

Majlis mempunyai 4 buah kenderaan rasmi yang terdiri daripada bas, kenderaan pacuan 4 roda, motosikal dan van. Kenderaan ini digunakan oleh Majlis untuk menjalankan aktiviti harian Majlis. Semakan Audit terhadap kad pendaftaran kenderaan mendapati 3 buah kenderaan Majlis iaitu 2 buah bas dan sebuah van adalah didaftarkan sebagai hak milik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

39.5.4 Penyelenggaraan Buku Log

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Buku Log hendaklah disediakan bagi semua kenderaan Jabatan. Buku Log hendaklah diselenggara dengan betul dan dicatat setiap kali perjalanan dibuat. Butiran yang perlu direkod ialah tujuan perjalanan, penggunaan bahan api dan nama pegawai yang memberi kuasa bila sesuatu perjalanan dilakukan. Semakan Audit terhadap 3 buah Buku Log mendapati perkara seperti berikut:

- a) Salinan asal Buku Log tidak diceraikan untuk simpanan pejabat.
- b) Nama dan tandatangan pegawai yang membenarkan penggunaan kenderaan tidak dicatat.
- c) Tiada bukti pegawai yang diberi kuasa memeriksa Buku Log setiap bulan.
- d) Pegawai yang menggunakan kenderaan tidak mengesahkan penggunaan kenderaan serta menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan.
- e) Sebahagian catatan mengenai tujuan perjalanan tidak dinyatakan.
- f) Jadual penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian tidak dicatat.
- g) Rekod penyelenggaraan kenderaan tidak disimpan di dalam fail individu berkenaan.

39.5.5 Pelupusan Aset Dan Inventori

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997 menggariskan panduan berkaitan urusan pelupusan aset dan barang yang lama dan usang. Semakan Audit mendapati beberapa aset tetap seperti komputer dan mesin pendua yang sudah tidak dapat digunakan masih disimpan di bilik stor. Bagi mengatasi kesesakan ruang stor tersebut, aset ini perlu dilupuskan. Majlis hendaklah menubuhkan satu Lembaga Pemeriksa untuk memeriksa aset tersebut dan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Pengurus untuk tindakan pelupusan seperti kehendak peraturan kewangan yang ditetapkan.

Pihak Audit berpendapat pengurusan aset dan inventori masih boleh dipertingkatkan terutamanya dari aspek penyelenggaraan Daftar Aset, Buku Log kenderaan, pemeriksaan tahunan serta tindakan pelupusan aset.

40. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis Sukan Pahang menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Kelemahan tersebut terutamanya melibatkan kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan serta pengurusan aset dan inventori. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah ditubuhkan selaras kehendak Pekeliling. Kursus berkaitan dengan pengurusan kewangan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat agar dapat meningkatkan kecekapan kakitangan ketika mengendalikan urusan kewangan Majlis.

MAJLIS DAERAH BENTONG

PENGURUSAN KEWANGAN

41. LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Bentong telah ditubuhkan pada bulan Julai 1981 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Fungsi dan tanggungjawab Majlis meliputi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial kawasan Bandar Bentong serta memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap. Pada bulan Januari 2001, Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah mewartakan kawasan Majlis Daerah Bentong seluas 1,105 km persegi di mana 335 km persegi adalah kawasan operasi. Sehingga akhir tahun 2004, Majlis memperolehi hasil berjumlah RM13.16 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM9.75 juta. Sejumlah RM10.57 juta atau 80% hasil Majlis adalah daripada kutipan cukai taksiran yang merupakan aktiviti utama Majlis. Bagi perbelanjaan pula sejumlah RM3.02 juta adalah untuk gaji dan elaun, manakala RM5.76 juta untuk bayaran perkhidmatan dan bekalan yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan Majlis.

42. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Majlis adalah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap kawalan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan dan pengurusan aset Majlis. Selain itu, penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini. Pengauditan meliputi tempoh dari bulan Januari hingga Ogos 2004. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dibuat.

43. PENEMUAN AUDIT

43.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan merupakan aspek yang penting untuk menentukan organisasi dapat berfungsi dengan lancar dan sempurna. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara berikut:

43.1.1 Struktur Organisasi

Merujuk kepada Kelulusan Perjawatan Bil. 16 Tahun 2003, bilangan perjawatan yang diluluskan kepada Majlis adalah sebanyak 155 iaitu terdiri daripada Yang Dipertua (Gred M48) dengan dibantu oleh 5 kakitangan Pengurusan dan Profesional dan 149 kakitangan Khidmat Sokongan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyediakan carta organisasi yang lengkap dan kemas kini serta mengasingkan tugas kepada kakitangannya mengikut fungsi. Mengikut senarai perjawatan, sebanyak 155 perjawatan telah diluluskan dan hanya 114 jawatan sahaja telah diisi. Jawatan tersebut

tidak termasuk kakitangan kontrak dan sambilan. Pada masa kini, Majlis telah melantik kakitangan kontrak seramai 13 orang dan kakitangan sambilan seramai 43 orang bagi memenuhi keperluan semasa Majlis.

43.1.2 Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja adalah panduan yang mengandungi objektif, fungsi, prosedur dan proses kerja bagi melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Pihak Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja.

43.1.3 Fail Meja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Fail Meja disediakan sebagai rujukan untuk kakitangan semasa menjalankan tugas setiap hari. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyediakan Fail Meja yang lengkap dengan senarai tugas, proses kerja, carta aliran kerja, senarai semakan dan norma kerja yang ditetapkan.

43.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, setiap Agensi Kerajaan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi membincang dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan kewangan. Jawatankuasa ini dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap 2 bulan. Bagaimanapun pada tahun 2002, Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Kewangan, Perkara-Perkara Am dan Pelaburan yang selaras dengan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan akaun Majlis. Pada tahun 2004, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 6 kali.

43.1.5 Kursus Dan Latihan Kakitangan

Kursus dan latihan yang bersesuaian perlu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan khususnya yang mengendalikan urusan kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, hanya 1 kursus kewangan sahaja telah dihadiri oleh seorang kakitangan.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun, Majlis perlu mengadakan lebih banyak kursus kewangan kepada kakitangan yang berkaitan.

43.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2004, hasil yang dipungut berjumlah RM13.16 juta. Sejumlah RM10.57 juta adalah kutipan cukai taksiran yang merupakan sumber hasil utama Majlis. Semakan Audit

mendapati penyelenggaraan rekod hasil seperti Buku Tunai, urusan pengeluaran resit rasmi dan membukukan resit telah dilaksana dengan sempurna.

43.2.1 Daftar Mel

Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi merekodkan penerimaan wang, dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos sebagaimana yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 71.

43.2.2 Keselamatan Wang Pungutan

Majlis hendaklah menjaga keselamatan pungutan wang tunai dan barangan berharga kepunyaan Majlis. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Serahan Wang Ke Bank

Serahan wang ke bank dilakukan pada setiap hari dengan menggunakan khidmat pengawal keselamatan. Slip kemasukan wang ke bank telah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab, direkodkan dengan teratur ke Buku Tunai dan telah disimpan dengan selamat.

b) Keselamatan Kaunter

Majlis mempunyai kawalan keselamatan kaunter yang baik dengan pemasangan jeriji besi di bahagian luar tempat penerimaan wang. Hanya kakitangan yang terlibat dengan urusan penerimaan wang sahaja dibenarkan berada di bilik kaunter. Majlis juga telah memaparkan notis pemberitahuan kepada orang awam supaya meminta resit selepas bayaran dibuat seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 61.

c) Peti Besi

Menurut Arahan Perbendaharaan 126 (a), semua wang tunai, cek, setem, buku kaunterfoil hasil, dokumen dan barang lain yang berharga yang diterima hendaklah disimpan dengan selamat dalam peti besi atau bilik kebal dengan segera. Pihak Audit mendapati Majlis ada menggunakan peti besi. Pemeriksaan Audit terhadap kandungan peti besi tersebut mendapati ia telah digunakan untuk menyimpan wang kutipan yang tidak sempat dibankkan.

d) Pemeriksaan Oleh Ketua Jabatan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 80 (b), pegawai penyelia hendaklah memastikan bahawa semua akaun mereka adalah betul dan memeriksa kesemua catatan yang dibuat di Buku Tunai setiap hari. Semakan Audit mendapati pegawai yang dipertanggungjawabkan di Majlis telah mematuhi arahan tersebut.

e) Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan atau wakilnya dikehendaki melakukan pemeriksaan mengejut setiap 6 bulan sekali. Adalah didapati Majlis

tidak menyelenggara Daftar Pemeriksaan Mengejut dan oleh itu pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan mengejut telah dibuat ke atas wang kutipan dan juga rekod yang berkaitan.

f) Daftar Cek Tidak Laku

Mengikut Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994 Daftar Cek Tidak Laku hendaklah diselenggarakan bagi memudahkan proses tuntutan kembali bayaran daripada pembayar. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyelenggara daftar tersebut mengikut format yang dikehendaki kerana tidak memasukkan maklumat mengenai penggantian cek atau tunai. Sehingga bulan Ogos 2004, Majlis telah menerima 13 keping cek tidak laku bernilai RM9,466.

43.2.3 Pengurusan Hasil

a) Cukai Taksiran

Bahagian Penilaian Dan Pengurusan Harta Majlis adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan cukai taksiran. Cukai taksiran yang sepatutnya diterima pada tahun 2004 adalah berjumlah RM10.99 juta. Pada tahun 2004, cukai taksiran berjumlah RM10.57 juta telah berjaya dikutip. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

Sehingga bulan Ogos 2004, sejumlah RM3.88 juta cukai taksiran telah tertunggak. Analisis Audit terhadap tunggakan cukai ini mendapati sebanyak 379 pegangan mempunyai tunggakan cukai melebihi RM2,000 manakala 4,866 pegangan melibatkan tunggakan kurang dari RM2,000. Majlis telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis tuntutan kepada setiap pemilik harta, mengutip tunggakan melalui khidmat peguam, memberi kemudahan bayaran secara ansuran dan menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan aset pemilik harta secara kontra.

ii) Bil Cukai Taksiran Dikembalikan

Sehingga bulan Ogos 2004, sebanyak 166 bil berjumlah RM261,574 telah dikembalikan daripada 195 bil cukai taksiran yang diposkan kerana pemilik telah bertukar alamat.

b) Hasil Sewaan

Sehingga bulan Ogos 2004, Majlis telah memungut hasil sewaan berjumlah RM141,111. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Tunggakan Sewaan

Sehingga bulan Ogos 2004, sewa tertunggak berjumlah RM90,099 melibatkan 306 penyewa bangunan dan gerai Majlis. Tunggakan ini adalah disebabkan

oleh penyewa enggan membayar sewa, perniagaan ditamatkan tanpa sebarang notis dan hutang lapuk. Majlis telah mengambil tindakan dengan menghantar Notis Amaran Terakhir dan Notis Menarik Balik kepada penyewa yang mempunyai tunggakan.

ii) Gerai Majlis Yang Belum Disewakan

Pada bulan Oktober 2004, sebanyak 171 daripada 605 gerai milik Majlis masih tidak disewakan. Ada antaranya telah berlanjutan sejak dari tahun 1995. Mengikut penjelasan Majlis pihaknya telah mengambil tindakan dengan membuat tawaran kepada orang awam tetapi sambutan yang diterima tidak begitu menggalakkan.

c) Penyata Penyesuaian Hasil

Sehingga bulan Ogos 2004, Majlis tidak menyediakan penyata penyesuaian hasil pada setiap bulan seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 143(b).

Pada pendapat Audit, kawalan hasil Majlis boleh diperkemas lagi. Majlis perlu mengambil tindakan tegas terhadap penyewa yang masih mempunyai tunggakan sewa.

43.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2004, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM10.44 juta bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan yang telah dilakukan adalah sejumlah RM9.75 juta .

43.3.1 Perwakilan Kuasa Meluluskan Pembayaran

Mengikut Arahan Perbendaharaan 101 Pegawai Pengawal boleh mewakilkan kuasa kepada pegawai bawahannya untuk memperakui baucar bayaran. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai yang terlibat dengan urusan pembayaran telah diberi kuasa secara bertulis.

43.3.2 Buku Vot Berkomputer

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1992 telah menetapkan garis panduan untuk penyelenggaraan Buku Vot Berkomputer. Semakan Audit mendapati Majlis telah menggunakan sistem Buku Vot Berkomputer yang mempunyai unsur kawalan terhadap penggunaan peruntukan dan pengesahan oleh pegawai yang bertanggungjawab secara penggunaan kata laluan bagi setiap transaksi yang hendak dilakukan. Bagaimanapun, beberapa penambahbaikan seperti laporan semakan antara Buku Vot dengan Buku Tunai oleh pegawai bertanggungjawab dan laporan *Log In* dan *Log Out* sistem perlu diwujudkan. Pegawai yang bertanggungjawab telah menyemak Buku Vot dengan Buku Tunai secara bulanan. Selain itu, Majlis telah meminta pihak vendor memperkemas ciri keselamatan dan kawalan sistem Buku Vot Berkomputer yang digunakan.

43.3.3 Kawalan Perolehan

Pada tahun 2004, sebanyak 135 sebut harga berjumlah RM4.28 juta telah dikeluarkan bagi melaksanakan projek pembangunan. Bagaimanapun, tidak ada sebarang tender dikeluarkan pada tempoh tersebut. Semakan Audit mendapati rekod sebut harga telah diselenggarakan dengan lengkap dan mematuhi peraturan. Selain itu, Jawatankuasa Sebut Harga juga telah dilantik.

43.3.4 Daftar Bil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, semua bil perlu dibayar dengan segera tidak lewat sebulan dari tarikh bil diterima. Daftar Bil mengikut format yang ditetapkan hendaklah diselenggarakan bagi mengawal pembayaran bil daripada berlaku sebarang kelewatan. Semakan Audit mendapati walaupun Majlis tidak menyelenggarakan Daftar Bil secara manual namun sistem perakaunan berkomputer yang digunakan telah dapat mengesan bil yang belum dibayar.

43.3.5 Daftar Pembayaran

Mengikut Arahan Perbendaharaan 98(a), Daftar Pembayaran perlu diselenggarakan mengikut format yang ditetapkan untuk merekodkan butiran mengenai semua wang tunai dan cek terbuka yang dikeluarkan atau diterima untuk dibahagikan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyelenggara Daftar ini seperti yang dikehendaki.

43.3.6 Daftar Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, Daftar Cek Terbatal perlu disediakan bagi merekodkan butiran cek terbatal dan penggantian cek baru. Semakan Audit mendapati walaupun Majlis ada menyelenggarakan Daftar tersebut namun maklumat berkaitan penggantian cek tidak direkodkan. Oleh itu, sebanyak 93 keping cek bernilai RM807,639 yang dibatalkan tidak dapat ditentukan sama ada telah diganti atau sebaliknya.

43.3.7 Penyata Penyesuaian Bank

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki penyata penyesuaian bank disediakan pada setiap akhir bulan. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyediakan penyata penyesuaian bank pada setiap akhir bulan.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Majlis adalah memuaskan.

43.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada tahun 2004, Majlis ada membuat pelaburan simpanan tetap sejumlah RM2 juta di sebuah institusi kewangan yang dibenarkan. Majlis juga telah melaburkan sejumlah RM1.33 juta saham amanah di sebuah institusi kewangan sejak tahun 2000. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan Majlis mendapati perkara berikut:

43.4.1 Kerugian Pelaburan

Adalah didapati pelaburan saham amanah Dana Al-Ihsan telah dibuat pada tahun 2000 sejumlah RM1.33 juta. Bagaimanapun pada bulan November 2004, Majlis telah menjual saham ini dengan nilai RM1.2 juta iaitu kerugian sejumlah RM130,423.

43.4.2 Rekod Pelaburan

Rekod mengenai pelaburan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Maklumat seperti nombor sijil, tarikh matang, nilai pelaburan dan faedah diterima telah diakaunkan dengan sempurna.

Pada pandangan Audit, Majlis telah menguruskan rekod pelaburannya dengan baik.

43.5 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Majlis menguruskan Akaun Pinjaman Kenderaan dan Komputer. Majlis juga telah mengendalikan Akaun Deposit iaitu Deposit Sewa Bahagian Penilaian Harta, Deposit Kerja Unit Teknikal, Deposit Lesen Hiburan Bahagian Pelesenan dan Deposit Sijil Layak Menduduki. Sehingga akhir tahun 2004, sejumlah RM832,581 deposit telah diterima menerusi 4 akaun deposit tersebut. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit mendapati perkara seperti berikut:

43.5.1 Akaun Pinjaman Kenderaan Dan Komputer

Majlis telah menubuhkan Akaun Pinjaman Kenderaan dan Komputer untuk kemudahan kakitangan Majlis dengan dana berjumlah RM75,000. Adalah didapati akaun pinjaman telah dikendalikan selaras dengan peraturan dan daftar pinjaman telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

43.5.2 Baki Akaun Deposit

Adalah didapati baki akaun deposit di daftar berjumlah RM593,592 manakala baki di lejar kawalan RM820,072. Ini menunjukkan wujud perbezaan sejumlah RM226,480. Perbezaan ini adalah disebabkan Majlis tidak membuat penyesuaian antara daftar dengan lejar kawalan.

43.5.3 Deposit Belum Dikembalikan

Semakan Audit terhadap daftar deposit mendapati sehingga bulan Ogos 2004, sejumlah RM69,589 masih dipegang oleh Majlis walaupun kerja yang terlibat telah disiapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, perbezaan pada Akaun Deposit perlu dikenal pasti dan disesuaikan antara daftar dengan lejar kawalan.

43.6 PENGURUSAN ASET

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, aset hendaklah dikawal dan direkodkan dengan sempurna. Pada tahun 2004, aset yang dimiliki Majlis adalah berjumlah RM25.82 juta yang terdiri daripada tanah, bangunan, kenderaan dan kelengkapan pejabat. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati perkara berikut:

43.6.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, setiap perolehan harta modal hendaklah direkodkan di Daftar Harta Modal dan Inventori. Adalah didapati Majlis telah menyelenggarakan Daftar Harta Modal dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini.

43.6.2 Pemeriksaan Aset

Pemeriksaan oleh Ketua Jabatan terhadap harta modal dan inventori perlu dilakukan sekali setiap 2 tahun sebagaimana kehendak Tatacara Pengurusan Stor. Semakan Audit mendapati Majlis tidak melaksanakan pemeriksaan asetnya sebagaimana yang dikehendaki.

43.6.3 Pengurusan Kenderaan

Majlis memiliki sebanyak 39 buah kenderaan iaitu 15 buah lori, lima kenderaan pacuan empat roda, empat van, empat jentera berat, sebuah bas, sembilan motosikal dan sebuah kereta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Pegawai Pengangkutan

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, setiap Agensi Kerajaan yang mempunyai lebih 20 buah kenderaan dikehendaki melantik Pegawai Pengangkutan yang mempunyai kelulusan mekanikal untuk menguruskan hal ehwal kenderaan berkenaan. Adalah didapati Majlis telah memberi tanggungjawab pengurusan kenderaan kepada Penolong Pegawai Tadbir yang tidak mempunyai kelulusan mekanikal.

b) Buku Log Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki Pegawai Pengangkutan memastikan Buku Log disediakan bagi semua kenderaan dan diselenggarakan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit terhadap Buku Log bagi 39 buah kenderaan mendapati perkara seperti berikut:

- i) Pegawai yang menggunakan kenderaan tidak menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan.
- ii) Pegawai yang bertanggungjawab tidak memeriksa Buku Log setiap bulan.
- iii) Jadual penyenggaraan, pembaikan dan pertukaran alat ganti ada dicatatkan di Buku Log tetapi tidak disahkan oleh pegawai bertanggungjawab.

c) Penggunaan Kad Inden Minyak

Majlis menggunakan kad inden minyak bagi mendapatkan bekalan bahan api daripada syarikat minyak yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 33 keping kad inden telah diluluskan bagi keperluan 33 buah kenderaan. Pada tahun 2004, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM49,200 bagi bekalan bahan api. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i) Penggunaan minyak bagi setiap kad inden dihadkan kepada RM300 sehari atau tidak melebihi RM3,000 sebulan termasuk motosikal.
- ii) Daftar Pergerakan Kad Inden tidak lengkap antaranya seperti tarikh kad diambil dan dikembalikan tidak direkodkan, tandatangan pemandu dan penerima kad tidak diperturunkan.

43.6.4 Pelupusan

Pada tahun 2004, Majlis telah melupuskan 4 buah kenderaan iaitu sebuah Trailer Tangki Air, sebuah Lori Rigid Tangki Air, sebuah Lori Rigid Kargo Am dan sebuah bas. Semakan Audit terhadap pelupusan kenderaan mendapati perkara berikut:

- a) Proses pelupusan telah dibuat mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.
- b) Sijil Tidak Ekonomik ada diperolehi dari pihak Jabatan Kerja Raya dengan nilai pelupusan RM21,090.
- c) Hasil berjumlah RM16,970 telah diperolehi daripada jualan 4 buah kenderaan tersebut.

43.6.5 Pengambilalihan Kenderaan Oleh Syarikat Swasta

Berikutan perjanjian penswastan sisa pepejal antara Majlis dengan syarikat swasta pada tahun 1998, sebanyak 12 buah kenderaan Majlis yang bernilai RM398,800 telah diserahkan kepada syarikat tersebut. Sehingga akhir tahun 2004, proses pemindahan hak milik kenderaan tersebut belum disempurnakan kerana kaedah pembayaran oleh syarikat berkenaan belum lagi diputuskan.

Pada pendapat Audit, kawalan penggunaan kenderaan perlu dipertingkatkan dengan mengemas kini Buku Log dan mengawal penggunaan kad inden minyak.

44. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Majlis Daerah Bentong menunjukkan beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Kelemahan tersebut melibatkan kawalan hasil, akaun amanah, deposit dan pengurusan aset. Tunggakan cukai taksiran dan sewa perlu diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Penyesuaian akaun deposit perlu dilakukan pada setiap bulan. Sementara deposit yang masih belum dikembalikan perlu diambil tindakan segera. Majlis juga hendaklah mengadakan pemeriksaan tahunan terhadap aset seperti yang ditetapkan.

LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG

PENGURUSAN LADANG SUNGAI RASAU

45. LATAR BELAKANG

45.1 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (Lembaga) adalah Agensi yang bertanggungjawab untuk memajukan pembangunan perusahaan pertanian secara intensif dan berterusan. Matlamat utama Lembaga adalah untuk menjadikan sektor perladangan sebagai teras kegiatan utama di samping mempertingkatkan produktiviti dan keuntungan perladangan. Lembaga juga berperanan mempertingkatkan aktiviti dan penggunaan teknologi tinggi di bidang perladangan dan pengeluaran bahan mentah untuk menyokong pembangunan industri berasaskan pertanian dan pengeluaran bahan makanan yang berkualiti. Sektor perladangan kelapa sawit masih merupakan aktiviti teras kepada pembangunan Lembaga kerana kestabilan harga komoditi tersebut. Sehubungan itu, Lembaga menumpukan kepada pembangunan ladang kelapa sawit bagi memantapkan kedudukan kewangannya. Pengurusan ladang milik Lembaga diuruskan oleh 2 Agen Pengurusan yang juga merupakan syarikat subsidiari Lembaga dan surat perjanjian telah ditandatangani pada pertengahan bulan Disember 1994 dan pada awal bulan Julai 2000. Pembahagian pengurusan ladang yang diuruskan oleh Agen Pengurusan berdasarkan peratusan kepentingan Lembaga melibatkan 24 ladang diuruskan oleh Agen Pengurusan milik penuh Lembaga. Manakala sebuah ladang diuruskan oleh Agen Pengurusan yang memiliki 35% kepentingan Lembaga.

45.2 Sehingga bulan September 2004, Lembaga mempunyai 15 buah ladang matang sepenuhnya seluas 14,089 hektar dan 10 buah ladang di peringkat hasil belum matang seluas 10,387 hektar. Ladang matang adalah tanaman kelapa sawit yang telah mencapai umur 5 tahun ke atas sementara ladang yang belum matang adalah tanaman kelapa sawit yang berumur 5 tahun ke bawah. Sehingga kini, Lembaga telah membangunkan seluas 25,617 hektar ladang kelapa sawit. Ladang Sungai Rasau merupakan salah satu daripada 15 buah ladang matang milik Lembaga yang dikendalikan oleh Agen Pengurusan. Pemilihan ladang ini adalah berdasarkan keupayaan prestasi pengeluaran ladang tersebut yang merupakan ladang kelapa sawit tanah gambut pertama di Pahang. Ladang kelapa sawit ini mempunyai keluasan 851 hektar dengan keadaan topografi yang rata dengan 47% bertanah gambut dan selebihnya berpaya.

46. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan ladang Sungai Rasau telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi memaksimumkan pulangan kepada Lembaga.

47. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian pengurusan Ladang Sungai Rasau bagi tempoh 2001 hingga pada bulan September 2004 merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Tumpuan pengauditan diberi terhadap penyelenggaraan ladang dan penuaian buah kelapa sawit seperti yang dirancang agar dapat memberi pulangan yang maksimum. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat yang diperolehi daripada dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, jadual kerja, fail serta rekod lain yang berkaitan. Temu bual juga dibuat dengan pegawai yang terlibat dan pekerja ladang untuk mendapatkan penjelasan. Lawatan ke ladang dan kilang pemprosesan sawit turut dijalankan.

48. PENEMUAN AUDIT

48.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti merupakan satu aspek pengurusan yang penting bagi menjayakan sesebuah ladang. Tanpa perancangan yang rapi, pengurusan akan menghadapi banyak masalah semasa membuat keputusan dan ini akan menjejaskan keluaran hasil ladang serta keuntungan yang akan diperolehi. Aspek perancangan meliputi perkara berikut:

48.1.1 Dasar Pengurusan Ladang

Mengikut keputusan yang dibuat oleh Lembaga, kesemua ladang milik Lembaga akan diuruskan oleh syarikat subsidiari yang dilantik sebagai Agen Pengurusan. Ini adalah berikutan dengan matlamat utama Lembaga untuk memaksimumkan pulangan hasil serta memperluaskan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan pemindahan teknologi tinggi. Agen Pengurusan yang dilantik mempunyai kepakaran untuk menguruskan ladang kelapa sawit dan mencapai matlamat Lembaga. Selaras dengan dasar yang diputuskan oleh Lembaga, Perjanjian Pengurusan AI-Mudharabah telah ditandatangani antara Lembaga dengan Agen Pengurusan untuk membangun dan menguruskan ladang milik Lembaga dengan menggunakan segala kepakaran dan teknologi yang sedia ada. Agen juga akan bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan ladang termasuk pembukaan dan pembersihan ladang, penyemaian, penanaman, penyelenggaraan sebelum matang, penuaian, pemprosesan dan pengangkutan.

48.1.2 Peraturan Dan Prosedur

Agen Pengurusan dan Lembaga bersetuju akan menerima pakai beberapa panduan dan manual terbitan seperti *Field Handbook Oil Palm Series*, *Oil Palm Cultivation And Management* dan *Pocket Guide Oil Palm Series – Mature*. Manual ini menjelaskan dengan terperinci berkenaan proses penjagaan benih, penjagaan pokok kelapa sawit bermula dari tapak semaian awal sehingga dipindahkan ke tapak semaian utama dan

seterusnya ke ladang. Proses lain termasuklah penyediaan tapak, bekalan benih, penanaman benih, perlindungan benih, tanaman tutup bumi, kawalan rumput, serangga perosak, penyakit, pembajaan dan sebagainya. Selain itu, Lembaga dan Agen Pengurusan hendaklah mematuhi piawaian seperti Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA), *Estimated Yield of Palm Oil and Palm Kernel* oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

48.1.3 Sasaran Dan Matlamat Pengurusan

Matlamat Lembaga untuk menjadikan sektor perladangan sebagai teras kegiatan utama dan memastikan produk yang dikeluarkan mendapat pasaran yang meluas dengan harga yang terbaik serta memenuhi kehendak pelanggan. Lembaga akan merangka beberapa strategi untuk mencapai matlamat tersebut. Antara strategi yang dirangka adalah seperti pembukaan kawasan baru secara berterusan, mewujudkan kumpulan tenaga pengurusan yang cekap, berilmu, mahir, berdedikasi dan memastikan peningkatan produktiviti ladang melalui pengurusan berteknologi tinggi yang terancang. Semasa Rancangan Malaysia Kelapan, Lembaga merancang pembukaan ladang baru seluas 25,000 hektar dengan kos berjumlah RM136 juta. Lembaga menjangkakan pulangan pendapatan tahunan bagi sektor perladangan adalah sebanyak 62% daripada keseluruhan pendapatannya.

48.1.4 Komponen Pengurusan Ladang

Lembaga telah merancang dan menetapkan pengurusan ladang yang akan dilaksanakan oleh Agen Pengurusan meliputi komponen seperti berikut:

a) Pembersihan Kawasan

Kerja pembersihan kawasan akan dilaksanakan oleh pemborong dan Agen Pengurusan akan mengawal kerja dengan rapi mengikut cara dan spesifikasi kerja. Program kerja hendaklah mengambil kira keadaan cuaca dan tempoh mula kerja membersihkan kawasan sehingga penanaman kelapa sawit meliputi tempoh 8 hingga 10 bulan.

b) Semaian

Tanaman yang baik bermula dari benih yang baik serta pengeluaran dari tapak semaian bermutu tinggi. Operasi penyemaian mestilah dilaksanakan dengan betul dan perhatian serta tumpuan hendaklah diberi kepada menyiram, membaja dan memilih benih yang baik.

c) Jalan/Lorong/Pembetong

Semua jalan yang dibina mestilah boleh dilalui dan digunakan setiap masa dan musim. Permukaan jalan akan ditabur dengan *laterite* supaya jalan boleh digunakan setiap musim.

d) Sistem Pengairan Di Ladang

Pengairan di ladang kelapa sawit akan dibina supaya air yang berlebihan sahaja dialirkan keluar dari ladang. Keperluan paras air di ladang perlu dititikberatkan sebelum menentukan saiz saluran yang perlu dibuat. Bagi mengelak paras air melebihi permukaan tanah, pembinaan saluran yang bersesuaian dengan keadaan semula jadi kawasan ladang adalah diperlukan.

e) Sungkupan

Sungkupan dilaksanakan selepas pokok ditanam bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan. Tandan kosong digunakan sebagai bahan sungkupan ke atas kawasan lebih daripada 75% berpasir, tanah yang cetek, kekurangan air, tanah berasid sulfat dan tanah yang terlampau padat.

f) Merumput

Kerja merumput adalah kerja membersihkan rumput keliling pokok bertujuan untuk memudahkan kerja pembajaan.

g) Pembajaan

Pokok kelapa sawit mengalami peringkat pertumbuhan yang aktif pada peringkat belum matang dan memerlukan banyak elemen nutrien untuk tumbesaran. Pembajaan yang teratur akan membantu pertumbuhan pokok sawit serta memberi pulangan yang tinggi.

h) Kawalan Penyakit Dan Perosak

Berbagai jenis penyakit dan perosak perlu dikawal untuk mengelakkan serangan perosak. Kawalan dilakukan secara mekanikal dan biologi seperti penanaman tutup bumi.

i) Pemangkasan

Pemangkasan akan dilakukan pada setiap pusingan penuaian dengan memotong pelepah di sekeliling pokok dan meninggalkan hanya 1 pelepah ke bawah daripada buah.

j) Penuaian

Penuaian akan dilakukan mengikut jadual dan tuaian akan dilakukan sekiranya ada 1 biji buah kelapa sawit gugur ke tanah.

k) Pemasaran

Pemasaran buah akan dilakukan oleh Agen Pengurusan dengan mengambil kira piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

I) Pembahagian Keuntungan

Pembahagian keuntungan adalah atas kadar 25% bagi Agen Pengurusan dan 75% kepada Lembaga.

48.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Lembaga telah menetapkan 2 kaedah pelaksanaan pengurusan ladang yang melibatkan Lembaga dan Agen Pengurusan. Kaedah ini meliputi tugas dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh kedua pihak:

a) Pelantikan Agen

Selaras dengan dasar Lembaga pengurusan ladang akan diserahkan kepada Agen Pengurusan melalui Perjanjian Pengurusan Al-Mudharabah. Agen perlu menyediakan bajet tahunan dan akan dibentangkan serta diluluskan oleh Lembaga. Agen juga dikehendaki mengemukakan laporan prestasi ladang pada setiap bulan kepada Lembaga. Agen juga diberi kuasa untuk melantik pemborong bagi tujuan pengurusan aktiviti ladang. Mengikut perjanjian, telah dipersetujui bahawa Agen Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan ladang secara profesional tanpa campur tangan oleh Lembaga, terutama perkara soal berikut:

- i) Akan melantik pemborong berdasarkan tender dan menentukan keperluan bekalan input pertanian seperti baja, benih, kimia, peralatan yang diperlukan, jentera dan tenaga kerja.
- ii) Akan memastikan kerja yang dijalankan seperti pembajaan dan meracun mengikut Rancangan Kerja Tahunan yang disediakan.
- iii) Akan membuat tuntutan bayaran kemajuan berasaskan bajet tahunan ladang yang diluluskan.
- iv) Akan memastikan penyelenggaraan ladang dijalankan mengikut jadual dan spesifikasi.
- v) Akan memastikan penyeliaan dan pengawasan ladang dilakukan kepada kerja penuaian, pembajaan, amalan teknologi pengeluaran dan penyeliaan pekerja.
- vi) Agen Pengurusan akan melantik seorang Pengurus Ladang serta kakitangan pentadbiran di ladang untuk mengurus dan menyelia ladang.

b) Memorandum Perjanjian

Satu memorandum perjanjian antara Agen Pengurusan dengan pemborong akan disediakan yang mengandungi syarat perjanjian seperti berikut:

- i) Pemborong akan menyediakan peralatan, pengangkutan dan tenaga kerja yang mencukupi dan akan menyiapkan kerja yang telah ditetapkan tepat pada masa yang dipersetujui.
- ii) Kegagalan menyiapkan kerja pada masa yang ditetapkan akan dikenakan denda RM25 sehari setelah tarikh siap yang sepatutnya.

- iii) Bayaran pendahuluan hanya akan dibayar berdasarkan 70% kerja yang dijalankan sementara wang tahanan 5% akan dikenakan pada setiap pembayaran dan akan dikembalikan selepas tamat 3 bulan perjanjian ini.
- iv) Pemborong akan menggunakan pekerjaanya sendiri dan akan bertanggungjawab ke atas pekerjaanya serta perlindungan insurans bagi kemalangan dan kecederaan.
- v) Sekiranya pemborong tidak menjalankan kerja dengan baik dan sempurna, satu notis akan dikeluarkan dan pihak pengurusan ladang berhak mengambil pekerja lain bagi meneruskan projek ini sekiranya pemborong gagal menyiapkannya dan pemborong akan bertanggungjawab terhadap segala kerugian.

48.1.6 Komponen Dan Spesifikasi Kerja Pemborong

a) Kerja Memangkas Dan Pembersihan

- i) Pemborong yang akan dipilih perlu menyediakan pekerja yang mahir, peralatan yang mencukupi dan sentiasa berkeadaan baik. Peralatan seperti pahat dengan mata berukuran antara 10 cm atau 12.5 cm dan sabit bergalah perlulah sentiasa tajam.
- ii) Kerja memotong pelepah akan dilakukan pada setiap pusingan penuaian.
- iii) Semua pelepah di sekeliling pokok akan dipotong dan hanya 1 pelepah ke bawah daripada buah akan ditinggalkan. Pemborong akan memastikan semua pelepah tua atau kering dan pelepah gantung dipotong dan tidak ada yang tertinggal di pokok.
- iv) Pemborong akan memastikan semua pelepah dipotong rapat ke pangkal pokok (10 – 15 cm dari pangkal pelepah) agar tiada biji lerai yang terlekat pada pelepah semasa menuai.
- v) Kesemua pelepah yang dipotong akan disusun di lorong pelepah dan parit yang disediakan.
- vi) Pengurus Ladang akan memastikan kerja ulangan perlu dibuat jika mutu kerja tidak memuaskan. Pembayaran sepenuhnya hanya akan dibuat setelah Pengurus Ladang berpuas hati dengan mutu kerja yang dibuat.

b) Penuaian Buah Tandan Segar

- i) Bagi penuaian Buah Tandan Segar pemborong akan menyediakan pekerja dan peralatan yang mencukupi dan sesuai dengan keperluan penuaian Buah Tandan Segar seperti pahat, sabit bergalah, kapak kecil, kereta sorong dan beg untuk mengisi biji lerai.
- ii) Pemborong akan memastikan kerja penuaian dilakukan mengikut jadual *Interval Harvesting* yang ditetapkan iaitu setiap pusingan ialah 12 hari.
- iii) Pemborong akan memastikan hanya buah kelapa sawit masak (berwarna oren kemerahan dan ada 1 biji gugur ke tanah) sahaja yang perlu dituai dan semua buah masak akan dituai mengikut pusingan. Denda sejumlah RM5.00 setandan akan dikenakan ke atas setiap buah muda yang dituai.

- iv) Pemborong akan memastikan semua buah masak dituai pada setiap pusingan menuai. Jika ada buah masak yang tidak dituai pada pusingan itu, denda sejumlah RM10.00 setandan akan dikenakan.
- v) Pangkal tandan Buah Tandan Segar akan dipotong kurang 5 cm berbentuk *V-Shape*.
- vi) Semua biji lerai (di bawah pokok, di lorong tuai dan di dalam parit) akan dikutip. Jika ada yang tertinggal, denda sejumlah RM2.00 sepokok akan dikenakan atau pihak ladang akan melaksanakan kerja tersebut dan segala kos akan ditanggung oleh pihak pemborong.
- vii) Jika penuaian dibuat bersama *progressive pruning* (pelepah dipotong ketika menuai), bukan sahaja pelepah yang menyokong tandan sahaja akan dipotong, sebaliknya pelepah yang kering dan berlebihan di sekeliling pokok juga akan dipotong. Semua pelepah yang akan dipotong hendaklah disusun dengan kemas di lorong pelepah atau di dalam parit yang telah disediakan.

c) Pengangkutan Buah Tandan Segar

- i) Pemborong akan memastikan kerja pengangkutan Buah Tandan Segar dari ladang ke kilang sawit tidak melebihi tempoh masa 24 jam selepas kerja penuaian dibuat.
- ii) Sebelum penghantaran Buah Tandan Segar ke kilang dijalankan, pemborong akan terlebih dahulu mendapatkan resit hantaran daripada pegawai yang bertugas di pos jaga (*main gate*) atau di pejabat ladang. Resit hantaran akan dikembalikan semula kepada pihak ladang dalam masa 24 jam.
- iii) Pemborong akan memastikan tiada Buah Tandan Segar dan biji lerai yang tertinggal di *platform*. Jika ada Buah Tandan Segar dan biji lerai tidak diangkut, denda RM5.00 *seplatform* akan dikenakan.
- iv) Semua Buah Tandan Segar akan dihantar ke Kilang Pemprosesan Sawit yang ditetapkan sahaja.
- v) Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada jumlah metrik tan Buah Tandan Segar yang dikeluarkan dan akan dirujuk juga kepada jumlah metrik tan yang ada pada rekod timbangan ladang yang dicatat di ladang dan di kilang.
- vi) Pemborong akan mengikut segala arahan yang diberikan oleh pihak ladang dari semasa ke semasa. Segala kelewatan penghantaran Buah Tandan Segar dan kerja yang tidak memuaskan akan diambil tindakan dan pihak ladang akan mengambil alih kerja tersebut.

Agen Pengurusan dikehendaki menghantar Buah Tandan Segar ke kilang miliknya yang berhampiran dengan ladang. Harga akan ditentukan oleh pihak kilang mengikut standard yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

d) Perancangan Kerja Tahunan

Pada setiap tahun Agen Pengurusan dikehendaki menyediakan Rancangan Kerja Tahunan yang akan mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja dengan menyatakan

aktiviti penyelenggaraan ladang, lokasi dan bilangan tenaga kerja yang akan diperlukan. Rancangan Kerja Tahunan ini bertujuan untuk memudahkan Agen Pengurusan ladang melaksanakan semua aktiviti ladang dengan teratur dan terancang berdasarkan garis panduan yang diterima pakai. Bagi ladang matang seperti Ladang Sungai Rasau antara aktiviti yang dirancang adalah seperti meracun bulatan yang diadakan 3 kali setahun, meracun pilihan sebanyak 3 kali setahun, memangkas dilakukan secara *progressive pruning* setiap bulan, pembasmian lalang sebanyak 3 kali setahun, kawalan serangga perosak dan penyakit dilakukan sekali setahun dan membaja selama 3 bulan sekali mengikut pusingan.

48.1.7 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Struktur organisasi yang jelas dan kakitangan yang mencukupi serta berpengalaman adalah merupakan faktor yang akan menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan ladang. Secara amnya, pengurusan ladang kelapa sawit Sungai Rasau dikendalikan pada 2 peringkat iaitu:

- a) Agen Pengurusan diketuai oleh Pengarah Urusan akan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk menguruskan ladang daripada peringkat penyelenggaraan, pengeluaran dan pemasaran.
- b) Di peringkat ladang, operasi harian akan diselia oleh Pengurus dengan dibantu oleh Penolong Pengurus dan pelatih serta 8 kakitangan ladang.

48.1.8 Keperluan Kewangan

Agen Pengurusan akan menyediakan bajet suku tahun dan setengah tahun manakala bajet tahunan yang dikemukakan kepada Lembaga adalah untuk kelulusan. Bajet ini akan mengandungi komponen Anggaran Hasil dan Anggaran Kos Pengurusan setiap tahun. Berdasar kepada Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah RM136 juta diperlukan bagi pembiayaan pengurusan ladang ini termasuk ladang yang baru dibuka dan dibangunkan.

48.1.9 Program Integrasi

Agen Pengurusan juga merancang untuk melaksanakan projek integrasi ternakan lembu yang diperkenalkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia bagi menghasilkan pendapatan tambahan. Kaedah ini menggunakan konsep yang mudah dan murah bagi mengurangkan kos penyenggaraan ladang dan meningkatkan pendapatan.

48.1.10 Mekanisme Pemantauan

Mekanisme pemantauan perlu diwujudkan dan akan dilaksanakan secara konsisten serta berkesan melibatkan Lembaga dan Agen Pengurusan adalah seperti berikut:

a) Peringkat Lembaga

Lembaga akan memantau prestasi ladang dengan mengadakan lawatan ke ladang bagi meninjau masalah yang dihadapi. Lembaga juga akan menganalisis laporan seperti laporan bulanan, laporan kewangan dan laporan Audit Dalam yang akan dikemukakan oleh Agen Pengurusan. Pada setiap suku tahun, Lembaga akan menyediakan laporan prestasi bagi keseluruhan ladang tersebut dan akan dibincangkan bersama dengan Agen Pengurusan.

b) Peringkat Agen Pengurusan

Penasihat Teknikal daripada *Guthrie Plantation & Agricultural Services Sdn. Bhd.* akan memantau pelaksanaan kerja yang akan dirancang dan dijalankan setiap tahun. Laporan *Agronomist* akan dikeluarkan dan dihantar kepada Lembaga. Lawatan oleh Pengawal Ladang akan dilakukan setiap 6 bulan sekali dan laporan lawatan ini akan dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat. Mesyuarat Pengurusan akan diadakan sebulan sekali bagi membincangkan laporan yang dikemukakan oleh Pengurus Ladang dan Pengawal Ladang sementara Mesyuarat Pengarah juga diadakan setahun sekali bagi membincangkan Laporan Mesyuarat Pengurusan.

c) Peringkat Ladang

Penyeliaan dilakukan setiap hari oleh Pengurus dan Penolong Pengurus bagi memastikan pengurusan berjalan lancar. Sementara itu Laporan Harian, Kos Harian, Akaun Bulanan dan Laporan Bulanan akan disediakan bagi melihat perkembangan semasa pengurusan ladang dan semua laporan tersebut dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat.

Pada pandangan Audit, Lembaga dan Agen Pengurusan telah mengadakan perancangan yang memuaskan bagi pengurusan ladang kelapa sawit Sungai Rasau.

48.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan merupakan peringkat terpenting bagi memastikan operasi ladang dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan ladang adalah seperti berikut:

48.2.1 Dasar Pengurusan Ladang

Agen Pengurusan telah dilantik melalui surat perjanjian pada bulan Disember 1994 untuk menguruskan Ladang Sungai Rasau. Agen yang dilantik merupakan syarikat subsidiari hasil daripada penyusunan semula struktur organisasi Lembaga yang ditubuhkan khusus untuk tujuan pengurusan ladang kelapa sawit milik Lembaga.

Pada pendapat Audit, dasar pengurusan ladang telah dipatuhi oleh Lembaga.

48.2.2 Peraturan Dan Prosedur

Agen Pengurusan telah menerima pakai panduan dan manual yang ditetapkan. Selain itu piawaian seperti Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit dan *Estimated Yield of Palm Oil and Palm Kernel* telah diguna pakai sepenuhnya untuk tujuan aktiviti pengurusan ladang.

Pihak Audit berpendapat peraturan dan prosedur pengurusan ladang yang ditetapkan telah dipatuhi.

48.2.3 Kaedah Pelaksanaan

a) Pelantikan Agen

Selaras dengan dasar Lembaga pengurusan ladang telah menyerahkan kepada Agen Pengurusan melalui Perjanjian Pengurusan AI-Mudharabah. Agen telah menyediakan bajet tahunan dan dibentangkan serta diluluskan oleh Lembaga. Agen telah mengemukakan laporan prestasi ladang pada setiap bulan kepada Lembaga. Agen telah melantik pemborong bagi tujuan pengurusan aktiviti ladang seperti yang ditetapkan. Pemborong juga telah memenuhi kriteria kerja yang ditetapkan.

b) Memorandum Perjanjian

Satu memorandum perjanjian antara Agen Pengurusan dengan pemborong telah disediakan dan semakan Audit terhadap memorandum perjanjian ini mendapati:

- i) Bayaran pendahuluan telah dibayar berdasarkan 70% kerja yang dijalankan sementara wang tahanan 5% telah dikenakan pada setiap pembayaran dan dikembalikan selepas tamat 3 bulan perjanjian ini.
- ii) Pemborong telah menggunakan pekerjajanya sendiri dan bertanggungjawab ke atas pekerjajanya serta perlindungan insurans bagi kemalangan dan kecederaan.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan yang telah dilakukan oleh Agen adalah memuaskan dan mengambil kira kepentingan Lembaga.

48.2.4 Pengurusan Ladang Oleh Agen

Lembaga telah menetapkan pengurusan ladang yang akan dilaksanakan oleh Agen Pengurusan. Agen Pengurusan bertanggungjawab bagi menguruskan ladang berkenaan. Semakan Audit terhadap pengurusan ladang yang telah dilaksanakan oleh Agen Pengurusan mendapati perkara seperti berikut:

a) Pembersihan Kawasan

Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kerja pembersihan telah dilakukan mengikut spesifikasi yang sepatutnya kerana semasa semakan dibuat, ladang telah diusahakan lebih 10 tahun. Maklum balas daripada pegawai yang ditemu bual

menyatakan bahawa semua spesifikasi telah dipatuhi. Tinjauan Audit ke ladang mendapati ladang berada dalam keadaan bersih seperti yang ditunjuk di **Foto 10**.

Foto 10
Kawasan Ladang Dalam Keadaan Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 25 November 2004

Lokasi : Ladang Sungai Rasau, Pekan, Pahang

Pembersihan kawasan ladang dilaksanakan oleh pemborong yang dilantik melalui tender. Agen Pengurusan telah mengawal kerja pembersihan kawasan ladang mengikut cara dan spesifikasi kerja yang ditetapkan. Mengikut jadual, proses pembersihan kawasan dijangka dilakukan 3 kali setahun. Semakan Audit mendapati pemborong hanya melakukan kerja tersebut sebanyak 2 kali setahun.

b) Semaian

Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penyemaian telah dilakukan daripada benih yang baik serta pengeluaran dari tapak semaian adalah bermutu tinggi. Ini disebabkan ladang ini telah matang dan berusia lebih dari 10 tahun.

c) Jalan/Lorong/Pembetong

Tinjauan Audit mendapati semua jalan yang telah dibina boleh dilalui dan digunakan setiap masa dan musim. Semakan Audit mendapati sehingga pada akhir bulan Jun 2004, Agen telah menganggarkan kos berjumlah RM27,250 untuk membaiki jalan. Bagaimanapun, perbelanjaan sebenar membaiki jalan adalah berjumlah RM36,452. Perbelanjaan tinggi ini adalah disebabkan oleh kerja menaik taraf jalan di semua kawasan laluan lori mengangkut buah ke kilang.

d) Sistem Pengairan Di Ladang

Pengairan di ladang kelapa sawit telah dibina supaya air yang berlebihan sahaja dialirkan keluar dari ladang. Bagi mengelak paras air melebihi permukaan tanah,

Agen telah membina sistem saliran yang bersesuaian dengan keadaan semula jadi kawasan ladang yang diperlukan. Tinjauan Audit mendapati pembersihan parit utama telah dibuat secara manual dan pengurusan telah menggali parit serapan bagi mengawal kelembapan. Pengurusan juga telah membina kolam tambahan bagi membekalkan keperluan air di musim kemarau.

e) Sungkupan

Sungkupan telah dilaksanakan selepas pokok ditanam bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan. Tandan kosong telah digunakan sebagai bahan sungkupan ke atas kawasan lebih dari 75% berpasir, tanah yang cetek, kekurangan air, tanah berasid sulfat dan tanah yang terlampau padat. Tinjauan Audit mendapati pengurusan ladang telah melaksanakan sungkupan ini bersesuaian dengan garis panduan yang ditetapkan.

f) Merumput

Kerja merumput telah dilaksanakan bagi membersihkan rumput keliling pokok bertujuan untuk memudahkan kerja pembajaan. Tinjauan Audit mendapati keadaan ladang adalah bersih. Bagaimanapun, pengurusan tidak menjalankan kerja mengikut jadual yang ditetapkan.

g) Pembajaan

Pokok kelapa sawit memerlukan pelbagai jenis baja yang mencukupi bagi mencapai tahap pertumbuhan dan pengeluaran hasil yang maksimum. Semakan Audit mendapati kerja pelaksanaan membaja dari bulan Januari hingga Jun 2004 adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Pelaksanaan Kerja Membaja Ladang Sungai Rasau

Jenis Baja	Tarikh Cadangan	Tarikh Laksana
Cirp	Jun 2003	April 2004
Kieserite	Jun 2003	Februari 2004
Borate	Jun 2003	April 2004
Urea	Ogos 2003	Januari 2004
Muriate Of Potash	September 2003	Februari dan Jun 2004
Ammonium Sulphate	April 2004	Mei 2004

Sumber: Pejabat Ladang Sungai Rasau

Adalah didapati kerja pembajaan tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan kerana tertangguh sehingga bulan Jun 2004 yang berpunca daripada baja lewat diterima dan musim hujan telah bermula. Bagi tahun 2004, hanya baja Ammonium Sulphate sahaja dapat digunakan sementara baja Kieserite tidak dapat digunakan kerana pihak pembekal mengalami masalah bekalan. Kegagalan melaksanakan kerja mengikut jadual telah menjejaskan hasil dan kualiti Buah Tandan Segar. Tinjauan Audit mendapati sistem pembajaan di Ladang Sungai Rasau masih

menggunakan cara manual seperti di **Foto 11**. Sehingga bulan Jun 2004, perbelanjaan sebenar pembajaan adalah berjumlah RM624,010 disebabkan oleh program pembajaan tahun 2003 yang dilaksanakan pada tahun 2004.

Foto 11
Pekerja Sedang Menabur Baja Secara Manual



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 2 November 2004

Lokasi : Ladang Sungai Rasau, Pekan, Pahang

Pihak Audit berpendapat pembajaan hendaklah mengikut jadual supaya pengeluaran Buah Tandan Segar yang berkualiti dapat dihasilkan.

h) Kawalan Penyakit Dan Perosak

Sehingga bulan Jun 2004, sejumlah RM18,749 telah dibelanjakan bagi mengawal penyakit dan perosak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati masih ada serangan tikus ke atas buah sawit walaupun program meracun tikus telah dijalankan. Pengurusan telah memasang 28 sarang burung hantu untuk tujuan mengelakkan serangan tikus ke atas buah sawit. Tinjauan Audit juga mendapati kadar serangan anai-anai adalah tinggi. Oleh itu, pemeriksaan ladang telah dilakukan secara berkala oleh pasukan yang merawat dan mencegah anai-anai.

i) Pemangkasan

Sehingga bulan Jun 2004, perbelanjaan sebenar pemangkasan adalah berjumlah RM20,504. Pihak Audit mendapati pemangkasan telah dijalankan mengikut jadual. Bagaimanapun, pada bulan Februari 2004 satu program pemangkasan telah dibuat terhadap kawasan seluas 37 hektar untuk membuang pelepah dan buah busuk akibat banjir.

j) Penuaian

Pihak Audit mendapati pemborong telah melaksanakan kerja penuaian Buah Tandan Segar mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, penuaian Buah Tandan Segar tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Begitu juga kerja pembersihan biji lerai di bawah pokok serta pelepah yang kering dan berlebihan tidak dipotong dan disusun di tempat atau parit yang dikhususkan. **Foto 12** menunjukkan kerja penuaian dilakukan.

Foto 12
Pekerja Menuai Buah Tandan Segar
Dengan Menggunakan Sabit



Sumber : Jabatan Audit Negara

Tarikh : 2 November 2004

Lokasi: Ladang Sungai Rasau

Pada pendapat Audit, Agen Pengurusan telah memantau kerja penuaian oleh pemborong dengan baik kecuali penuaian buah tandan segar yang tidak mengikut spesifikasi.

k) Pemasaran

Lembaga telah menyerahkan tanggungjawab pemasaran kepada kilang kepunyaan Agen Pengurusan mengikut standard yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Pengurusan ladang menghantar Buah Tandan Segar ke kilang secepat mungkin setelah dituai untuk diproses dan kilang perlu membuat penggredan untuk mengekalkan kualiti perahan minyak. Urusan pemasaran dilakukan oleh kilang dengan broker seperti yang telah ditetapkan. Kilang menghantar Laporan Harian kepada Agen Pengurusan.

I) Pembahagian Keuntungan

Pembahagian keuntungan adalah pada kadar 25% bagi Agen Pengurusan dan 75% kepada Lembaga. Semakan Audit mendapati Agen Pengurusan telah mematuhi perkongsian keuntungan bagi kawasan matang seperti syarat perjanjian. Pembahagian keuntungan adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Pembahagian Keuntungan Antara Lembaga Dengan Agen Pengurusan

Tahun	Agen Pengurusan (RM)	Lembaga (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
2001	232,289	696,868	929,157
2002	762,107	2,286,322	3,048,430
2003	1,023,036	3,069,107	4,092,143
2004	594,124	1,782,371	2,376,494

Sumber : Rekod Pejabat Ladang Sungai Rasau

Pada pendapat Audit, komponen kerja yang dijalankan adalah memuaskan. Bagaimanapun, kerja penuaian perlu dipantau dengan lebih teliti.

48.2.5 Komponen Dan Spesifikasi Kerja Pemborong

Tinjauan Audit mendapati kerja pemangkasan dan pembersihan telah dilakukan seperti yang ditetapkan. Pemborong yang dipilih telah menyediakan pekerja yang mahir, peralatan yang mencukupi dan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Tinjauan Audit mendapati kerja memotong pelepah telah dilakukan pada setiap pusingan penuaian. Pemborong telah memastikan semua pelepah tua atau kering dan pelepah gantung dipotong dan tidak ada yang tertinggal di pokok. Kesemua pelepah yang dipotong telah disusun di lorong pelepah dan parit yang disediakan seperti di **Foto 13**.

Foto 13

Pelepah Yang Dipotong Disusun Dalam Parit



Sumber : Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 November 2004

Lokasi: Ladang Sungai Rasau

a) Penuaian Buah Tandan Segar

Pihak Audit mendapati pemborong telah menyediakan pekerja dan peralatan yang mencukupi dan sesuai dengan keperluan penuaian Buah Tandan Segar. Kerja penuaian dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan iaitu 12 hari setiap pusingan.

b) Pengangkutan Buah Tandan Segar

Tinjauan Audit mendapati pengurusan telah melaksanakan kerja seperti ditetapkan. Pengangkutan Buah Tandan Segar dari ladang ke kilang sawit tidak melebihi tempoh masa 24 jam selepas kerja penuaian dibuat. Sebelum penghantaran Buah Tandan Segar ke kilang dijalankan, pemborong terlebih dahulu mendapatkan resit hantaran daripada pegawai yang bertugas di pos jaga (*main gate*) atau di pejabat ladang. Resit hantaran telah dikembalikan semula kepada pihak ladang dalam masa 24 jam. Pemborong telah memastikan tiada Buah Tandan Segar dan biji lerai yang tertinggal di *platform*. Semua Buah Tandan Segar dihantar ke kilang pemprosesan sawit yang ditetapkan sahaja. Mengikut perjanjian, Agen Pengurusan berhak mengambil pekerja lain bagi menyiapkan kerja yang gagal disempurnakan oleh pemborong dan kosnya ditanggung oleh pemborong.

Semakan Audit mendapati Agen Pengurusan tidak mengambil tindakan ke atas kegagalan pihak pemborong untuk menyiapkan segala kerja yang ditawarkan kepada mereka.

c) Perancangan Kerja Tahunan

Pada setiap tahun Agen Pengurusan telah menyediakan Rancangan Kerja Tahunan yang mengandungi Jadual Pelaksanaan Kerja dengan menyatakan aktiviti penyelenggaraan ladang, lokasi dan bilangan tenaga kerja yang diperlukan. Rancangan Kerja Tahunan ini bertujuan untuk memudahkan Agen Pengurusan ladang melaksanakan semua aktiviti ladang dengan teratur dan terancang berdasarkan garis panduan yang diterima pakai. Bagi ladang matang seperti Ladang Sungai Rasau antara aktiviti yang dirancang adalah seperti meracun bulatan yang diadakan 3 kali setahun, meracun pilihan sebanyak 3 kali setahun, memangkas dilakukan secara *progressive pruning* setiap bulan, pembasmian lalang sebanyak 3 kali setahun, kawalan serangga perosak dan penyakit dilakukan sekali setahun dan membaja selama 3 bulan sekali mengikut pusingan. Semakan Audit mendapati hanya program pembajaan tidak dilakukan seperti yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Agen Pengurusan hendaklah memastikan pemborong mematuhi spesifikasi kerja yang telah ditetapkan supaya penghasilan ladang tidak terjejas.

48.2.6 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Struktur organisasi yang jelas dan kakitangan yang mencukupi serta berpengalaman adalah merupakan faktor yang akan menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan ladang. Semakan Audit mendapati, Agen Pengurusan diketuai oleh Pengarah Urusan yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk menguruskan ladang dari peringkat penyelenggaraan, pengeluaran dan pemasaran. Agen Pengurusan mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan berpengalaman untuk menguruskan ladang di bawah jagaan mereka. Di peringkat ladang, operasi harian telah diselia oleh Pengurus dengan dibantu oleh Penolong Pengurus dan pelatih serta 8 kakitangan ladang. Manakala tenaga kerja di ladang pula diuruskan dengan pelantikan pemborong di setiap peringkat kerja iaitu membaja, meracun, menuai dan mengangkut buah untuk dihantar ke kilang.

Pihak Audit berpendapat Agen Pengurusan mempunyai guna tenaga yang mencukupi dan memuaskan.

48.2.7 Keperluan Kewangan

Agen Pengurusan telah menyediakan bajet suku tahun dan setengah tahun manakala bajet tahunan yang dikemukakan kepada Lembaga adalah untuk kelulusan. Bajet ini mengandungi komponen Anggaran Hasil dan Anggaran Kos Pengurusan setiap tahun.

Semakan Audit mendapati perbelanjaan tahun 2004 adalah tinggi disebabkan pihak pengurusan ladang telah membuat perbelanjaan program pembajaan pada tahun 2003. Bagaimanapun, pihak pengurusan telah pun mengemukakan peruntukan tambahan kepada Lembaga bagi menampung kekurangan ini. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan penyelenggaraan Ladang Sungai Rasau adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Kedudukan Peruntukan Dan Perbelanjaan
Penyelenggaraan Ladang Sungai Rasau

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratusan (%)
2001	643,875	356,530	55.4
2002	561,510	576,616	102.7
2003	644,523	578,567	89.8
2004	773,339	1,642,533	212.4

Sumber : Rekod Pejabat Ladang Sungai Rasau

Pada pendapat Audit, sebarang perbelanjaan perlu mendapat kebenaran daripada pihak Lembaga.

48.2.8 Prestasi Ladang

a) Pengawasan Kos Pengeluaran

Agan Pengurusan sepatutnya memastikan kos pengeluaran Buah Tandan Segar adalah sentiasa terkawal. Ia penting supaya kos pengeluaran tidak terlalu tinggi dan menjejaskan keuntungan. Kos pengeluaran bagi setiap aktiviti untuk setiap tahun dari tahun 2001 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kos Pengeluaran Buah Tandan Segar
Dari Tahun 2001 Hingga 2004

	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)
Pengeluaran : BTS (mt)	16,559.93	15,871.00	17,142.84	16,871.42
: MSM (mt)	3,017.78	2,983.11	3,318.93	3,254.04
Belanja Operasi(per tan BTS) (RM)	18.20	17.61	17.83	20.13
Pengangkutan (per tan BTS) (RM)	21.53	36.33	33.75	97.36
Tuaian & Kutipan (per tan BTS) (RM)	30.73	28.42	28.72	28.25
Memproses (per tan BTS) (RM)	33.14	33.00	30.52	32.98
Pengangkutan MSM (per tan BTS) (RM)	4.54	4.70	4.87	4.83
Duti dan Ses (per tan BTS) (RM)	1.86	2.78	2.90	1.02
Jumlah Kos /Ton BTS	110.00	122.84	118.59	184.52
Jumlah Kos / Ton MSM	603.68	653.54	612.50	956.91

BTS (Buah Tandan Segar) MSM (Minyak Sawit Mentah)

Sumber : Rekod Pejabat Ladang Sungai Rasau

Semakan Audit mendapati jumlah kos setiap tan Buah Tandan Segar telah meningkat pada tahun 2004 iaitu RM184.52 untuk satu tan. Sementara itu, kos Ladang Sungai Rasau pada tahun 2004 adalah berjumlah RM3,659 sehektar berbanding kos purata sehektar yang berjumlah RM3,470. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Kos Penghasilan Ladang Matang 2004

Ladang Matang	Keluasan						Jumlah (RM)
	Perbelanjaan Am (RM)	Penyelenggaraan (RM)	Tuaian (RM)	Memproses (RM)	Pengangkutan (RM)	Duti Dan Ses (RM)	
Sg. Relau	297.89	1,422.74	600.02	304.56	46.25	37.50	2,708.96
Temin Awam	165.35	793.31	318.81	244.61	37.81	33.63	1,593.52
Temin Kecil	47.54	142.23	658.74	398.26	60.35	53.41	1,360.53
Sri Keruing	548.15	3,121.66	889.96	913.89	131.30	113.46	5,718.42
Sg. Rengai	335.50	1,580.12	493.18	376.54	57.66	47.86	2,890.86
Sri Ramin	259.14	1,530.64	900.78	820.39	132.05	98.69	3,741.69
Pulau Manis	847.87	3,424.03	1,313.79	1,074.73	154.42	127.79	6,942.63
Sri Gelam	306.19	1,054.71	512.33	599.88	84.72	73.96	2,631.79
Sg. Rasau	399.00	1,929.89	560.03	653.82	95.70	20.14	3,658.58
Sri Resak	429.94	1,561.86	372.98	348.43	43.70	42.36	2,799.27
Batu 55	618.68	1,064.34	1,301.34	891.92	155.67	91.32	4,123.27
Purata Kos/ Hektar	386.84	1,602.32	720.18	602.46	90.88	67.28	3,469.96

Sumber : Rekod Pejabat Ladang Sungai Rasau

Pada pendapat Audit, Agen Pengurusan perlu mengurangkan kos Ladang Sungai Rasau dengan mengurangkan unsur kos perbelanjaan am, penyelenggaraan, pengangkutan dan memproses yang agak tinggi berbanding dengan ladang yang lain.

b) Tahap Pengeluaran Buah

Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Jualan Sebenar Buah Tandan Segar mendapati Agen Pengurusan belum mencapai kadar perahan minyak sawit mentah sebanyak 20% seperti yang ditetapkan. Tinjauan Audit mendapati penuaian dilaksanakan tidak mengikut standard kilang dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

yang menetapkan 10 biji buah leraai dari kelongsongnya. Analisis Audit mendapati Agen Pengurusan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan untuk 3 tahun. Maklumat hasil pengeluaran buah adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Perbandingan Pengeluaran Hasil Bulanan Dari Tahun
2001 Sehingga 2004

Bulan	2001 (m/t)		2002 (m/t)		2003(m/t)		2004 (m/t)	
	Anggaran	Sebenar	Anggaran	Sebenar	Anggaran	Sebenar	Anggaran	Sebenar
Jan	562	1,194	850	947	1,470	778	1,000	901
Feb	750	906	640	761	1,050	646	930	809
Mac	750	1,044	1,070	825	1,260	1,111	830	818
April	938	1,198.	1,280	999	1,260	1,485	1,000	909
Mei	1,125	1,225	1,920	1,186	1,470	1,258	1,330	925
Jun	1,500	1,141	1,920	1,035	1,470	1,456	1,160	1,280
Julai	1,875	1,372	2,130	1,385	1,680	1,700	1,490	1,725
Ogos	2,438	1,546	2,130	1,812	1,890	1,683	1,820	1,879
Sept	2,625	1,650	2,550	2,082	2,520	2,166	2,160	2,256
Okt	2,625	2,087	2,550	1,928	2,940	1,647	1,990	2,144
Nov	2,062	1,864	2,340	1,656	2,310	1,627	1,660	1,574
Dis	1,500	1,326	1,920	1,246	1,680	1,581	1,330	1,724
Jumlah	18,750	16,559	21,300	15,869	21,000	17,142	16,700	16,950

Sumber: Pejabat Ladang Sungai Rasau

c) Hasil Ladang

Penyata Untung Rugi ladang ada disediakan untuk setiap 6 bulan bagi mengetahui pencapaian tahunan ladang. Keuntungan sebelum cukai Ladang Sungai Rasau bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Penyata Untung Rugi Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Untung Rugi	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)
Pendapatan	3,121,948	4,674,698	5,878,640	6,154,190
Perbelanjaan	1,715,715	1,830,369	2,032,860	3,196,417
Pendapatan Sebelum Cukai	1,406,233	2,844,328	3,845,779	2,957,773

Sumber: Pejabat Ladang Sungai Rasau

Analisis Audit mendapati keuntungan sebelum cukai ladang telah meningkat kecuali pada tahun 2004. Bagaimanapun, kos perbelanjaan semakin meningkat pada setiap tahun. Pembahagian keuntungan atas kadar 25% kepada Agen Pengurusan dan 75% kepada Lembaga seperti yang disyaratkan dalam perjanjian telah memberi pulangan yang baik kepada Lembaga.

Pada pendapat Audit, Agen Pengurusan perlu mempertingkatkan kualiti pengurusan supaya penghasilan sebenar boleh memberi pulangan yang tinggi kepada Lembaga.

48.2.9 Program Integrasi

Seperti yang dirancang, Agen Pengurusan ladang telah melaksanakan program integrasi ternakan lembu sebagai alternatif untuk mengurangkan kos penyenggaraan ladang dan meningkatkan pendapatan ladang. Ia dilaksanakan di kawasan Sungai Rasau kerana ladang sawitnya telah matang. Program ini telah dilaksanakan pada tahun 1998 dengan 103 ekor lembu dengan kos RM83,000. Sehingga tahun 2004, sebanyak 356 ekor lembu telah ditenak di ladang ini dengan kos berjumlah RM15,064. Keuntungan kasar yang diperolehi adalah berjumlah RM242,821. Kaedah ini telah dapat mengurangkan kos penyelenggaraan Ladang Sungai Rasau.

48.2.10 Sasaran Dan Matlamat Pengurusan

Matlamat Lembaga adalah untuk menjadikan sektor perladangan sebagai teras kegiatan utama di samping memastikan produk yang dikeluarkan mendapat pasaran yang meluas dengan harga yang terbaik serta memenuhi kehendak pelanggan. Sehingga bulan September 2004, Lembaga telah berjaya membangunkan ladang kelapa sawit seluas 25,617 hektar berbanding 25,000 hektar yang disasarkan pada RMK8. Lembaga juga telah berjaya memperolehi pulangan daripada hasil ladang berjumlah RM25.65 juta berbanding yang disasarkan berjumlah RM26.18 juta.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan keluasan ladang yang telah diusahakan dan juga hasil yang diperolehi.

48.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan terhadap pengurusan kelapa sawit adalah penting bagi memastikan pembangunan ladang dilaksanakan mengikut perancangan agar mencapai matlamat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap pengurusan ladang ini dilakukan seperti berikut:

48.3.1 Peringkat Lembaga

Bahagian Perancangan Dan Pengesanan Projek dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi ladang. Lawatan ke ladang juga dijadualkan untuk meninjau masalah yang dihadapi. Semakan Audit mendapati bahagian ini telah menganalisis laporan yang dikemukakan oleh Agen Pengurusan pada setiap suku tahun dan telah menyediakan laporan prestasi bagi keseluruhan ladang tersebut. Laporan ini telah dibincangkan bersama dengan pihak Agen Pengurusan.

48.3.2 Peringkat Agen Pengurusan

Untuk memantau pelaksanaan kerja yang dirancang dan dijalankan, lawatan *agronomist* dilakukan oleh Penasihat Teknikal daripada *Guthrie Plantation & Agricultural Services Sdn. Bhd.* setiap tahun. Lawatan ini adalah untuk menilai dan memantau pelaksanaan penanaman dan penjagaan pokok bagi semua kawasan ladang kelapa sawit Lembaga. Lawatan ini juga dapat memastikan tahap kemajuan pelaksanaan kerja seperti Buah Tandan Segar yang dituai adalah cukup masak bagi menjamin mutu minyak yang tinggi dengan kehadiran asid lemak yang rendah sebelum dihantar ke kilang kelapa sawit. Laporan ini mengandungi keputusan analisis daun, keadaan pokok, struktur tanah, serangga perosak dan penyakit, *prunning*, kadar taburan hujan, penempatan baja, keperluan baja dan kadar baja. Hasil daripada lawatan ini, satu Laporan *Agronomist* akan dikeluarkan dan dihantar kepada Lembaga. Agen Pengurusan menerima Laporan Bulanan daripada Pengurus Ladang dan laporan tersebut sentiasa disemak oleh Pengawal Ladang untuk melihat perkembangan dan pemantauan ladang. Semakan Audit mendapati lawatan oleh Pengawal Ladang telah dilakukan setiap 6 bulan sekali dan laporan lawatan ini telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat. Mesyuarat Pengurusan telah diadakan sebulan sekali bagi membincangkan laporan yang dikemukakan oleh Pengurus Ladang dan Pengawal Ladang sementara Mesyuarat Pengarah juga diadakan setahun sekali bagi membincangkan Laporan Mesyuarat Pengurusan.

48.3.3 Peringkat Ladang

Penyeliaan dilakukan setiap hari oleh Pengurus dan Penolong Pengurus bagi memastikan pengurusan berjalan lancar. Semakan Audit mendapati Laporan Harian, Kos Harian, Akaun Bulanan dan Laporan Bulanan telah disediakan bagi melihat perkembangan semasa pengurusan ladang dan semua laporan tersebut dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah memantau dengan berkesan aktiviti perladangan kelapa sawitnya yang diuruskan oleh Agen Pengurusan.

49. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan ladang kelapa sawit di Sungai Rasau adalah memuaskan. Bagaimanapun, pulangan hasil agak rendah daripada jangkaan walaupun masih mampu memperolehi keuntungan. Faktor kualiti tuai mempengaruhi hasil tanaman ini. Keupayaan Agen Pengurusan untuk mengatasi masalah dan meningkatkan lagi pulangan hasil ladang boleh dilakukan seperti berikut:

- a) Memastikan kerja penyelenggaraan ladang dilaksanakan mengikut Jadual Kerja yang ditetapkan.
- b) Latihan yang mencukupi diberi kepada tenaga kerja ladang bagi memastikan hanya buah yang mencapai gred yang ditetapkan sahaja dituai.
- c) Mengambil langkah mengurangkan kos operasi ke tahap minimum.

MAJLIS DAERAH NEGERI PAHANG

SISTEM INTEGRASI MAJLIS

50. LATAR BELAKANG

Pada tahun 1999, Kerajaan Negeri telah memperoleh pinjaman sejumlah RM2.10 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan Sistem Integrasi Majlis yang meliputi perkakasan, perisian dan sistem aplikasi kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang khususnya untuk menghadapi masalah Y2K menjelang tahun 2000. Program ini akan melibatkan 8 Majlis Daerah (Majlis) di Pahang kecuali Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh dan Majlis Daerah Bentong yang telah membangunkan sendiri sistem komputernya. Sistem baru ini dinamakan Sistem Integrasi Majlis yang mengandungi 8 modul. Sistem ini dijangka dapat mempertingkatkan keupayaan Majlis untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan serta memperkemaskan pengurusan kewangan Majlis. Bagi menjayakan projek ini, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah dipertanggungjawabkan sebagai Urus Setia dan Penasihat Teknikal (Urus Setia) serta menguruskan keperluan dokumen tender. Sebuah syarikat swasta (vendor) telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk membekal, menghantar, menguji dan mentauliahkan perkakasan, perisian dan sistem aplikasi dengan kos berjumlah RM1.62 juta di 8 Majlis Daerah.

51. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Sistem Integrasi Majlis telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

52. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Sistem Integrasi Majlis di Majlis Daerah Negeri Pahang bagi tempoh bulan Julai 1999 hingga November 2004. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat yang diperolehi daripada fail, rekod, kontrak, minit mesyuarat dan dokumen projek serta temu bual dengan pegawai Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Kerajaan Tempatan. Lawatan juga dibuat ke Majlis Daerah Rompin iaitu salah satu daripada 8 pengguna sistem ini untuk pemeriksaan fizikal dan mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan pelaksanaan sistem.

53. PENEMUAN AUDIT

53.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan aspek penting yang boleh membantu pihak pengurusan melaksanakan aktiviti berkenaan dengan lebih cekap dan berkesan supaya matlamat projek dapat dicapai. Bagi memastikan kejayaan projek ini, pihak Kerajaan Negeri telah menyusun perancangan berikut:

53.1.1 Dasar Dan Matlamat Projek

Kerajaan Negeri menetapkan perolehan Sistem Integrasi Majlis di seluruh Majlis Negeri Pahang akan dilaksanakan secara berpusat oleh Unit Pengurusan Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pelaksanaan sistem ini melibatkan kerja membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan perkakasan, perisian dan sistem aplikasi. Pakej sistem ini hendaklah dibeli dari syarikat swasta yang telah membangunkan sistem ini dan sedang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Malaysia. Dasar ini dibuat bertujuan bagi mempercepatkan proses dan mewujudkan keseragaman sistem yang akan disesuaikan untuk kegunaan 8 Majlis Daerah yang terlibat iaitu meliputi sistem cukai taksiran dan penilaian harta, pelesenan dan maklumat perniagaan, kutipan hasil, aset, kewangan dan perakaunan, penggajian kakitangan dan juga penguatkuasaan. Penggunaan sistem ini diharap akan dapat mempertingkatkan keupayaan Majlis memberikan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan serta dapat memperkemaskan pengurusan kewangan Majlis selain menyelesaikan masalah Y2K.

53.1.2 Prosedur dan Peraturan

Bagi memastikan sistem ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Kerajaan Negeri akan menetapkan peraturan dan prosedur yang perlu dipatuhi. Proses perolehan perkakasan dan sistem adalah berpandukan kepada perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan vendor yang akan berurusan terus dengan 8 Majlis berkenaan mengikut spesifikasi kerja iaitu membekal, menghantar, menguji dan mentauliahkan perkakasan, perisian dan sistem aplikasi. Kerja yang terlibat adalah termasuk pengubahsuaian aplikasi sistem tersebut yang dikehendaki dilaksanakan mengikut metodologi dan teknik pembangunan sistem sebagaimana yang dinyatakan pada kontrak. Majlis sebagai pengguna adalah pihak yang akan memperakui penerimaan perkakasan tersebut dan Urus Setia akan menguruskan bayaran kepada vendor.

53.1.3 Sasaran Pelaksanaan

Pelaksanaan projek yang dirancang akan dimulakan pada bulan Julai 1999 dengan pengeluaran tender dan dijangka siap dipasang di 8 Majlis berkenaan pada bulan Januari tahun 2000 secara 2 fasa. Fasa 1 terdiri daripada 4 modul iaitu Modul Taksiran, Pelesenan, Kutipan dan Sewaan dan Fasa 2 adalah Modul Perakaunan, Kakitangan, Gaji, Kompaun Dan Penguatkuasaan. Jadual pelaksanaan projek keseluruhannya adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Penetapan Jadual Pelaksanaan

Bil.	Aktiviti	Jangka masa
1.	Pengeluaran/Penilaian Tender	15 Julai - 30 Ogos 1999
2.	Penyediaan Dokumen Tender	21 Ogos – 7 Sept. 1999
3.	Penyediaan Tempat	21 Sept. - 30 Sept. 1999
4.	Penghantaran dan Pemasangan	21 Sept. – 15 Okt. 1999
5.	Pengujian/Penerimaan Pemasangan	15 Okt. – 20 Okt. 1999
6.	Pemasangan Aplikasi	8 Okt. – 14 Okt. 1999
7.	Pengubahsuaian/Peningkatan Sistem	1 Sept – 14 Nov. 1999
8.	Latihan <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Operasi • Perkakasan dan Pemasangan • <i>Database Administration</i> • <i>Development Tools</i> • Rangkaian Sistem dan Perisian • Penggunaan Sistem 	15 Sept. – 20 Nov. 1999
9.	Kemasukan Data	21 Okt. – 31 Dis. 1999
10.	Pengujian dan Penerimaan	1 Nov. – 31 Dis. 1999
11.	Pelaksanaan	21 Nov. – 31 Dis. 1999
12.	Penerimaan Akhir	1 Jan. – 20 Jan. 2000

Sumber: Rekod Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

53.1.4 Komponen Projek

Projek yang akan dilaksanakan ini meliputi menghantar, menguji dan mentauliahkan perkakasan, perisian dan sistem aplikasi bagi 8 Majlis. Hanya satu lesen perisian aplikasi akan diperolehi atas nama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis hanya akan mendapat hak penggunaan sahaja. Berikut adalah komponen perkakasan dan sistem yang akan dibekalkan:

a) Perkakasan

- i) 8 unit *Server*.
- ii) 32 unit Komputer Peribadi.
- iii) 13 unit *Receipting System*.
- iv) 8 unit *Line Printer*.
- v) 24 *Dot Matrix Printer*.
- vi) 8 UPS untuk *Server*.
- vii) 32 unit UPS untuk Komputer Peribadi.
- viii) 8 unit 10/100 *Switch Hub*.
- ix) 32 unit 10/100 *Hub*.
- x) *Network* dan *Cabling* untuk 8 Majlis Daerah.
- xi) 12 unit *Personel Computer Multimedia (Optimal)*.

b) Perisian Sistem

Perisian sistem adalah meliputi sistem operasi untuk *server*, komputer peribadi dan sistem pangkalan data. Sebanyak 6 perisian sistem akan diperlukan iaitu Sistem Operasi (OS) Untuk *Server*, Sistem Operasi Untuk Komputer Peribadi, Sistem Pangkalan Data *Relational* Bertaburan, *Development Tools and Compilers*, *Networking Software* dan *Microsoft Office* serta *Browser*.

c) Sistem Aplikasi

Dari segi sistem aplikasi pula sebanyak 8 sistem aplikasi akan dipasang di setiap 8 Majlis berkenaan. Sistem tersebut adalah seperti berikut:

i) Sistem Cukai Taksiran dan Penilaian

Objektif sistem ini adalah bagi mengurus pengeluaran bil cukai taksiran, denda lewat, waran tahanan dan kutipan cukai taksiran. Modul sistem ini berkeupayaan menjana bil yang mengandungi *bar code*, mengeluarkan laporan tentang kutipan, tunggakan cukai taksiran dan penilaian harta. Sistem ini juga memudahkan pengguna melayani pertanyaan pelanggan mengenai akaun cukai melalui kaunter dan juga telefon.

ii) Sistem Pelesenan Dan Maklumat Perniagaan

Modul ini akan digunakan untuk mengurus pengeluaran dan kelulusan lesen premis perniagaan di kawasan Majlis Daerah. Sistem ini juga boleh melayani pertanyaan status permohonan melalui kaunter dan juga telefon yang berupaya mengeluarkan laporan statistik pelesenan mengikut jenis dan tempoh sah perniagaan.

iii) Sistem Kutipan Hasil (Kaunter)

Modul ini akan digunakan untuk mengurus kutipan hasil secara *on-line* dan *off-line* yang menerima pelbagai cara bayaran seperti wang tunai, cek, bank draf dan kad kredit. Tugas di kaunter akan menjadi mudah kerana sistem ini boleh membaca data terus daripada bil yang dikemukakan oleh pembayar dengan mengimbas nombor akaun dan nilai pada bil tersebut.

iv) Sistem Sewaan

Kegunaan modul ini adalah bagi mengurus dan menyelenggara rekod penyewa harta milik Majlis. Antara ciri yang perlu ada pada sistem ini ialah mengeluarkan bil sewaan bulanan yang mengandungi *bar code*. Notis tunggakan sewa dan laporan juga mampu dijanakan secara automatik, selain membantu pihak Majlis melayani pertanyaan mengenai sewaan.

v) Sistem Perakaunan

Tujuan modul ini diwujudkan adalah untuk mengurus sistem kewangan dan perakaunan Majlis. Sistem ini mengandungi sub-modul sistem iaitu Sistem

Lejar Am, Akaun Penerimaan, Akaun Pembayaran, Buku Tunai dan Buku Vot Berkomputer. Modul ini akan berintegrasi antara sub-modul dengan modul yang lain. Sistem ini juga mengendalikan urusan perbelanjaan Majlis bermula daripada proses pembelian hinggalah kepada pembayaran dengan cek secara berkomputer. Laporan mengikut hari, bulan dan tahun akan dikeluarkan mengikut keperluan pengguna. Pengguna sistem juga boleh mendapatkan maklumat mengikut status transaksi secara *on-line* pada setiap masa.

vi) Sistem Maklumat Kakitangan

Matlamat sistem ini adalah untuk mengurus maklumat kakitangan seperti maklumat peribadi, perjawatan dan perkhidmatan kakitangan Majlis.

vii) Sistem Gaji Dan Elaun

Tujuan modul ini adalah digunakan untuk menguruskan pembayaran gaji dan elaun kakitangan serta Ahli Majlis. Sistem ini berupaya mengendalikan semua potongan gaji mengikut Jadual Gaji yang telah ditetapkan selain menyimpan maklumat asas peribadi dan perkhidmatan kakitangan serta Ahli Majlis.

viii) Sistem Kompaun Dan Penguatkuasaan

Modul ini digunakan bagi mengurus pengeluaran kompaun, notis dan saman sehingga kepada tindakan mahkamah. Pengeluaran notis dan saman adalah secara automatik selepas tamat tempoh rayuan yang diberikan. Sistem ini juga melayani sebarang pertanyaan mengenai saman yang dikeluarkan.

53.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Kerajaan Negeri telah memutuskan pelaksanaan projek ini akan dibuat secara tender terhad bagi mempercepatkan proses perolehan berdasarkan had nilai dan kaedah yang ditetapkan. Kaedah ini adalah seperti yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1999 mengenai Pengecualian Istimewa Daripada Peraturan Biasa Perolehan Kerja Dan Pelantikan Perunding Bagi Tahun 1999. Menurut pekeliling tersebut kaedah perolehan projek ini perlu memenuhi pra-syarat yang ditetapkan iaitu keperluan projek telah dikenal pasti dari segi nilainya, lokasi dan peruntukan kewangan hendaklah telah diluluskan sebelum projek dilaksanakan. Pelaksanaan projek akan dimulakan pada tahun 1999 hendaklah dikendalikan sendiri oleh urus setia.

53.1.6 Pelantikan Vendor

Projek ini akan dilaksanakan dengan pelantikan vendor untuk membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan perkakas dan perisian kepada Majlis. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Tender akan dilantik bagi mengendalikan urusan tender dan membuat perakuan kepada Lembaga Tender Kerajaan Negeri yang akan memilih penender yang layak. Penilaian tender dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Penilaian Tender berdasarkan kepada keutamaan berikut:

a) Syarat-Syarat Asas

- i) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ii) Mengemukakan dokumen lengkap mengenai latar belakang kewangan dan prestasi, cadangan teknikal dan cadangan kos (perolehan/pembelian dan penyelenggaraan)

b) Spesifikasi Teknikal

Spesifikasi teknikal yang diterima juga adalah sebagaimana spesifikasi perkakasan yang terkandung pada dokumen tender.

c) Spesifikasi Kewangan

Penender yang dilantik perlu memenuhi keupayaan kewangan yang ditetapkan iaitu tidak kurang dari 15 % daripada kos keseluruhan projek yang ditawarkan. Vendor dikehendaki melakukan ubahsuai terhadap sistem tersebut mengikut kesesuaian aktiviti Majlis yang meliputi hal ehwal cukai taksiran dan penilaian harta, pelesenan dan maklumat perniagaan, kutipan hasil, harta, kewangan dan perakaunan, penggajian kakitangan dan juga penguatkuasaan. Di sepanjang pelaksanaan tersebut, pasukan projek dan juga pengguna akhir adalah dikehendaki bekerjasama sepenuhnya dengan pihak vendor.

53.1.7 Keperluan Kewangan

Kos projek dianggarkan berjumlah RM1.62 juta meliputi membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan perkakasan, perisian dan sistem aplikasi. Kos ini akan ditanggung oleh Majlis yang terlibat dengan bantuan Kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Komponen kos yang terlibat adalah sebagaimana di **Jadual 46** berikut:

Jadual 46
Perkiraan Kos Keseluruhan Projek

Bil.	Aktiviti	Kos (RM)
1.	Perkakasan	93,886
2.	Sistem Aplikasi	527,998
3.	Latihan	57,400
4.	Perisian Sistem	103,572
Jumlah		1,620,826

Sumber: Rekod Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

53.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi menjalankan pengurusan sistem, Urus Setia akan bekerjasama dengan pihak vendor. Bagaimanapun, tiada perancangan dibuat terhadap keperluan mewujudkan jawatan baru dalam bidang teknologi maklumat di Majlis supaya mereka yang dilantik boleh bertindak sebagai tenaga mahir menguruskan pengendalian sistem ini di Majlis.

Latihan yang secukupnya akan diberi bagi memastikan pemindahan teknologi kepada kakitangan Majlis dan membolehkan pengguna menggunakan sistem dengan efektif dan lancar. Pihak vendor akan memberi latihan kepada kakitangan Majlis dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kos yang berkaitan seperti kos tenaga pengajar, nota dan peralatan adalah ditanggung oleh vendor termasuklah tempat latihan sekiranya latihan dijalankan di luar premis kerajaan. Latihan minimum yang perlu disediakan oleh vendor ialah meliputi penggunaan sistem, perkakasan dan perisian sistem, pengurusan data serta perisian Pembangunan Sistem, Rangkaian Sistem dan Perisian Rangkaian. Pihak vendor akan menyediakan jadual latihan yang lengkap melibatkan 2 fasa. Fasa 1 terdiri daripada Modul Utiliti dan Kod-kod Utama, Sistem Taksiran, Pelesenan dan Sewaan sementara fasa 2 melibatkan modul Gaji, Kakitangan, Kompaun dan Penguatkuasaan serta Akaun.

53.1.9 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan kelancaran projek ini, pemantauan akan dijalankan oleh 2 pihak. Urus Setia akan menyelaras pelaksanaan projek dari segi sistem dan urusan pembayaran kemajuan projek sehingga ia selesai dilaksanakan di samping dipertanggungjawabkan melakukan ujian instalasi sistem, perkakasan, rangkaian, sistem pengurusan pangkalan data dan perisian lain. Sijil Pentauliahan akan diberi setelah sistem memenuhi ciri berikut:

- a) Berintegrasi antara satu modul ke modul yang lain.
- b) Maklumat bil dan bayaran dipindahkan secara automatik ke modul Lejar Am.
- c) Berupaya menyimpan maklumat tanpa had.
- d) Kemudahan pertanyaan dan laporan dalam bentuk carta.
- e) Kemudahan kawalan ke atas pengguna ditentukan oleh pihak atasan.
- f) Laporan Bulanan dan Tahunan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa sahaja.

Jawatankuasa pemantauan juga akan ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 yang bertanggungjawab menyelaras, memantau pelaksanaan program pembangunan aplikasi dan infrastruktur teknologi maklumat.

Pada pandangan Audit, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil kira pelbagai aspek perancangan kecuali keperluan guna tenaga dan perakuan pengesahan kemajuan projek dan bayaran.

53.2 PELAKSANAAN

Sejumlah RM1.59 juta daripada RM2.10 juta pinjaman daripada kerajaan Persekutuan telah digunakan untuk melaksanakan sistem ini di 8 Majlis Daerah. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan sistem ini mendapati perkara berikut:

53.2.1 Dasar Dan Matlamat Projek

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan Negeri yang mahu mempercepatkan pelaksanaan Sistem Integrasi Majlis di 8 Majlis di negeri Pahang maka perolehan telah dibuat secara tender terhad. Seperti yang dirancang, sistem yang dipasang adalah merupakan pakej sistem yang seragam dibeli daripada syarikat swasta yang mampu berintegrasi antara modul ke modul yang juga sedang digunakan oleh sebuah Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Sistem ini juga telah dimodifikasi mengikut kesesuaian 8 Majlis berkenaan bagi menguruskan hal ehwal cukai taksiran dan penilaian harta, pelesenan dan maklumat perniagaan, kutipan hasil, harta, kewangan dan perakaunan, penggajian kakitangan dan juga penguatkuasaan.

Pihak Audit berpendapat dasar pelaksanaan sistem telah diterima pakai sepenuhnya.

53.2.2 Prosedur Dan Peraturan

Semakan Audit mendapati pihak vendor telah membekalkan perkakasan sistem kepada 8 Majlis. Ke semua 8 Majlis telah memperakui penerimaan perkakasan ini yang diterima terus dari vendor untuk dipasang di Majlis. Pemeriksaan fizikal yang di buat oleh pihak Audit di Majlis Daerah Rompin mendapati perkakasan sistem adalah seperti mana yang dinyatakan mengikut perjanjian tersebut dan sehingga kini perkakasan berkenaan masih digunakan dan beroperasi dengan baik. Selain dari perkakasan, sistem yang dipasang adalah merupakan pakej sistem yang telah sedia dibangunkan oleh vendor dan diubahsuai mengikut kesesuaian dan keperluan Majlis menguruskan hal ehwal cukai taksiran dan penilaian harta, pelesenan dan maklumat perniagaan, kutipan hasil, harta, kewangan dan perakaunan, penggajian kakitangan dan juga penguatkuasaan. Bagaimanapun proses ubahsuai dilakukan tanpa kajian terlebih dahulu.

Pihak Audit berpendapat Majlis telah mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, proses ubahsuai perlu diteliti terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

53.2.3 Kaedah Pelaksanaan

Pihak Audit mendapati Kerajaan Negeri telah menguruskan perolehan kerja secara tender terhad berdasarkan had nilai dan kaedah yang ditetapkan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1999 mengenai Pengecualian Istimewa Daripada Peraturan Biasa Perolehan Kerja Dan Pelantikan Perunding Bagi Tahun 1999. Kaedah perolehan projek ini adalah memenuhi pra-syarat dalam menggunakan pengecualian istimewa tersebut. Bagaimanapun, proses panggilan tender telah dibuat sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Julai dan Ogos 1999. Keadaan ini berlaku disebabkan perubahan spesifikasi tender.

53.2.4 Pelantikan Vendor

Lembaga Tender Negeri yang diberi kuasa melantik vendor telah memilih syarikat yang mempunyai sistem yang sedia ada untuk dipasang di Majlis. Vendor telah ditawarkan kerja yang meliputi membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliahkan perkakas dan perisian kepada Majlis.

Pada pendapat Audit, pelantikan vendor adalah selaras dengan keputusan Lembaga Tender yang ditubuhkan.

53.2.5 Syarat Perjanjian

Perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Vendor telah ditandatangani pada bulan Disember 1999. Semakan Audit terhadap syarat perjanjian ini mendapati perkara berikut:

a) Syarat Perjanjian Yang Dipatuhi

i) Tempoh Tanggungan Kecacatan

Pihak vendor telah memberi jaminan bagi tempoh 12 bulan dari tarikh *final Acceptance* bagi setiap modul aplikasi perisian. Jaminan ini adalah tertakluk kepada masalah atau kerosakan ekoran daripada penggunaan biasa. Ini termasuklah sebarang kerosakan terhadap perkakasan, perisian dan aplikasi di sepanjang tempoh jaminan maka pembekal perlulah memperbaikinya atau menggantikannya dengan perbelanjaannya sendiri. Pemeriksaan Audit mendapati syarat perjanjian tersebut telah pun dipatuhi.

ii) Deposit Sekuriti

Deposit Sekuriti adalah merupakan satu sandaran yang dipegang oleh Kerajaan sebagai jaminan bagi memastikan pembekal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1999 mengenai Tatacara Penyediaan, Penilaian Dan Penerimaan Tender Bon Pelaksanaan menyatakan, jaminan ini hendaklah dilepaskan 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan mengikut mana yang terdahulu. Pembekal dikehendaki menyediakan deposit sekuriti 5% daripada kos projek berupa Jaminan Bank sejumlah RM78,716 yang sah sehingga 6 bulan dari tarikh tamat tempoh jaminan. Semakan Audit mendapati keperluan ini telah dimasukkan dalam dokumen tender dan Deposit Sekuriti dalam bentuk Jaminan Bank sejumlah RM78,716 ada dikemukakan oleh pembekal. Bagaimanapun, syarat pelepasan Jaminan Bank ini yang ditetapkan tidak boleh awal dari 6 bulan dari tamat tempoh tanggungan kecacatan adalah tidak menepati kehendak surat pekeliling berkenaan.

Pihak Audit berpendapat tempoh pelepasan wang jaminan sepatutnya diselaraskan dengan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

b) Syarat Perjanjian Tidak Dipatuhi

i) Lanjutan Masa Dan Ganti Rugi

Jika pembekal gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan, Kerajaan berhak melanjutkannya tidak lebih dari 2 bulan dari tarikh asalnya, dengan syarat ganti rugi kelewatan RM500 sehari bagi setiap baki hari yang lewat dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada vendor terbabit. Semakan Audit mendapati projek ini telah mengalami perlanjutan tempoh sebanyak 2 kali dengan kelewatan selama 354 hari dari tempoh asal. Bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan penalti kelewatan terhadap vendor yang menurut perkiraan Audit berjumlah RM177,000.

Pihak Audit berpendapat ganti rugi terhadap kelewatan perlu dituntut sewajarnya.

ii) Kajian Sistem

Menurut syarat perjanjian dengan vendor, kajian sistem tersebut dikehendaki dilaksana mengikut metodologi dan teknik pembangunan sistem. Semakan Audit mendapati teknik dan metodologi tersebut tidak digunakan sepenuhnya kerana sistem yang dipasang adalah merupakan aplikasi yang diubahsuai untuk memenuhi keperluan 8 Majlis di Negeri Pahang dari sistem yang sedang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Malaysia.

iii) Membangunkan Spesifikasi Sistem

Menurut syarat perjanjian berkenaan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek akan dibuat secara 6 fasa. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap fasa yang terlibat mendapati 2 fasa yang tidak berkaitan iaitu fasa mendefinisikan keperluan sistem dan spesifikasi sistem kerana fasa tersebut lebih sesuai untuk sistem yang baru dibangunkan berbanding sistem sedia ada yang diubahsuai.

Pihak Audit berpendapat syarat berkaitan Kajian Sistem dan Keperluan Sistem tidak perlu dimasukkan sebagai salah satu dari elemen utama syarat perjanjian kerana sistem yang dipasang bukan pembangunan satu sistem yang baru sebaliknya ubahsuai sistem yang sudah diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Malaysia.

53.2.6 Sasaran Pelaksanaan

Semakan Audit mendapati berlaku perubahan pelaksanaan projek dari yang dirancang disebabkan oleh proses panggilan tender sebanyak 2 kali iaitu pada Julai 1999 dan

Ogos 1999. Keadaan ini berlaku disebabkan perubahan spesifikasi tender yang tidak dimasukkan semasa panggilan tender pertama. Berikut adalah kesilapan teknikal yang telah dikesan:

- a) Bilangan Komputer Multimedia yang ditetapkan mengikut keterangan perkakasan bercanggah dengan yang disenaraikan di borang soal selidik.
- b) Pihak penender tidak diminta menyatakan kos pemasangan sistem aplikasi mengikut modul utama yang diperlukan.

Kesan dari kesilapan tersebut telah melewati perancangan asal pelaksanaan projek selama 2 bulan dari tarikh yang dirancang seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Jadual Pelaksanaan Sebenar Projek

Bil.	Perkara	Tarikh	Catatan
1.	Perjanjian ditandatangani.	9/12/1999	Antara Kerajaan Negeri dengan vendor.
		21/6/2002	Antara Kerajaan Negeri dengan Majlis.
2.	Perjanjian Tambahan.	1/8/2000	Perubahan Kos.
3.	Penghantaran semua perkakasan ke semua Majlis.	6/12/1999	-
4.	Network/Cabling/Wiring.	29/10/1999	-
5.	Latihan Sistem Aplikasi (<i>System Walkthrough</i>) kepada semua Majlis.	26/10/1999 – 4/11/1999	Peserta dari Majlis Daerah Pekan tidak dapat menghadiri diri kerana terlibat dengan majlis Kerajaan Negeri.
6.	Fasa 1: Instalasi Provisional Acceptance Test Final Acceptance Test	6/12/1999	Tempoh jaminan berlangsung sehingga Ogos 2001.
		13/3/2000	
		1/4/2000	
7.	Lanjutan Tempoh	Sehingga 31/8/2000	Sepatutnya disiapkan pada 15/12/2000.
8.	Fasa 2: Instalasi Provisional Acceptance Test Final Acceptance Test	15/2/2000	Tempoh jaminan berlangsung sehingga Jun 2002.
		20/7/2000	
		31/8/2000	

Sumber: Rekod Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

53.2.7 Pencapaian Modul Sistem

Semakan Audit mendapati pihak vendor telah membekalkan komponen seperti yang ditetapkan. Perkakasan beroperasi dengan baik kecuali sistem tidak dapat berfungsi dengan sempurna dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Majlis terpaksa menggunakan cara manual untuk sebahagian fungsi yang gagal dilaksanakan oleh sistem ini. Analisis Audit terhadap Modul Sistem mendapati dari 8 modul yang

dipasang, hanya 2 modul beroperasi dengan baik iaitu Modul Maklumat Kakitangan dan Modul Gaji. Manakala 4 modul iaitu Modul Kutipan Cukai Taksiran dan Penilaian Harta, Modul Pelesenan, Modul Sewaan serta Sistem Kaunter Kutipan Hasil tidak dapat berfungsi sepenuhnya dan 2 modul lagi iaitu Modul Perakaunan serta Modul Kompaun dan Penguatkuasaan gagal berfungsi langsung. Kegagalan modul berfungsi disebabkan asas pengujian yang tidak menyeluruh, modul sistem gagal berintegrasi dengan modul lain di dalam sistem, masalah kepakaran kakitangan Majlis dan penyelenggaraan sistem. Semakan Audit mendapati pengujian sistem hanya dibuat di Majlis yang terpilih sahaja. Pihak Audit juga mendapati Majlis tidak menyediakan sebarang peruntukan untuk penyelenggaraan sistem tersebut semenjak tempoh jaminan berakhir. Enam modul sistem yang gagal atau tidak berfungsi sepenuhnya adalah seperti berikut:

a) Modul Kutipan Hasil Di Kaunter

Sistem kutipan hasil melalui kaunter gagal berfungsi dengan sempurna setiap kali pemprosesan secara berkelompok dilakukan. Keadaan ini menjejaskan proses kemasukan transaksi harian ke sistem lejar menyebabkan jumlah kutipan harian tidak sama dengan amaun resit yang dikeluarkan pada hari berkenaan. Majlis hanya menggunakan modul ini setakat pengeluaran resit sahaja sementara proses seterusnya dibuat secara manual.

b) Modul Sistem Cukai Taksiran Dan Penilaian

Sistem cukai taksiran dan penilaian gagal memberikan maklumat yang tepat. Ini menyebabkan penggunaan modul hanya setakat pengeluaran bil cukai taksiran sahaja.

c) Modul Sistem Pelesenan Dan Maklumat Perniagaan

Modul ini juga gagal memaparkan maklumat yang tepat tentang pembaharuan lesen peniaga.

d) Modul Sewaan

Sistem ini gagal memberikan laporan yang tepat tentang kedudukan sewaan bagi setiap penyewanya.

e) Modul Kompaun Dan Penguatkuasaan

Modul ini telah digantikan dengan Modul Pelbagai sebagaimana yang dipersetujui semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada bulan Oktober 2000. Bagaimanapun sistem ini tidak digunakan oleh Majlis.

f) Modul Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan

Sistem ini gagal berfungsi sepenuhnya disebabkan modul lain gagal berfungsi dengan sempurna. Majlis telah menggunakan pakej perakaunan untuk tujuan

penyediaan penyata kewangan berasas kepada rekod yang diselenggara secara manual.

Pada pendapat Audit, komponen yang dibekalkan tidak berfungsi dengan memuaskan kerana hanya 2 modul sahaja dapat berfungsi secara sepenuhnya.

53.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Pihak Audit mendapati masalah utama pelaksanaan sistem adalah berpunca daripada ketiadaan pegawai yang mahir dengan bidang teknologi maklumat. Pihak Audit juga mendapati Majlis telah melantik kakitangan bidang teknologi maklumat yang tidak mempunyai kemahiran bahasa atur cara sistem yang dibekalkan oleh vendor. Selain itu, latihan kepada kakitangan telah diadakan bagi 2 Fasa di pejabat vendor melibatkan latihan seperti berikut:

- a) Penggunaan sistem kepada *end user* – 60 orang
- b) Penggunaan perkakasan dan perisian sistem kepada kakitangan Majlis – 16 orang.
- c) Pengurusan Data (Database Administration) – 10 orang.
- d) Perisian Pembangunan Sistem (*System Development Tools*) – 10 orang.
- e) Rangkaian Sistem dan Perisian Rangkaian – 10 orang.

Latihan telah diberikan bagi 2 Fasa seperti di **Jadual 48** dan **Jadual 49**.

Jadual 48

Jadual Pelaksanaan Latihan Fasa 1

Nama Modul	Tarikh	Masa	Tempat	Unit Terlibat
Utiliti dan Kod-kod Utama	26.10.99	11.00 pg.- 1.00 tgh.	Pejabat Vendor	Akaun dan Penilaian
Taksiran	26.10.99 27.10.99	2.00 ptg.- 5.00 ptg. 9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Penilaian
Pelesenan	28.10.99 29.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg. 9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Pelesenan
Sewaan	01.11.99 02.11.99	9.00pg. - 5.00 ptg. 9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Sewaan
Kutipan	03.11.99 04.11.99	9.00pg. - 5.00 ptg. 9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Kutipan

Sumber: Rekod Unit Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Jadual 49
Jadual Pelaksanaan Latihan Fasa 2

Nama Modul	Tarikh	Masa	Tempat	Unit Terlibat
Gaji	17.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Akaun dan Penilaian
	18.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		
Kakitangan	19.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Penilaian
	20.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		
Kompau dan Penguatkuasaan	21.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Pelesenan
	22.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		
Akaun-GL	24.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Sewaan
	25.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		
Akaun-AP	26.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Kutipan
	27.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		
Akaun-Buku Tunai	28.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.	Pejabat Vendor	Buku Tunai
	29.10.99	9.00pg. - 5.00 ptg.		

Sumber: Rekod Unit Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pihak Audit berpendapat kakitangan yang dilantik perlu diberi pendedahan tentang sistem daripada peringkat awal sistem dipasang. Selain itu, latihan kepada pengguna sistem perlu dijalankan di lokasi pengguna sistem itu sendiri setelah sistem siap dipasang.

53.2.9 Masalah Pelaksanaan

Semakan Audit mendapati masalah yang dihadapi semasa proses pelaksanaan sistem adalah seperti berikut:

a) Perubahan Pelaksanaan Sistem Secara Berfasa

Berdasarkan kepada kontrak asal, kesemua 8 modul sistem perlu dilaksanakan serentak. Bagaimanapun, Jawatankuasa Pemandu Sistem telah bersetuju melaksanakan sistem kepada 2 Fasa. Pindaan ini telah menjejaskan jadual pelaksanaan projek asal menyebabkan pihak vendor memohon untuk tempoh pelanjutan masa seperti berikut:

- i) Installation Fasa 1 pada 6 Disember 1999.
- ii) Provisional Acceptance Fasa 1 pada 13 Mac 2000.
- iii) Final Acceptance Fasa 1 pada 30 April 2000.
- iv) Installation Fasa 2 pada 1 Mac 2000.
- v) Provisional Acceptance Fasa 2 pada 16 April 2000.
- vi) Final Acceptance Fasa 2 pada 30 Jun 2000.

b) Pengujian Sistem Tidak Menyeluruh

Sijil *Provisional Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah semua fasa dilaksanakan. Bagaimanapun, ujian untuk perakuan ini hanya dilakukan di Majlis Daerah Pekan sahaja dan tidak di setiap Majlis seperti syarat perjanjian. Masalah konfigurasi sistem seperti

kerosakan *server* dan mesin pencetak masih kerap berlaku walaupun pada ketika itu pelaksanaan sistem telah memasuki tahap terakhir pelaksanaan di Fasa II.

c) Lanjutan Masa

Pada pertengahan tahun 2000, Kerajaan Negeri telah menandatangani *Supplementary Agreement* dengan vendor. Perjanjian ini adalah ekoran daripadakelewatan menyiapkan projek dalam tempoh 20 minggu seperti yang dipersetujui. Menerusi perjanjian ini, lanjutan masa selama 72 hari telah diberikan kepada vendor. Kesan dari perjanjian ini telah menyebabkan kelewatan penyediaan projek dan tambahan kos projek sejumlah RM46,520.

d) Masalah Konfigurasi Sistem Dan Penyelenggaraan Sistem

Penyelenggaraan sistem amatlah penting bukan sahaja kepada aplikasi, tetapi juga kepada sistem operasi, bahasa atur cara dan juga pangkalan data yang digunakan. Bagaimanapun, Majlis tidak memperuntukkan belanja penyelenggaraan terhadap sistem setelah tamatnya tempoh jaminan vendor. Bahkan sepanjang tempoh pelaksanaan masalah seperti kerosakan *server* dan mesin pencetak kerap berlaku tetapi tidak diatasi sewajarnya. Masalah berkenaan sistem telah tidak dapat dipulihkan dan masalah yang berterusan ini telah menyumbang kepada kegagalan penggunaan sepenuhnya.

e) Kelewatan Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Di Peringkat Majlis

Sehingga bulan April tahun 2002, hanya 5 Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Kerjanya iaitu Majlis Daerah Bera, Maran, Pekan, Raub dan Rompin. Manakala 3 Majlis iaitu Majlis Daerah Cameron Highlands, Jerantut dan Lipis masih lagi belum berbuat demikian. Keadaan ini telah menyukarkan pelaksanaan kerja di Majlis berkenaan di samping ketiadaan pihak yang boleh dipertanggungjawab untuk berhubung dengan vendor secara langsung.

f) Pemasangan Sistem Tidak Menepati Jadual

Tempoh pelaksanaan projek ini sepatutnya berakhir pada hujung tahun 2000 telah dilanjutkan sehingga awal tahun 2001 tetapi telah disiapkan pada pertengahan tahun tersebut. Bagaimanapun kebanyakan Majlis pada ketika itu belum bersedia untuk diuji maka Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Peringkat Majlis telah membuat keputusan supaya Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Maran dijadikan perintis untuk tujuan ujian dan perakuan penerimaan sistem yang perlu disiapkan sebelum pertengahan tahun 2001 iaitu selama 306 hari. Semakan Audit mendapati vendor telah mengambil masa selama 630 hari iaitu lewat selama 324 hari bagi menyiapkan pelaksanaan sistem ini di Majlis Daerah Pekan sahaja. Butiran lanjut mengenai tempoh pelaksanaan adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 50
Tempoh Pelaksanaan Sistem

Bil.	Modul	Jangkaan Tarikh Siap	Tarikh Sebenar Siap
1.	FASA 1	1/4/2000 (193 hari)	31/8/2000 (300 hari)
2.	FASA 2	31/8/2000 (113 hari)	30/6/2001 (330 hari)

Sumber: Rekod Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

g) Pengubahsuaian Semasa Pemasangan Sistem

Kaedah proses ubahsuai yang digunakan oleh vendor adalah dengan berdasarkan maklum balas pengguna melalui borang yang diedarkan. Bagaimanapun, pendekatan yang digunakan adalah tidak menyeluruh kerana daripada semakan Audit mendapati kerja mengubahsuai atur cara sistem masih dilakukan walaupun semasa kerja pemasangan sistem sedang berjalan. Sehingga bulan Mac 2000, Jawatankuasa Pemandu yang bermesyuarat telah dimaklumkan sebanyak 65 perubahan dan tambahan terhadap *business rules* dikesan telah dipohon oleh 7 Majlis yang menjejaskan pelaksanaan kerja bagi fasa seterusnya.

h) Ujian Sistem

Semakan Audit mendapati pengujian terhadap pemasangan sistem telah dibuat melalui beberapa peringkat ujian yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, ujian tersebut hanya dilakukan di Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Maran sahaja.

i) Syarikat Vendor Tutup

Setelah tamat tempoh jaminan, Majlis terpaksa bergantung kepada kepakaran vendor dari segi khidmat bantuan dan teknikal. Ini adalah kerana keperluan kepada pemindahan teknologi dan kepakaran kepada kakitangan Majlis tidak dapat dicapai kerana di sepanjang pelaksanaan projek, Majlis masih belum melantik kakitangan yang berkelulusan bidang teknologi maklumat untuk projek tersebut supaya kerja penyelenggaraan sistem boleh dilakukan oleh mereka kemudiannya. Pihak Audit juga telah dimaklumkan bahawa syarikat vendor terbabit telah pun dibubarkan pada tahun 2004. Perkembangan terbaru ini secara langsung telah menjejaskan fungsi sistem ini untuk masa kini dan juga di masa hadapan.

Pada pendapat Audit, Majlis sepatutnya telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja di awal pelaksanaan bagi mewujudkan kerjasama dengan pihak vendor. Selain itu, pihak vendor juga perlu membuat analisis sebelum sesuatu pengubahsuaian sistem dilakukan dengan berpandukan kepada manual prosedur kerja dan spesifikasi kerja sebenar pengguna.

53.2.10 Peruntukan Kewangan Dan Bayaran Balik Pinjaman

Sumber pembiayaan projek ialah daripada Kerajaan Persekutuan yang meluluskan pinjaman sejumlah RM2.1 juta kepada Kerajaan Negeri untuk dipinjamkan semula kepada Majlis mengikut permohonan. Kerajaan Negeri telah memberi tempoh bayaran balik pinjaman kepada Majlis selama 5 tahun selepas masa penangguhan 2 tahun. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1.59 juta telah diagihkan kepada 8 Majlis untuk menampung kos projek secara pinjaman bagi tempoh 5 tahun. Sejumlah RM29,600 lagi telah diagihkan kepada Unit Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tujuan pembelian peralatan oleh Unit berkenaan. Pada bulan Oktober 2004, baki peruntukan sejumlah RM479,144 telah diselaraskan kepada hasil Negeri. Perbelanjaan latihan seperti kos tenaga pengajar, nota, peralatan dan tempat latihan yang dijalankan di luar premis kerajaan adalah ditanggung oleh vendor. Proses bayaran adalah berdasarkan kepada spesifikasi perjanjian yang ditandatangani antara pihak Kerajaan Negeri dengan vendor berkenaan. Bagaimanapun, pembayaran pelaksanaan Fasa 1 telah dilakukan dengan berdasarkan kepada *provisional acceptance* dan *final acceptance test* yang dilakukan di Majlis Daerah Pekan dan bukannya sehingga perakuan terima dikeluarkan di semua Majlis sebagaimana perjanjian. Bayaran balik pinjaman sepatutnya bermula pada bulan Jun 2003. Bagaimanapun, sehingga bulan Oktober 2004 tidak ada Majlis yang membuat bayaran balik kepada Kerajaan Negeri. Tunggakan pinjaman 8 Majlis tersebut kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Tunggakan Bayaran Balik
Pinjaman Sehingga Oktober 2004

Bil	Nama	Tarikh Matang Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM)	Tunggakan Pinjaman (RM)
1	Majlis Daerah Raub	21.06.2003	221,044.10	88,417.60
2	Majlis Daerah Lipis	21.06.2003	196,909.07	78,763.60
3	Majlis Daerah Jerantut	21.06.2003	175,790.39	70,316.00
4	Majlis Daerah Bera	21.06.2003	183,112.14	73,244.80
5	Majlis Daerah Rompin	21.06.2003	195,682.74	78,273.00
6	Majlis Daerah Pekan	21.06.2003	215,496.78	86,198.60
7	Majlis Daerah Cameron Highlands	21.06.2003	203,804.70	81,251.80
8	Majlis Daerah Maran	21.06.2003	199,416.08	79,766.40
Jumlah			1,591,256.00	636,501.80

Sumber: Rekod Unit Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

53.3 PEMANTAUAN

Dari segi pemantauan adalah didapati 3 Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pemasangan sistem ini. Jawatankuasa yang terlibat dengan aktiviti pemantauan sistem ini adalah seperti berikut:

53.3.1 Jawatankuasa Pemandu Sistem

Jawatankuasa Pemandu Sistem telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1999. Jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua Penolong Setiausaha Unit Kerajaan Tempatan yang bertindak sebagai Pengerusi dengan ahlinya terdiri daripada Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Akauntan Unit Kerajaan Tempatan, Pengurus Vendor dan Yang Dipertua Majlis Daerah. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 9 kali sejak tahun 1999 hingga tahun 2000.

53.3.2 Jawatankuasa Kerja

Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil daripada Majlis Perbandaran Kuantan sebagai Pengerusi dengan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil semua Majlis Daerah, wakil vendor dan wakil Unit Kerajaan Tempatan. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 20 kali sejak tahun 1999 hingga tahun 2001.

53.3.3 Jawatankuasa Majlis Sistem

Jawatankuasa ini ditubuhkan di 8 Majlis yang terlibat yang setiap satunya dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis masing-masing. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 2 wakil daripada setiap unit di Majlis yang terlibat. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sejak tahun 1999 hingga tahun 2000.

Walaupun 3 Jawatankuasa penting diwujudkan bagi maksud pemantauan tetapi masalah yang dikenal pasti dan dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa tidak diambil tindakan penyelesaian yang berkesan. Sebagai contoh masalah Modul Cukai Taksiran yang berkaitan dengan input data dan laporan yang dikeluarkan tidak tepat sering dibangkitkan. Begitu juga masalah di Modul Kutipan yang gagal memberikan jawapan tepat kepada pertanyaan terhadap jumlah kutipan di kaunter masih terus berlanjutan.

Pihak Audit berpendapat peranan jawatankuasa pemantauan yang telah ditubuhkan adalah tidak berkesan kerana gagal menyelesaikan masalah pelaksanaan Sistem sehingga akhirnya Sistem Integrasi Majlis gagal berfungsi seperti yang diharapkan.

54. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pemasangan Sistem Integrasi di 8 Majlis Daerah tidak mencapai objektifnya. Kegagalan modul sistem yang dipasang beroperasi seperti yang dikehendaki seperti Sistem Cukai Taksiran dan Perakaunan Majlis menyebabkan operasi Majlis masih berjalan secara manual dan telah membebankan pengurusan Majlis. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mencadangkan:

- a) Kerajaan Negeri mengkaji semula kedudukan sistem ini sama ada ingin diteruskan atau diganti dengan sistem baru. Jika ingin diteruskan, kos baik pulih sistem perlulah diambil kira dan seharusnya lebih ekonomik berbanding dengan sistem sekarang.
- b) Memastikan perancangan bagi pembangunan atau pemasangan sistem berkomputer tidak mengetepikan soal kepakaran dan kemahiran kakitangan berkaitan yang akan menggunakan sistem tersebut.
- c) Majlis juga perlu merancang untuk keperluan peruntukan dari segi penyelenggaraan sistem bagi tujuan meningkatkan prestasi sistem.

BAHAGIAN V

PERKARA AM

BAHAGIAN V PERKARA AM

55. PENDAHULUAN

55.1 Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan melalui Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Adalah didapati perkara yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002, sebahagiannya telah diselesaikan manakala sebahagian lagi masih dalam siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang. Kedudukan masa kini bagi perkara yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara tahun 2003 adalah seperti di bawah.

56. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2003

56.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil pengauditan pengurusan kewangan terhadap Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri mendapati kelewatan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan bagi sistem lama (SPEN) dan sistem baru (SPEKS) antara 1 hingga 9 bulan sementara bagi Akaun Bayaran pula kelewatannya antara 2 hingga 9 bulan. Selain itu, sebanyak 79 cek tidak laku bernilai RM48,605 belum diganti sehingga akhir bulan Februari 2004 dan 56 cek terbatal melebihi RM1,000 setiap satu bernilai RM275,556 masih belum dikeluarkan cek ganti. Begitu juga dengan 160 keping cek luput tempoh bernilai RM224,909 masih belum diperakaunkan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Manakala bagi Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit masih belum dikemukakan penyata akaun untuk diaudit.

Kedudukan Masa Kini

Penyerahan Penyata Penyesuaian Bank bagi Akaun Terimaan dan Akaun Bayaran tahun 2004 bertambah baik. Sehingga bulan Januari 2005, kesemua penyata telah diserahkan untuk pengauditan dengan kelewatan antara 1 hingga 3 bulan bagi penyerahan penyata bulan Januari hingga April 2004. Daripada 79 cek tidak laku yang dilaporkan belum diganti hanya 5 cek berjumlah RM3,535 sahaja telah diganti. Manakala cek terbatal, kedudukannya tidak banyak berubah kerana hanya 3 cek terbatal berjumlah RM88,861 telah diganti. Bagaimanapun, sebanyak 160 keping cek luput tempoh berjumlah RM224,909 telah diperakaunkan ke Akaun Penyelesaian Cek Terbatal pada bulan Disember 2004 dan Januari 2005. Satu penyata yang dilaporkan belum dikemukakan

untuk diaudit ialah Penyata Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah diterima pada bulan Julai 2004 dan senarai baki individu Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin telah diterima pada bulan Ogos 2004.

56.2 JABATAN BEKALAN AIR, PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS DAN JABATAN AGAMA ISLAM PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

Kedudukan tahap pengurusan kewangan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

a) Kawalan Pengurusan

- i) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi Jabatan Bekalan Air belum dikemas kini.
- ii) Tidak semua kakitangan di Jabatan Bekalan Air dan Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands mempunyai Fail Meja.
- iii) Jabatan Agama Islam belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

b) Kawalan Hasil

- i) Pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barang berharga lain tidak dilakukan di kesemua 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit.
- ii) Penyata Penyesuaian Hasil bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands serta Jabatan Agama Islam tidak disediakan dengan betul dan kemas kini.

c) Kawalan Perbelanjaan

- i) Perbelanjaan yang dilakukan melalui Pesanan Tempatan dan Waran Perjalanan Udara tidak dicatat sebagai tanggungan di Buku Vot Jabatan Agama Islam.
- ii) Dua Pejabat Bekalan Air Daerah tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan pada tahun 2003.
- iii) Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai penyelia di kesemua 3 Jabatan/Pejabat yang diaudit. Selain itu, Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam tidak mengemas kini Daftar Bil.

d) Pengurusan Akaun Amanah/Deposit

- i) Lejar Kawalan bagi 4 akaun deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan 1 akaun deposit Jabatan Bekalan Air hanya dikemas kini masing-masing setakat bulan Disember 2001 dan Disember 2002.
- ii) Penyata Penyesuaian Deposit tidak disediakan dengan kemas kini di Jabatan Agama Islam dan Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands.
- iii) Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands juga belumewartakan deposit tidak aktif berjumlah RM674,805 yang diterima dari tahun 1979 hingga 2000.

e) Pengurusan Aset

- i) Kesemua 3 Jabatan/Pejabat tidak mengemas kini Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori, pemeriksaan fizikal terhadap aset tidak dilakukan dan Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- ii) Sebanyak 480 barangan Jabatan Bekalan Air dengan nilai pembelian berjumlah RM822,220 belum dilupuskan walaupun Lembaga Pemeriksa telah membuat pemeriksaan pada bulan Oktober 2002.

Kedudukan Masa Kini

a) Kawalan Pengurusan

- i) Jabatan Bekalan Air sedang mengemas kini Manual Prosedur Kerja.
- ii) Penyelenggaraan Fail Meja di kesemua 3 Jabatan/Pejabat telah dikemas kini.
- iii) Jabatan Agama Islam telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

b) Kawalan Hasil

- i) Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di kesemua 3 Jabatan/Pejabat berkenaan setiap 6 bulan sekali.
- ii) Penyata Penyesuaian Hasil bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam telah disediakan dengan kemas kini.

c) Kawalan Perbelanjaan

- i) Jabatan Agama Islam telah mengemas kini penyelenggaraan Buku Vot.
- ii) Dua Pejabat Bekalan Air Daerah telah menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.
- iii) Penyelenggaraan Daftar Bil telah dikemas kini namun pemeriksaan terhadap Daftar tersebut belum dibuat di Jabatan Bekalan Air.

d) Pengurusan Akaun Amanah/Deposit

- i) Lejar Kawalan Deposit bagi 4 akaun deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan 1 akaun deposit Jabatan Bekalan Air hanya dikemas kini setakat bulan Disember 2001 dan Disember 2002.
- ii) Penyata Penyesuaian Deposit bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands dan Jabatan Agama Islam telah di kemas kini .
- iii) Tindakan untuk mewartakan deposit tidak aktif di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands sedang diambil tindakan.

e) Pengurusan Aset

- i) Kesemua Jabatan/Pejabat telah mengambil tindakan untuk mengemas kini Daftar Harta Modal, Daftar Inventori dan Buku Log serta pemeriksaan fizikal terhadap aset Jabatan telah dibuat.
- ii) Jabatan Bekalan Air sedang mengambil tindakan untuk melupuskan 480 barangan bernilai RM822,220.

56.3 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN DAN KAWALAN PEMBALAKAN

Kajian Audit terhadap Pengurusan dan Kawalan Pembalakan mendapati Jabatan sukar untuk menyelesaikan proses pewartaan Hutan Simpan Kekal dalam tempoh 4 bulan sebagaimana kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh Fasal 8, Kaedah Hutan 1987 kerana melibatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan/Agensi lain. Dari segi kawalan pembalakan, Penilaian Impak Alam Sekitar tidak dilaksanakan oleh Jabatan terhadap semua kawasan yang dikeluarkan lesen kurang daripada 500 hektar. Di samping itu, tempoh pengeluaran lesen yang mengambil masa melebihi 6 bulan dari tarikh kelulusan dan kadar premium bagi kawasan pembalakan secara kurnia seperti ditetapkan oleh Kaedah Hutan 1987 wajar dikaji semula untuk meningkatkan hasil hutan. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya kes kecurian balak dan pelanggaran syarat lesen dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

Kedudukan Masa Kini

Proses pewartaan Hutan Simpan Kekal belum dapat dipertingkatkan lagi kerana prosedur untuk mendapat kelulusan yang melibatkan Jabatan/Agensi yang lain seperti yang dilaporkan. Jabatan juga belum memutuskan lagi kawasan yang dikeluarkan lesen kurang 500 hektar memerlukan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar. Bagaimanapun, tempoh pengeluaran lesen telah mematuhi piagam pelanggan iaitu tidak melebihi 6 bulan dari tarikh kelulusan kerana Jabatan telah pun melaksanakannya mengikut jenis tanah seperti Hutan Simpan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik. Kadar premium membalak secara kurnia pula telah dikaji semula dengan penetapan kadar premium akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Jabatan juga sedang menentukan perancangan yang khusus untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang lebih teratur dan berkesan termasuk menambah kakitangan di unit berkenaan.

56.4 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN SKIM PINJAMAN TERNAKAN

Kajian Audit terhadap Skim Pinjaman Ternakan mendapati perancangan dan pemantauan Skim ini dibuat dengan memuaskan. Bagaimanapun, ada kelemahan di peringkat pelaksanaan iaitu dari segi pemilihan dan perjanjian dengan peserta. Semakan Audit bagi tahun 2001 hingga 2003 mendapati permohonan daripada 51 peserta telah lewat diluluskan antara 70 hingga 630 hari. Selain itu, sebanyak 9 daripada 92 peserta yang menyertai rancangan ini semenjak tahun 2001 belum mempunyai surat perjanjian. Bagi 73 peserta lagi, perjanjian lewat disediakan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu 2 minggu selepas bekalan diterima. Kelewatan berlaku adalah antara 7 hingga 165 hari.

Kedudukan Masa Kini

Mengikut penjelasan Jabatan, kelewatan kelulusan permohonan peserta untuk Skim Pinjaman Ternakan adalah disebabkan kekurangan kakitangan terutama di peringkat daerah. Sehubungan itu, Jabatan telah mengambil tindakan memohon tambahan kakitangan daripada Kerajaan Negeri. Jabatan juga telah mengambil tindakan menyediakan surat perjanjian bagi 9 peserta yang terlibat dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk mempercepatkan penyediaan surat perjanjian.

56.5 PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS PENGURUSAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Kajian Audit terhadap Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara (Lesen) di Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands mendapati beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaannya. Borang permohonan semula dan borang membaharui Lesen lewat diserahkan oleh pemohon antara 2 hingga 7 bulan. Ini menyebabkan Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah (Jawatankuasa) lewat mengadakan mesyuarat untuk membincangkan permohonan berkaitan. Selain itu, Pejabat memerlukan masa antara 37 hingga 124 hari untuk menghantar cadangan dan syor Jawatankuasa kepada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian. Pengarah Tanah Dan Galian pula mengambil masa antara 26 hingga 200 hari untuk memproses permohonan tersebut sebelum dikemuka untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kekosongan 1 jawatan Pembantu Tadbir untuk memproses Lesen dan ketiadaan koordinasi antara pegawai penguat kuasa dengan Bahagian Pemprosesan Lesen juga menyumbang kepada kelemahan pengurusan Lesen.

Kedudukan Masa Kini

Pejabat telah mengambil tindakan sewajarnya untuk menjamin proses permohonan Lesen tanpa kelewatan. Bagi mempercepatkan kelulusan, Pihak Berkuasa Negeri telah menurunkan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah Cameron Highlands meluluskan permohonan memperbaharui Lesen dari bulan Januari hingga Disember 2004. Pentadbir Tanah Daerah akan memastikan koordinasi antara unit supaya maklumat dapat disalurkan untuk tujuan pemantauan dengan lebih berkesan.

56.6 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG PENGURUSAN KEWANGAN

Dari aspek kawalan pengurusan, Perbadanan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Perbadanan juga menghadapi masalah aliran tunai dengan baki Buku Tunai telah terlebih dikeluarkan untuk 5 bulan antara RM0.48 juta hingga RM3.19 juta sepanjang tahun 2004. Pada masa yang sama, Perbadanan gagal memungut tunggakan hasil jualan tapak industri yang tertunggak berjumlah RM170.94 juta. Perbadanan mempunyai baki pinjaman yang tinggi iaitu berjumlah RM610.68 juta terdiri daripada pinjaman institusi kewangan RM540.49 juta dan selebihnya pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Kedudukan Masa Kini

Perbadanan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Perbadanan juga telah mengambil tindakan memastikan aliran tunai dengan baki Buku Tunai tidak terlebih dikeluarkan. Mengenai tunggakan hasil jualan tapak industri, Perbadanan telah membatalkan perjanjian jual beli dengan syarikat pembeli sejumlah RM150.28 juta kerana pihak pembeli gagal mematuhi perjanjian yang ditandatangani. Oleh yang demikian, tunggakan jualan hasil tapak perindustrian hanya berbaki RM20.66 juta. Perbadanan juga telah menstrukturkan semula hutangnya dengan kelulusan Kementerian Kewangan menerbitkan bon bernilai RM560 juta. Penebusan bon tersebut akan bermula pada tahun 2007 sehingga 2012.

56.7 MAJLIS DAERAH PEKAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2003, Majlis mempunyai tunggakan cukai taksiran berjumlah RM2.69 juta. Pemeriksaan oleh pegawai penyelia terhadap Buku Tunai Bulanan tidak dibuat manakala tanggungan perbelanjaan tidak dicatat di Buku Vot. Sementara itu, Daftar Bil dan Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Majlis juga tidak menyediakan penyata penyesuaian bank. Perwakilan kuasa menandatangani cek, baucar bayaran dan Pesanan Tempatan tidak dinyatakan had jumlahnya. Manakala Majlis masih menyimpan deposit tidak aktif berjumlah RM27,278.

Kedudukan Masa Kini

Kedudukan tunggakan cukai taksiran sehingga kini berjumlah RM1.53 juta. Majlis telah mengadakan cabutan bertuah bagi menggalakkan pembayar cukai menjelaskan cukai dengan segera. Majlis juga telah menggunakan sistem cukai dan sewa secara berkomputer untuk memperkemas proses kutipan. Majlis telah mengambil tindakan memeriksa Buku Tunai dan mencatat tanggungan perbelanjaan di Buku Vot. Majlis telah mengambil tindakan untuk mengemas kini Daftar Bil dan Buku Log. Penyata Penyesuaian Bank telah disediakan setiap bulan. Perwakilan kuasa menandatangani cek, baucar bayaran dan Pesanan Kerajaan telah diambil tindakan. Mengenai deposit tidak aktif, Majlis telah menghantar senarai pendeposit kepada Unit Kerajaan Tempatan untuk tindakan selanjutnya.

56.8 PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG PROJEK PUSAT PERTUMBUHAN DESA

Kajian Audit terhadap Projek Pusat Pertumbuhan Desa mendapati beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah pemilihan tapak yang tidak sesuai dari segi struktur fizikal dan tapak bertindih dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Kontraktor yang dipilih menghadapi masalah kewangan dan projek lewat siap walaupun lanjutan masa diberikan. Selain berlaku kelewatan memperoleh Sijil Layak Menduduki

iaitu sehingga 10 tahun dari tarikh Perakuan Siap Kerja, adalah didapati kedai serta gerai tidak beroperasi.

Kedudukan Masa Kini

Dari segi pelaksanaan Pusat Pertumbuhan Desa, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri telah memutuskan bahawa kajian pelaksanaan Pusat Pertumbuhan Desa ini akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas. Hasil kajian pelaksanaannya akan dibentangkan pada pertengahan tahun 2005. Perbadanan melalui Lembaga Tender sentiasa membuat pemilihan kontraktor yang berwibawa serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dengan Kerajaan. Perbadanan telah meminta Agensi pelaksana membuat penyelarasan mengenai kelulusan Sijil Layak Menduduki sebelum projek berkenaan diserahkan kepada Perbadanan.

56.9 MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS PROJEK PERUMAHAN PUNCAK ARABELLA

Projek Perumahan Puncak Arabella merupakan projek berkonsepkan pembukaan kawasan baru yang mengandungi 355 unit rumah termasuk 9 lot banglo dan 4 unit rumah kedai serta 28 *penthouse*. Prestasi pelaksanaan projek sehingga bulan Disember 2003 pada tahap 96% setelah lanjutan masa kali ketiga diberikan. Akibat kelewatan tersebut, Sijil Layak Menduduki belum lagi dipohon oleh pihak kontraktor dan telah menjejaskan jadual penyerahan rumah kepada pembeli. Majlis mempunyai 3 pembeli dengan pembiayaan sendiri yang masih belum menjelaskan bayaran berjumlah RM89,940. Majlis berjaya menjual sebanyak 323 unit termasuk rumah, *penthouse*, lot banglo dan rumah kedai dengan harga berjumlah RM32.19 juta. Manakala 10 unit *penthouse* belum lagi dijual walaupun pelbagai usaha telah dilakukan.

Kedudukan Masa Kini

Majlis melaporkan kontraktor terbabit telah pun menyiapkan projek dan Sijil Layak Menduduki telah diperolehi dan kunci telah diserahkan kepada pembeli pada bulan Oktober 2004. Sehingga kini, tiga pembeli dengan pembiayaan sendiri mempunyai baki tunggakan berjumlah RM88,065. Majlis berjaya menjual 343 unit termasuk rumah, *penthouse*, lot banglo dan rumah kedai dengan harga berjumlah RM35.94 juta setelah ditolak diskaun sejumlah RM782,795. Sebanyak 6 unit iaitu 5 unit rumah dijadikan kuarters dan sebuah rumah kedai dijadikan pejabat pengurusan Majlis. Majlis masih melakukan pelbagai usaha dengan mengadakan promosi kepada pembeli bagi memasarkan 6 unit *penthouse* yang belum dijual.

57. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Negeri Pahang dan Aktiviti Jabatan bagi tahun 2003 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada bulan April 2005.

58. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang baru sahaja selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2002. Pada tahun 2004, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri
Pada Tahun 2004

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	17.02.2004	i) Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin ii) Lembaga Pembangunan Tioman iii) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset. Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset. Pengurusan Kewangan Jabatan meliputi Kawalan Pengurusan, Hasil, Perbelanjaan, Deposit dan Aset.
2.	22.07.2004	i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	Pembentangan Memorandum Awal Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002. Pembentangan Memorandum Muktamad Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000.
3.	17.08.2004	i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	Membincangkan draf Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang Atas Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2001.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
4.	08.11.2004	<ul style="list-style-type: none"> i) Pejabat Setiausaha Kerajaan (Dewan Negeri) ii) Pejabat Setiausaha Kerajaan (Perumahan) iii) Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri iv) Pejabat Pembangunan Negeri Pahang v) Jabatan Kerja Raya Negeri vi) Jabatan Kehakiman Syariah vii) Jabatan Pertanian Negeri viii) Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis ix) Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian x) Perbadanan Perpustakaan Awam xi) Majlis Daerah Raub xii) Majlis Daerah Maran xiii) Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh 	<ul style="list-style-type: none"> i) Pembentangan Kertas Ringkas mengenai isu berbangkit dan Jabatan terlibat dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pahang Bagi Tahun 2002. ii) Membincangkan Draf Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Pahang Atas Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2001. iii) Taklimat Mengenai Pembangunan Daerah Temerloh.

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya terdapat kemajuan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedahan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedahan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

14 Julai 2005

LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2004 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2004.


(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JĀLIL)

Ketua Audit Negara

Malaysia


Putrajaya

14 Julai 2005

LEMBARAN IMBANGAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<u>2004</u> RM	<u>2003</u> RM
ASET			
A WANGTUNAI	8	164,924,728.16	34,234,952.73
B PELABURAN	8	126,690,034.08	160,949,855.22
		<u>291,614,762.24</u>	<u>195,184,807.95</u>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9-11	95,767,440.99	139,623.53
D AKAUN AMANAH DISATUKAN	12-16	195,847,321.25	193,544,162.58
E AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	17	0.00	1,501,021.84
		<u>291,614,762.24</u>	<u>195,184,807.95</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATO' HJ. WAN ABDULLAH BIN HJ. WAN SALLEH
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR
20 APRIL 2005


HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH
AKAUNTAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR
20 APRIL 2005

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004**

	<u>Penyata</u>	<u>Nota</u>	<u>2004</u> RM	<u>2003</u> RM
ASET				
F1	PINJAMAN BOLEH TUNTUT	18		
	i Sumber Negeri		78,364,879.93	79,617,043.28
	ii Sumber Persekutuan		168,676,022.46	167,733,385.59
F2	PENYATA PELABURAN	19	376,912.00	376,912.00
F3	TUNGGAKAN HASIL NEGERI		67,315,749.53	58,831,888.00
JUMLAH ASET			314,733,563.92	306,559,228.87
TANGGUNGAN				
G	HUTANG KERAJAAN NEGERI	20	1,522,014,707.22	1,352,899,067.19
JUMLAH TANGGUNGAN			1,522,014,707.22	1,352,899,067.19

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


DATU' HJ. WAN ABDULLAH BIN HJ. WAN SALLEH
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

20 APRIL 2005


HJ. AHMAD BUNIAMIN BIN HJ. ABDULLAH
AKAUNTAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

20 APRIL 2005

C PENYATA RINGKAS HASIL DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

Perihal	2004				2003	
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	%	Sebenar	%
	RM	RM	RM		RM	
BAKI PADA 1 JANUARI			139,623.53		(79,351,473.36)	
C1 HASIL						
Hasil Cukai	100,645,290.00	100,645,290.00	98,633,875.49	20.29	89,548,418.03	21.30
Hasil Bukan Cukai	239,480,310.00	239,480,310.00	297,287,589.38	61.16	246,690,475.52	58.65
Terimaan Bukan Hasil	65,381,530.00	65,381,530.00	90,122,633.70	18.55	84,376,916.48	20.05
JUMLAH HASIL	405,507,130.00	405,507,130.00	486,044,098.57	100.00	420,615,810.03	100.00
C2 PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	168,366,600.00	170,227,558.42	164,320,554.06	42.09	158,798,769.31	46.55
Perkhidmatan Dan Bekalan	79,753,810.00	81,492,075.04	77,434,905.95	19.83	76,297,786.69	22.37
Aset	5,843,620.00	6,253,100.54	5,767,626.93	1.48	5,899,224.34	1.73
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	192,027,200.00	189,243,975.00	141,306,938.83	36.19	98,917,485.18	29.00
Perbelanjaan Lain	603,010.00	2,133,311.00	1,586,275.34	0.41	1,211,447.62	0.36
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	446,594,240.00	449,350,020.00	390,416,301.11	100.00	341,124,713.14	100.00
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN			95,627,797.46		79,491,096.89	
BAKI PADA 31 DISEMBER			95,767,420.99		139,623.53	

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Sehingga 31 Julai 2005**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Tahun Penyata Kewangan Belum Diterima	Bil. Penyata Kewangan Belum Terima
	A. BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2002	2003 – 2004	2
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	-	2004	1
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2004	-	-
4.	Yayasan Pahang	-	2003 – 2004	2
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2003	2004	1
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	-	2003 – 2004	2
7.	Majlis Sukan Pahang	-	2004	1
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	-	2004	1
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2004	-	-
	B. MAJLIS AGAMA ISLAM			
10.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	-	2004	1
	C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	2004	-	-
12.	Majlis Perbandaran Temerloh	-	2004	1
13.	Majlis Daerah Jerantut	-	2004	1
14.	Majlis Daerah Rompin	-	2004	1
15.	Majlis Daerah Bentong	2004	-	-
16.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2004	-	-
17.	Majlis Daerah Raub	2004	-	-
18.	Majlis Daerah Pekan	-	2004	1
19.	Majlis Daerah Lipis	-	2004	1
20.	Majlis Daerah Bera	2004	-	-
21.	Majlis Daerah Maran	2004	-	-
JUMLAH				16

**Pensijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Sehingga 31 Julai 2005**

Agensi Negeri	Bil. Akaun Disijilkan	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Sijil	Jenis Sijil
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2	2000 2001	24.02.2005 18.07.2005	Berteguran Berteguran
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	1	2003	04.02.2005	Tanpa teguran
Yayasan Pahang	-	-	-	-
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2	2002 2003	31.03.2005 07.07.2005	Berteguran Berteguran
Perbadanan Stadium Darul Makmur	2	2002 2003	30.11.2004 06.05.2005	Tanpa teguran Tanpa teguran
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	1	2002	14.10.2004	Berteguran
Lembaga Pembangunan Tioman	1	2003	29.11.2004	Tanpa teguran
Lembaga Muzium Negeri Pahang	1	2002	21.09.2004	Tanpa teguran
Majlis Sukan Pahang	2	2002 2003	31.12.2004 19.05.2005	Tanpa teguran Tanpa teguran
Jumlah Kecil	12			
B. MAJLIS AGAMA ISLAM				
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	2	2002 2003	19.10.2004 05.07.2005	Tanpa teguran Tanpa teguran
Jumlah Kecil	2			
C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN				
Majlis Perbandaran Kuantan	1	2003	11.01.2005	Tanpa teguran
Majlis Perbandaran Temerloh	1	2003	28.03.2005	Tanpa teguran
Majlis Daerah Jerantut	1	2003	27.01.2005	Tanpa teguran
Majlis Daerah Rompin	2	2002 2003	30.09.2004 01.06.2005	Tanpa teguran Tanpa teguran
Majlis Daerah Bentong	1	2003	13.09.2004	Tanpa teguran
Majlis Daerah Cameron Highlands	1	2003	16.09.2004	Tanpa teguran
Majlis Daerah Raub	1	2003	01.12.2004	Tanpa teguran
Majlis Daerah Pekan	1	2003	23.02.2005	Tanpa teguran
Majlis Daerah Lipis	2	2002 2003	09.08.2004 14.04.2005	Berteguran Tanpa teguran
Majlis Daerah Bera	1	2003	16.09.2004	Tanpa teguran
Majlis Daerah Maran	1	2003	11.01.2005	Berteguran
Jumlah Kecil	13			
Jumlah Besar	27			

**Pembentangan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri
Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Julai 2005**

Agensi Negeri		Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Bentang	
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	Tahun Akaun	Tarikh Sijil
A. BADAN BERKANUN NEGERI					
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	1999	16.08.2004	2000 2001	24.02.2005 18.07.2005
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2002	18.04.2005	2003	04.02.2005
3.	Yayasan Pahang	2002	18.04.2005	-	-
4.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2001	30.11.2004	2002 2003	31.03.2005 07.07.2005
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2002	18.04.2005	-	-
6.	Majlis Sukan Pahang	2002	18.04.2005	2003	14.05.2005
7.	Lembaga Pembangunan Tioman	2002	18.04.2005	2003	29.11.2004
8.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	1999	16.10.2003	2000 2001 2002	11.08.2003 16.02.2004 21.09.2004
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2001	04.06.2004	2002	30.11.2004
B. PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
10.	Majlis Perbandaran Kuantan	2002	30.11.2004	2003	26.11.2003
11.	Majlis Perbandaran Temerloh	2002	30.11.2004	2003	28.03.2005
12.	Majlis Daerah Bentong	2002	16.08.2004	2003	13.09.2004
13.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2002	16.08.2004	2003	16.09.2004
14.	Majlis Daerah Raub	2002	18.04.2005	2003	01.12.2004
15.	Majlis Daerah Jerantut	2002	18.04.2005	2003	27.01.2005
16.	Majlis Daerah Lipis	2002	18.04.2005	2003	14.04.2005
17.	Majlis Daerah Bera	2002	30.11.2004	2003	16.09.2004
18.	Majlis Daerah Maran	2002	18.04.2005	2003	11.01.2005
19.	Majlis Daerah Pekan	2002	18.04.2005	2003	23.02.2005
20.	Majlis Daerah Rompin	2002	18.04.2005	2003	01.06.2005

PETA

PETA NEGERI PAHANG

